

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 6 November 2003

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**KEDUDUKAN AHLI JEMAAH MENTERI
SETELAH PERDANA MENTERI BARU DILANTIK**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menyemak Perlembagaan Negara berkenaan dengan masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena pagi semalam. Beliau telah meminta sebuah petua atau *ruling* dari saya berkenaan dengan kedudukan Ahli-ahli Jemaah Menteri selain dari Perdana Menteri setelah seorang Perdana Menteri baru dilantik sama ada Perdana Menteri baru itu dikehendaki menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk melantik semula Ahli-ahli Jemaah Menteri memegang jawatan mereka semula mengikut Artikel 43(2)(b) yang berbunyi seperti berikut:-

“Atas nasihat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik menteri-menteri lain dari antara ahli-ahli mana-mana Majlis Parlimen”.

Sebagaimana kita semua termaklum, Parlimen yang ada sekarang adalah Parlimen yang kesepuluh. Ahli-ahli Jemaah Menteri termasuk Perdana Menteri telah dilantik pada 14 Disember 1999, iaitu selepas dari pilihan raya yang diadakan pada 29 November 1999. Mengikut Artikel 43(2)(a), Perdana Menteri juga adalah seorang Jemaah Menteri. Sebagai lazim, jika mana-mana Ahli Jemaah Menteri berhenti atau diberhentikan oleh Perdana Menteri, maka seorang ahli lain akan dilantik menggantikannya dan hendaklah ahli baru itu mengambil sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Yang di-Pertuan Agong.

Kaedah ini juga terpakai untuk melantik Perdana Menteri yang baru yang juga seorang Ahli Jemaah Menteri. Perdana Menteri baru telah pun menjalankan proses ini pada 31 Oktober yang lepas setelah Perdana Menteri yang terdahulu bersara. Ini berturut bahawa Ahli Jemaah Menteri lain tidak perlu dilantik semula. Ini kerana kerajaan sekarang adalah kerajaan yang dilantik pada 14 Disember 1999 itu, melainkan Perdana Menterinya sahaja ditukar seperti pertukaran lain-lain menteri juga. Sila kaji Artikel 43(5) yang berbunyi seperti berikut:-

“Tertakluk kepada Fasal 4, Menteri-menteri yang lain daripada Perdana Menteri adalah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong melainkan jika pelantikan mana-mana Menteri telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri tetapi mana-mana Menteri bolehlah meletakkan jawatannya”.

Ini bermakna, melalui perkataan-perkataan “...memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong...” pelantikan menteri-menteri lain itu adalah sah dari segi Perlembagaan dan mereka akan terus memegang jawatannya sehingga berhenti sama ada pelantikannya itu dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri atau jika dia meletakkan jawatannya. Oleh yang demikian, ini bermakna Ahli-ahli Jemaah Menteri dalam sesuatu Penggal Parlimen itu akan terus memegang jawatan mereka masing-masing sehingga berlaku kejadian-kejadian yang disebutkan di atas ini.

Hanya Ahli Jemaah menggantinya dilantik semula setelah Parlimen dibubarkan untuk pilihan raya di mana kesemua Ahli Dewan Rakyat termasuk Ahli-ahli Jemaah Menteri akan tamat perkhidmatan mereka. Dalam kejadian ini ataupun dalam kejadian di bawah Artikel 43(4) sahaja barulah kesemua Ahli Jemaah Menteri akan diadakan pelantikan baru. Artikel 43(4) berbunyi demikian:-

“Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar Ahli-ahli Dewan Rakyat, maka Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan jika atas permintaan Yang di-Pertuan Agong membubarkan Parlimen”.

Ini bermakna, hanya jika Perdana Menteri meletak jawatan sahaja setelah tidak mendapat kepercayaan sebilangan besar Ahli-ahli Dewan Rakyat, barulah kesemua

Jemaah Menteri kena meletak jawatan dan kena dilantik semula sama ada lepas diadakan pilihan raya atau tidak. Ini bermakna, jika seorang Perdana Menteri itu bersara, tidaklah berbangkit jawatan seluruh Jemaah Menteri kena dilantik semula.

Kaedah ini juga dijalankan semasa pelantikan Perdana Menteri Keempat, Tun Dr. Mahathir setelah Perdana Menteri ketiga iaitu Tun Hussein bin Onn bersara pada 16 Julai 1981. Begitu juga semasa peralihan dari Tun Haji Abdul Razak kepada Tun Hussein bin Onn. Oleh yang demikian, saya memutuskan bahawa tidak perlu diadakan pelantikan semula kesemua Jemaah Menteri *plus* pelantikan Perdana Menteri yang baru. Dan pelantikan Ahli-ahli Jemaah Menteri yang dilantik terdahulu itu adalah sah dari segi Perlembagaan. Saya membuat petua ini di bawah Peraturan Mesyuarat 99. Sekianlah... [Tepuk]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah langkah Jabatan Pendidikan Swasta mengakreditasi modul pengajian melalui Lembaga Akreditasi Negara (LAN) setiap lima tahun akan memastikan kualiti kelulusan yang dihasilkan akan memenuhi permintaan pasaran guna tenaga di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, tugas pengakreditan dilaksanakan secara terus oleh pihak Lembaga Akreditasi Negara (LAN) seperti termaktub dalam Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 (Akta 556). Dalam usaha menjamin kualiti kursus pengajian di IPTS senantiasanya cemerlang dan berada pada tahap yang tinggi, Akta LAN 1996 dan Akta IPTS 1996, memperuntukkan beberapa peringkat penilaian yang perlu dilalui secara berterusan. Penilaian yang dimaksudkan adalah penilaian kelulusan diikuti penilaian standard minimum dan penilaian perakuan akreditasi.

Selari dengan amalan lazim mana-mana badan jaminan kualiti peringkat antarabangsa, LAN melantik Ahli Panel Penilai yang merupakan pakar dalam bidang berkaitan untuk kerja-kerja penilaian dan proses ini turut melibatkan lawatan ke premis IPTS. Sistem jaminan kualiti yang diterapkan oleh LAN ini diharap mampu menghasilkan graduan yang memiliki kebolehan menganalisis, berdaya saing, mempunyai kemahiran

kreatif dan teknikal kemahiran, komunikasi serta sifat kepimpinan yang tinggi. Dengan cara ini, kita dapat melahirkan graduan yang mampu memenuhi permintaan guna tenaga negara. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat butiran lanjut mengenai sistem akreditasi yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan yang kerap kali mengambil masa yang terlalu panjang. Sekarang dunia sedang berada di dalam pasaran terbuka, di mana negara-negara jiran di selatan dan utara kita, berjaya mengatasi kekangan birokrasi dengan memberikan kelulusan yang terlalu segera kepada IPTS yang ditubuhkan di sana yang kemudiannya mengizinkan pelajar-pelajar luar negara untuk datang belajar dan ini memberikan pendapatan kepada negara yang banyak melalui pertukaran asing dengan izin, *foreign exchange*. Berbanding dengan keadaan negara kita di mana birokrasi ini menyebabkan kekangan yang menghalang pelajar-pelajar luar negara untuk lebih ramai datang. Ini ada kerana setakat ini hanya 36,000 sahaja pelajar luar negara datang berbanding dengan negara di selatan atau utara kita yang agak lebih lambat pembangunannya tetapi dapat membawa pelajar asing lebih ramai masuk.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, bagi menghadapi realiti *competition* ini dengan izin, apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh pihak kementerian agar kualiti dapat dipertahankan, birokrasi dapat dinyahkan kekangannya dan pada waktu yang sama, kita dapat menjamin pelajar-pelajar kita dan pelajar-pelajar luar terus datang ke Malaysia? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan Yang Berhormat juga telah dibincangkan pada hari semalam, kelmarin atau dalam bahasa Inggeris dengan izin, *yesterday*. Sebab sebelah Utara, *yesterday* bermakna kelmarin. Kalau sebelah selatan pula kata semalam tetapi kalau sebelah utara, semalam maknanya *last night*.

Jadi, kita bincang mengenai dengan masa yang diambil oleh pihak LAN untuk membuat *recommendation* kepada pihak Menteri yang membuat kelulusan kepada kursus-kursus yang hendak dikendalikan oleh mana-mana IPTS khususnya. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa katanya iaitu kelulusan mengambil masa selama 5 bulan. Kemudian dia kata, kalau pembaharuan kelulusan mengambil masa

tiga bulan. Standard minimum dan perakuan akreditasi mengambil masa tujuh bulan. Kursus jangka pendek katanya mengambil lima bulan.

Jadi, buat setakat ini kita kata ada kursus-kursus yang dipercepat. Jadi, oleh kerana sudah ditimbulkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat akan saya bawa semula. Terus terang saya katakan, saya akan bawa semula kepada pihak LAN untuk menyatakan bahawa ini masalah yang ditimbulkan oleh pihak Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Saya akan bawa itu untuk katanya mempercepat proses. Walau bagaimanapun, tadi Yang Berhormat juga mengatakan, bagaimana kita hendak mempertahankan kualiti. Sekali lagi saya tetap mengatakan dengan adanya LAN dan LAN ini adalah satu badan berkanun yang mengendalikan soal-soal piawai tadi. Ia bukan membuat kelulusan tetapi membuat *recommendation* kepada pihak kementerian melalui JPS. Selalunya JPS, saya kaitkan dengan Jabatan Parit dan Saliran tetapi di sini, Jabatan Pendidikan Swasta.

Kita tetap akan mempertahankan kualiti setiap kursus di mana tenaga pengajar juga diambil kira. Sekian.

2. Dato' Mohd. Zain bin Haji Omar [Balik Pulau] minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) jumlah syarikat operator pengendalian *Short Messaging Services* (SMS) yang dilesenkan oleh kementerian; dan
- (b) kaedah yang diguna pakai untuk penetapan kos, bayaran kepada pengguna dan sistem pemantauan penyalahgunaan bayaran kepada pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jumlah syarikat pengendalian sistem pesanan ringkas atau *Short Message System* (SMS) dengan izin, yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia adalah sebanyak 37 buah. Ia terdiri daripada 6 buah syarikat pembekal perkhidmatan aplikasi individu serta 31 buah syarikat pembekal perkhidmatan aplikasi kelas yang menyediakan kemudahan perkhidmatan pesanan dengan izin, *messaging*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kos perkhidmatan SMS tidak ditetapkan oleh kementerian atau pun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Kadar SMS ditetapkan oleh syarikat-syarikat pengendalian SMS mengikut keadaan pasaran. Pendekatan sedemikian ini dijangka merupakan kaedah yang lebih berkesan dan dapat memberikan kepelbagaian perkhidmatan kepada pengguna. Di samping itu inovasi yang diperkenalkan oleh syarikat-syarikat pengendali akan menyumbang kepada pembangunan industri ini.

SKMM sentiasa memantau kadar caj baru bagi memastikan tiada penyalahgunaan bayaran dikenakan kepada pengguna. Dalam hal syarikat ini, pembekal perkhidmatan dikehendaki menghantar laporan berjadual yang diaudit. Pihak SKMM juga memastikan laporan tersebut mematuhi standard mandatori untuk kualiti perkhidmatan yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, SKMM memantau kadar caj melalui maklumat-maklumat yang terdapat di media cetak dan elektronik, membuat audit keadaan sampel-sampel bil yang diperolehi secara rambang, ujian sampel dan melalui aduan-aduan yang diterima daripada semua pihak.

SKMM juga menjalankan kajian kos dan menggunakannya untuk memantau tahap bayaran atau kadar caj yang munasabah dikenakan. Sekian, terima kasih.

3. Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang] minta Menteri Luar Negeri menyatakan, sama ada Kerajaan Malaysia mengiktiraf Kerajaan Iraq di bawah Majlis Peralihan Kuasa Sementara Iraq.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia mengambil pendirian bahawa penaklukan ke atas Iraq adalah menyalahi undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menjamin kebebasan, kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf kuasa penaklukan Amerika Syarikat dan Britain di Iraq atau kerajaan sementara yang dilantiknya iaitu *Iraqi Governing Council (IGC)* dari kalangan pemimpin-pemimpin tempatan Iraq.

Malaysia hanya akan mengiktiraf kerajaan baru Iraq sekiranya kerajaan tersebut dilantik atas pilihan rakyat Iraq sendiri dan bebas dari pengaruh luar atau *external influence* melalui satu proses pilihan raya.

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua. Kedudukan Iraq memanglah satu negara yang tidak boleh dikatakan *a sobering state* kerana tidak mempunyai kebebasan iaitu Iraq sekarang di bawah penaklukan Amerika Syarikat. Biasanya negara yang seperti ini tidak diiktiraf dan Malaysia juga sebagaimana jawapan yang diberikan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak mengiktiraf kerajaan sementara Iraq ini tetapi walau bagaimanapun, soalan tambahan saya yang pertama, kenapa wakil Kerajaan Iraq ini dijemput hadir di dalam persidangan OIC?

Yang kedua, sekarang ini banyak negara-negara Islam, negara-negara OIC dan negara-negara lain menuntut Amerika Syarikat supaya memberi peluang kepada rakyat Iraq memilih kerajaannya tetapi mereka sekarang masih melambat-lambatkan perkara ini. Saya hendak tahu, apakah tindakan Malaysia sebagai Pengerusi OIC dan juga NAM dalam hal ini.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Machang. Soalan pertama saya sudah menjawab beberapa kali di Dewan ini dan walau bagaimanapun, saya ingin nyatakan bahawa saya telah menyatakan jemputan wakil *Iraq Governing Council* ke OIC ialah kerana beliau juga sebagai Menteri Luar telah dijemput masuk ke dalam Mesyuarat, *Arab League Admission* - Liga Arab.

Jadi, ini kerana kita juga bertujuan memberikan ruang untuk mereka kerana kita tidak terus bermusuh dengan rakyat Iraq. Kita memberi peluang di mana ada ruang untuk kita dapat bekerjasama supaya pemulihan dari segi khususnya penderitaan rakyat Iraq dapat diatasi.

Yang keduanya, mengenai langkah-langkah bahawa tidak lama dahulu sudah diluluskan satu resolusi di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana ada juga jadual-jadual untuk pemindahan kerajaan di Iraq itu tetapi walau bagaimanapun, kita belum berpuas hati. Kita akan terus mendesak menerusi Kerusi kita di NAM dan OIC dan juga meneruskan kerjasama menerusi deklarasi-deklarasi yang kita telah buat dalam Mesyuarat OIC pada bulan Oktober yang lalu. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Iraq adalah negara yang kedua tertinggi rizab minyaknya dan baru-baru ada persidangan untuk membantu Iraq dalam ekonomi mereka. Apakah Malaysia bercadang untuk bersama dalam menyalurkan kewangan untuk membantu Iraq.

Yang kedua, apakah peluang-peluang yang Malaysia lihat untuk memainkan peranan dalam membangunkan semula Iraq, halangan-halangan yang beri oleh penjajah di situ iaitu Amerika Syarikat, bolehkah Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan ini tentang usaha pemulihan Iraq dan seterusnya pengiktirafan pada masa akan datang terutama sekali peranan Malaysia dalam langkah-langkah menolong mereka dari segi ekonomi. Minta penjelasan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah itu bahawa atas pendirian yang saya sebut tadi, Kerajaan Malaysia tidak akan mengambil bahagian dalam proses pembangunan semula Iraq melainkan ia diterajui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB.

Keduanya, sektor swasta Malaysia bagaimanapun adalah bebas untuk menyertai peluang pembangunan semula Iraq melalui rangkaian perniagaan mereka sendiri. Atas dasar keprihatinan kita terhadap kesengsaraan rakyat Iraq, kerajaan akan terus berusaha menerusi Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq untuk meringankan beban peperangan dan kita akan teruskan menerusi badan-badan seperti MERCY dan juga Palang Merah Antarabangsa.

4. Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sama ada kementerian sedar bahawa pengeluaran kereta proton terdapat beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan prestasinya dalam persaingan pasaran keluaran negara selepas AFTA.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Ir. Ho Cheong Sing]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan memang menyedari akan kelemahan dan kelebihan yang terdapat di kalangan syarikat-syarikat tempatan dalam mengendalikan operasi perniagaan masing-masing. Ini juga tidak terkecuali bagi syarikat kereta nasional Malaysia seperti Proton.

Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa menyeru syarikat berkenaan supaya berusaha untuk bersaing secara kompetitif dengan melaksanakan langkah-langkah yang lebih konkrit bagi menghadapi persaingan apabila AFTA dilaksanakan sepenuhnya dalam tahun 2005. Ini termasuklah seperti apa yang telah kementerian maklumkan di Dewan yang mulia ini sebelum ini.

Usaha-usaha yang mengurangkan kos pengeluaran, pembaikan mutu dan kualiti, membuat pelaburan dalam aktiviti R&D bagi mereka bentuk produk dan mematuhi standard antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Dari jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat jelas menunjukkan bahawa Yang Berhormat ini tak pernah menggunakan lebuh raya. Sebab apa, kalau kita menggunakan lebuh raya, sampai di tol, selalu kalau yang hendak bayar tol itu yang buka pintu ialah Proton. Yang lain saya tak nampak.

Ini satu kelemahan. Kalau sekiranya pengeluaran itu hanyalah untuk penggunaan tempatan, yang dihantar keluar itu dibuat dengan begitu baik, ini satu penganiayaan terhadap pengguna tempatan. Jadi, apakah langkah yang harus diambil oleh pihak syarikat ataupun pihak kerajaan untuk memastikan pengeluaran kita ini dapat bersaing dengan keluaran-keluaran negara lain supaya kita tidak terkebelakang sebagaimana yang ada sekarang ini bukan hanya dalam automobil tetapi dalam hal-hal yang lain, makanan, plastik dan sebagainya nampak kita terkebelakang. Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya naik kereta Proton juga, guna Perdana tetapi tak pernah kena buka pintu semasa hendak bayar tol ya...

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Apa jawapan Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Dato' Ir. Ho Cheong Sing: Tidak perlu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak jawab *[Ketawa]*... Ya, Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mengapakah kereta KIA, produk Korea lebih murah daripada kereta lain termasuk Proton. Apa kita

boleh belajar daripada mereka supaya kereta buatan Malaysia iaitu Proton boleh bersaing dalam dunia ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Ho Cheong Sing: Untuk makluman Yang Berhormat, harga-harga buatan Korea adalah lebih murah sebab itulah *lending cost* ke Malaysia adalah rendah. Harga kereta buatan Korea lebih murah memandangkan kos penggunaan kereta-kereta berkenaan adalah lebih rendah. Di antara sebab-sebab kos pengeluaran kereta-kereta tersebut rendah adalah:

- (i) pengeluar kereta Korea mempunyai *economy of scale*, dengan izin, melebihi 300 ribu unit setahun;
- (ii) pengeluar kereta telah mula beroperasi sejak 1960 dan kebanyakan telah *emotive lacing*, kos tetap;
- (iii) produktiviti yang tinggi oleh tenaga kerja;
- (iv) pengeluar komponen yang kompetitif menyebabkan kos komponen kereta yang rendah.

Sekian.

5. **Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan bercadang agar kajian semula fungsi dan tugas kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di selaras mengikut undang-undang dan kawalan; dan
- (b) misalannya Kementerian Pendidikan diasingkan kepada dua iaitu Pendidikan Tinggi dan Sekolah, Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya disatukan, Kementerian Undang-undang diwujudkan dan sebagainya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar kerajaan sentiasa mengkaji semula fungsi-fungsi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dari masa ke semasa. Dasar ini akan diteruskan, dilaksanakan pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya bergantung kepada keperluan semasa dan perancangan jangka panjang. Sebagai contoh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah diwujudkan pada 30 Januari 2001 dengan mengambil alih fungsi

Jabatan Hal Ehwal Wanita dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara yang dulunya di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya ingin bertanya soalan tambahan. Tidakkah kerajaan melihat bahawa apabila fungsi kementerian atau jabatan itu bertindih, adakah keperluan tambahan kepada guna tenaga manusia, sumber kewangan, ruang pejabat dan payah berkoordinasi dan akhirnya akan menjejaskan efisien dan prestasi fungsi jabatan atau kementerian itu sendiri.

Jadi, adakah ini dilihat sebagai satu perkara yang perlu dibuat penyelidikan awal dan cepat dan tetap masa supaya tidak menjadi masalah kepada negara? Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah disebutkan orang Ahli Yang Berhormat tadi memanglah perkara-perkara yang akan diambil kira oleh kerajaan untuk membuat kajian tentang perwujudan jawatan ataupun percantuman kementerian dan sebagainya. Seperti yang saya jawab tadi, dasar kerajaan adalah untuk meneruskan pengkajian di mana semua ini akan dapat membantu untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada negara ini.

6. **Tuan Haji Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan justifikasi kenaikan harga runcit barangan kawalan seperti ayam, daging yang terus meningkat dan hasil daripada kenaikan ini implikasinya adalah kepada lain-lain barangan yang diperlukan oleh pengguna pada setiap hari akan juga meningkat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengawal harga 21 barangan perlu. Harga barangan tersebut tidak boleh dinaikkan tanpa kelulusan kementerian ini. Mana-mana pihak yang menaikkan harga tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan.

Sempena musim perayaan kementerian juga mengawal harga 25 jenis barang-barang perlu dengan mengisytiharkan senarai barang-barang kawalan musim perayaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Ayam merupakan barangan kawalan sepanjang masa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan harganya adalah dikawal secara pentadbiran oleh kementerian ini.

Bagi memastikan harga dan bekalan produk tersebut berada dalam keadaan stabil, kerajaan telah mengenakan harga siling ke atas produk tersebut iaitu tidak melebihi RM3.50 sekilogram di peringkat ladang bagi ayam hidup atau *ex-farm price* dan RM5.40 sekilogram di peringkat runcit bagi ayam standard iaitu ayam daging siang bersih berserta kepala, kaki, hati dan empedal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak 1 Januari hingga 28 Oktober 2003, harga ayam di seluruh negara di dapati stabil iaitu secara purata dijual pada harga RM5.11 sen sekilogram di Semenanjung Malaysia. Harga ini tidak melebihi daripada harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan.

Mengenai daging lembu pula, harganya tidak dikawal oleh kerajaan sepanjang masa. Harga daging lembu hanya dikawal semasa menyambut musim-musim perayaan sahaja. Dalam hubungan ini harga siling yang ditetapkan oleh kerajaan bagi daging lembu tempatan dan daging kerbau beku dari India untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam bulan ini akan diumumkan seminggu sebelum musim perayaan tersebut.

Walau bagaimanapun, berasaskan pemantauan yang dibuat oleh Kementerian saya, sepanjang tempoh Januari 2003 hingga 28 Oktober 2003, harga daging lembu tempatan dan daging kerbau beku dari India adalah stabil iaitu pada harga purata sebanyak RM14.56 sen sekilogram dan RM6.53 sen sekilogram masing-masing.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri Timbalan Menteri yang menjawab mengenai dengan masalah kawalan harga terutama barang-barang kawalan yang disebutkan sebentar tadi.

Soalan tambahan, untuk meningkatkan prestasi kepada penternak-penternak di negara kita, adakah Kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan Kementerian Pertanian bagi memastikan ternakan di negara kita ini mencukupi kepada pengguna. Apa yang berlaku hari ini, kerajaan masih lagi mengimport daging-daging sama ada di negara India ataupun di Australia.

Soalan yang kedua, baru-baru ini harga daging kambing dalam perayaan Deepavali begitu meningkat sekali, berlipat ganda. Jadi, apakah Kementerian bercadang untuk mengatasi perkara ini di musim-musim perayaan? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, mengenai barang-barang makanan yang diimport memang ini adalah satu perkara yang dapat perhatian serius

oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian memang mempunyai banyak rancangan-rancangan untuk menggalak penternak dan juga syarikat-syarikat gergasi untuk terlibat dalam pengeluaran daging tempatan.

Tetapi banyak bekalan kita telah mencapai *self-sufficiency* atau melebihi daripada apa yang diperlukan oleh rakyat kita. Memang benar kita import daging beku dari India dan juga dari negara-negara asing, tetapi bagi ayam, kita mencukupi atau kita mempunyai pengeluaran yang melebihi keperluan rakyat dan bekalan itu dieksport, begitu juga dengan daging babi, kita eksport ke negara luar daripada Malaysia. Ada juga beberapa pengeluaran makanan yang telah kita berjaya. Walau bagaimanapun, mengenai daging memang ada rancangan-rancangan tertentu oleh Kementerian Pertanian.

Tentang harga kambing, adalah benar bahawa seminggu sebelum musim perayaan, daging kambing yang diimport daripada Australia telah naik harga hampir 30%. Ini telah disebabkan oleh pertukaran mata wang *Australian Dollar* telah meningkat, berbanding dengan Ringgit. Oleh itu, harga itu telah bertambah. Walau bagaimanapun, kita telah mengeluarkan arahan kepada pengimport-pengimport supaya mereka jual dengan harga yang berpatutan dan kalau perlu kita akan menjadikan daging kambing sebagai barang kawalan bersempena dengan musim perayaan Deepavali ataupun mana-mana perayaan pada masa akan datang.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada senarai 25 barangan itu, saya hendak tanya sama ada bawang merupakan barangan terkawal ataupun tidak kerana ia merupakan bahan yang cukup diperlukan menjelang musim perayaan ini dan kita dapati bahawa bawang sekarang ini harganya sampai empat, ataupun lima kali ganda. Adakah kerajaan akan membuat sesuatu untuk menurunkan harga ini? *[Disampuk]*

Dato' S. Subramaniam: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, barang-barang yang akan diisytiharkan seminggu sebelum perayaan Hari Raya Puasa itu adalah sebanyak 25 barang. Bawang besar, bawang merah dan bawang putih adalah termasuk sebagai barang-barang yang akan dikawal tetapi harganya belum diumumkan.

7. Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jika peningkatan kegiatan jenayah di negara kita mempunyai kaitan dengan peningkatan bilangan pendatang asing, serta apakah nisbah kegiatan jenayah yang dilakukan oleh penduduk tempatan berbanding pendatang asing di negara ini. Selain itu, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kes jenayah di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, pengiraan penglibatan rakyat tempatan dan pendatang asing di dalam jenayah adalah berasaskan penglibatan mereka di dalam jenayah indeks iaitu jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai spesifikasi yang memadai untuk dianggap sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah. Jumlah sebenar pendatang asing di negara ini sukar ditetapkan kerana jumlah mereka akan berubah mengikut masa dan juga terdapat pendatang yang memasuki negara ini secara haram.

Perangkaan yang telah diperolehi daripada Jabatan Imigresen Malaysia menunjukkan terdapat sejumlah 1,076,528 pendatang asing di Malaysia setakat tahun 2002. Bagi tujuan pengiraan nisbah perangkaan pendatang asing yang dibekalkan oleh Jabatan Imigresen iaitu sejumlah 1,076,528 orang akan dijadikan sebagai satu rujukan. Warga Malaysia pula adalah seramai 24 juta orang. Dari segi perbandingan jenayah, jumlah jenayah indeks bagi tempoh Januari hingga September 2003 adalah sebanyak 118,464 kes yang telah dilaporkan. Dari jumlah ini sejumlah 2,094 kes telah dilakukan oleh pendatang asing.

Jika nisbah jenayah indeks yang dilakukan adalah sebanyak 1 berbanding 0.0048 bagi rakyat tempatan dan satu berbanding 0.0019 bagi pendatang asing, atau boleh dikatakan bagi setiap 1,000 rakyat tempatan sebanyak 4.8 orang yang melakukan jenayah berbanding dengan pendatang asing sebanyak 1.9 orang.

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah positif di dalam usaha untuk mengatasi masalah peningkatan kes jenayah. Di antara langkah-langkah tersebut adalah seperti mengenal pasti penjenayah-penjenayah ataupun orang-orang yang disangka ataupun disyaki. Kemudian memantau dan mengambil tindakan selaras dengan undang-undang negara. Kerajaan juga telah meluluskan penambahan anggota polis secara berperingkat dan peralatan logistik seperti kenderaan MFB-MPB untuk rondaan yang lebih berkesan serta peralatan komunikasi seperti radio dan lain-lain.

Pihak PDRM sedang dan akan sentiasa menjalankan siasatan terhadap kes-kes jenayah dengan cekap dan berkesan. Pasukan Polis Diraja Malaysia juga telah melepasi, dengan izin, *benchmark* ataupun tanda aras yang telah ditetapkan oleh Interpol bagi dengan izin, *solving rate* ataupun kadar penyelesaian iaitu 20%. Kadar penyelesaian Pasukan Polis Diraja Malaysia adalah 40% dan ini adalah satu pencapaian yang boleh kita banggakan.

Selain daripada itu, pihak polis juga telah mengadakan makmal forensik untuk membolehkan pengesanan jenayah yang lebih berkesan, tepat dan saintifik. Secara keseluruhannya kes-kes jenayah di Malaysia adalah terbendung dan terkawal. Terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapannya. Memandangkan semakin bertambah PTI memasuki negara kita lebih-lebih lagi negeri Sabah dan Sarawak, adakah kementerian bercadang untuk menambah lagi pegawai-pegawai keselamatan di kawasan di mana kadar penjenayah itu tinggi, dan adakah kerajaan akan menambah lagi bilangan anggota-anggota polis dan juga kereta, alat-alat kegunaan mereka dan juga minyak untuk operasi rondaan di kawasan tersebut dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang kita baru bahas ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Yang Berhormat, sebagaimana kita tahu bahawa pihak polis mengadakan kajian dari masa ke semasa, dan jika keperluan untuk ditambah sama ada anggota ataupun lain-lain logistik bagi negeri Sabah dan Sarawak, itu akan diberikan pertimbangan yang serius. Terima kasih.

Datuk Dr. Maximus Johny Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang berkenaan ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, memandangkan kalau kita periksa laporan surat khabar masih banyak kes pendatang asing ini yang didakwa di mahkamah magistrate, berasas kepada kecurian ataupun jenayah yang lain dan khasnya mengenai pemalsuan dokumen. Adakah pihak kementerian dan ini pun dicadangkan daripada dahulu, bercadang supaya tidak payahlah membawa kes-kes ini ke mahkamah kerana ia menambah kepada *backlog*. Mereka ini adalah orang asing, kenapa kita tidak tangkap terus setelah dikenal pasti

asing dan terus hantar balik daripada terus membebankan sistem sosial, tempat tahanan, tempat makan mereka dan seterusnya. Adakah pihak kementerian mengambil pendekatan ini demi mengurangkan impak sosial dan ekonomi kepada sistem kebajikan negara, dan pada masa yang sama mengurangkan penjenayah-penjenayah ini. Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, bagi pendatang-pendatang yang datang tanpa izin ke negara kita, tindakan-tindakan mengikut Akta Imigresen kita memang kita kenakan kepada mereka. Seterusnya mereka akan dihantar pulang tetapi bagi mereka yang datang dengan sah iaitu dengan ada dokumen-dokumen yang penting, mereka juga adalah dianggap sebagai manusia yang dikehendaki mengikut undang-undang di negara kita. Oleh itu, jika mereka melakukan kesalahan dan ditahan, mereka juga akan dikenakan undang-undang negara kita seperti mana rakyat negara kita.

8. **Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan, punca peningkatan kegiatan pelacuran yang makin ketara terutamanya di kalangan anak-anak yang masih dalam pembelajaran dan peningkatan penglibatan warga asing dalam kegiatan ini. Setakat ini apa tindakan kerajaan bagi membendung gejala ini yang makin berleluasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, menurut perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, sepanjang lima tahun kebelakangan ini bilangan kanak-kanak di bawah 18 tahun yang terlibat dengan kegiatan pelacuran telah menurun iaitu daripada 306 kes pada tahun 1998 kepada 97 kes pada tahun 2002. Dari pengalaman mengendalikan kes ini terdapat pelbagai sebab yang mendorong remaja terlibat dengan pelacuran. Di antaranya ialah berlakunya:

- (i) perpecahan dan lemahnya institusi keluarga menyebabkan kanak-kanak ketandusan kasih sayang ibu bapa lalu mencari jalan keluar dari kemelut tersebut dan akhirnya terpengaruh dengan pengaruh-pengaruh negatif yang diperkenalkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab;

- (ii) kurang pengetahuan dalam menyesuaikan diri dalam arus pembangunan lalu terjebak dengan kegiatan pelacuran;
- (iii) ingin mencari jalan mudah mendapat rezeki dengan tidak menyedari kesan buruk yang menanti mereka;
- (iv) mangsa kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membendung kegiatan ini kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah pun menyediakan beberapa program pencegahan dan pemulihan. Program pencegahan dilaksanakan di peringkat daerah melalui aktiviti Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah, Pasukan Pelindungan Kanak-kanak, Pusat Aktiviti Kanak-kanak dan Brigade Kebajikan Perdana. Penglibatan ahli-ahli jawatankuasa ini adalah di peringkat akar umbi yang membantu usaha kerajaan dalam menangani masalah sosial setempat.

Bagi kanak-kanak di bawah usia 18 tahun yang telah menjadi mangsa kegiatan pelacuran, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah menyediakan pusat-pusat pemulihan di seluruh negara supaya mereka dapat dipulihkan melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di institusi kebajikan, iaitu Taman Sri Puteri. Program pemulihan yang disediakan ini adalah untuk warganegara sahaja. Bagi warga asing mereka akan dirujuk kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Apa yang didapati mungkin menurun tetapi dalam masa sekarang ada 10,000 kanak-kanak yang dikatakan *stateless* di Sabah. Apakah langkah yang akan menjurus kepada 13 hingga 14 tahun? Sekarang ini tidak ada undang-undang untuk Child and Girl Protection Acts.

Apakah langkah-langkah kementerian untuk mengambil tindakan tentang masalah *trafficking*. Ini adalah salah satu daripada masalah yang besar dan boleh membawa kepada masalah yang lebih teruk kerana *trafficking of children*, dengan izin, kerana apa yang ditangkap kebanyakannya adalah mangsa dan mereka ini bukan sahaja menjadi mangsa orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan menjadi komoditi ataupun barangan yang dijual beli tetapi apabila ditangkap, mereka sahaja yang didakwa dan menerima hukuman. Apa yang dapat kerajaan atau kementerian

lakukan untuk mengelakkan *trafficking* kanak-kanak ini dan juga dalam perkara khusus 10,000 kanak-kanak di Sabah yang dikatakan *stateless* ini.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan 10,000 lebih kanak-kanak *stateless* ini, sebenarnya kementerian saya telah membuat satu kajian dan mendapati bahawa mereka adalah daripada keturunan pendatang dan kita sedang dan akan mengadakan perbincangan dengan imigresen dan juga dengan Jabatan Pendaftaran supaya kita dapat menentukan kedudukan kanak-kanak ini, kerana mereka juga telah dilahirkan di negara kita dan ada juga beberapa orang yang datang daripada luar negara. Jadi, yang datang dari luar negara telah dihantar balik, tetapi mereka yang ada di Sabah kerajaan akan mengkaji dan menentukan mereka ada surat lahir, tempat tinggal dan sebagainya dan tindakan sedang diambil.

Yang kedua, bagi *child trafficking*, kami ada undang-undang yang ketat, di mana sesiapa yang terlibat dalam hal ini mereka boleh didenda sebanyak RM50,000 dan juga dipenjarakan selama 15 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan sebanyak enam kali, dan kalau berulang lagi boleh diberi sebatan sebanyak 10 kali. Ini adalah satu perkara yang serius dan sesiapa yang mendalang atau menggunakan kanak-kanak untuk mendapat pendapatan, jika kita dapat tahu dan dapat kesan siapa itu, tindakan tegas akan diambil. Terima kasih.

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) tidak hadir]

10. Tuan Joseph Mauh Ak. Ikeh [Selangau] minta Menteri Pertanian menyatakan dengan lebih jelas tentang konsep baru pasar tani mega bagi meningkatkan taraf hidup petani terutamanya di luar bandar di seluruh negara terutamanya bagi Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Kementerian Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, pasar tani diwujudkan dengan dua matlamat. Yang pertama untuk mempertingkatkan tahap keusahawanan dan pengusahaan pasaran hasil-hasil pertanian di kalangan petani-petani agar mereka bersikap lebih *responsive* dan positif dalam pembangunan pertanian. Yang kedua, mempercepatkan proses

pembangunan sosioekonomi petani-petani di luar bandar melalui peningkatan kegiatan di dalam pemasaran pertanian.

Pasar tani mega adalah konsep baru yang diperkenalkan di pasar-pasar tani yang mencapai tahap jualan RM3.5 juta setahun. Buat masa ini pasar tani yang telah mencapai kategori ini ialah Pasar Tani Johor Bahru, Pasar Tani Shah Alam, Pasar Tani Kelana Jaya dan Pasar Tani Taman Melawati. Buat permulaan pasar tani mega ini akan dilancarkan di Johor Bahru pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pasar tani mega ini peralatan perniagaan yang akan digunakan pada masa kini akan ditukarkan kepada peralatan yang lebih baik, kemas dan mudah digunakan. Para peserta diwajibkan menggunakan mesin timbang elektronik, manakala alat pemotong daging dan ayam mestilah menggunakan mesin pemotong dari jenis, dengan izin, *stainless steel*. Pengurusan pasar tani mega dikendalikan oleh pegawai-pegawai FAMA dengan dibantu oleh ahli-ahli jawatankuasa pasaran tani setempat.

Buat masa ini terdapat 21 buah pasaran tani di negeri Sabah dan 15 buah di negeri Sarawak dengan bilangan peserta terlibat seramai 603 orang di Sabah dan 1,294 orang di Sarawak. Nilai produk pertanian yang diurus niaga bagi tempoh Januari hingga Jun 2003 bagi keseluruhan pasaran tani di Sabah dan Sarawak adalah masing-masing bernilai RM1,130 juta dan RM1,082 juta. Sehingga akhir tahun 2003 tambahan empat unit pasaran tani baru akan diwujudkan untuk kedua-dua negeri berkenaan. Pasar tani di Miri akan diperkukuhkan sebagai ala pasar tani mega untuk merebut peluang pasaran daripada pengunjung dari negara Brunei. Terima kasih.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga di atas jawapan daripada pihak kementerian. Oleh sebab ini berkenaan dengan pasar tani, saya ingin tanya juga soalan tambahan tentang masalah petani. Masalah petani dan pekebun kecil di luar bandar Sarawak ialah *marketing*, walaupun ada Timbalan Menteri bercakap tadi berkenaan pasar tani. Sebab masalah untuk memasarkan hasil tanaman mereka, misalnya sekarang musim durian yang banyak di Kuching ada satu biji 50 sen. Kalau musim tidak ada banyak durian, pukul rata harganya kadang-kadang RM5 sampai RM10 satu biji. Itu masalahnya.

Jadi, adakah rancangan masa depan bagi kementerian ini untuk menstabilkan harga hasil petani supaya mereka bukan sahaja menjual barangan mereka dalam negeri tetapi juga mengeksportkan kepada luar negara? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian melalui FAMA giat berusaha untuk membolehkan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani di dalam negara kita bukan sahaja dapat dipasarkan dalam negara, tetapi juga berkeupayaan dipasarkan secara global.

Penekanan diberi kepada isu pemasaran ini, di mana kita telah mengingatkan para petani supaya bukan sahaja dapat menghasilkan hasil-hasil pertanian yang berkualiti, akan tetapi hasil-hasil pertanian yang selamat digunakan. FAMA sentiasa berusaha untuk menentukan bahawa hasil-hasil pertanian yang diusahakan oleh para petani mendapat harga yang setimpal. Sebagai contoh, FAMA akan mengadakan *festival* buah-buahan pada musim buah-buahan di bandar-bandar utama dengan tujuan supaya harga buah-buahan tempatan ini akan dapat dijual dengan harga yang lebih baik.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingat FAMA kena dan perlu belanja lagi lebih untuk memajukan pasar tani ini. Di antara perkara yang saya perhatikan, tapak-tapak pasar tani tidak spesifik ataupun dia menumpang tapak-tapak yang disediakan oleh pihak lain, contohnya kawasan *parking* kereta, kemudiannya padang permainan, kemudian lagi kita lihat dataran bandaran. Jadi kalau untuk *upgrade* lagi dari segi imej dan motivasi peniaga itu sendiri, saya ingat FAMA kena belanja lebih untuk menyediakan tapak khusus sebab rancangan kepada pasar tani mega ini dari segi imejnya mestilah diseragamkan.

Kemudian soalan yang berkait lagi ialah disiplin peniaga itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, disiplin peniaga kita lihat tidak mematuhi asas perniagaan yang maju, kerana mereka sebagai petani, saya agak pihak FAMA sendiri pun boleh kumpullah sekali sekala mereka ini diberi satu latihan atau maklumat yang terkini supaya pasar tani dapat dipertingkatkan prestasi mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kepada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bachok, memang benar kawasan-kawasan pasar tani sekarang adalah di kawasan-kawasan lapang, di kawasan-kawasan

meletak kenderaan. Sebenarnya FAMA ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak berkuasa kerajaan tempatan kerana telah bekerjasama dengan kementerian dalam usaha kita untuk mewujudkan ruang pasaran dalam rangka usaha kita untuk membantu para petani supaya hasil-hasil pertanian mereka dapat dijual pada harga yang berpatutan.

Mengenai dengan disiplin kepada para peserta pasar tani, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FAMA sentiasa mengadakan kursus kepada para peserta pasar tani dan kita selalu mengingatkan identiti pasar tani itu hendaklah dikekalkan. Oleh sebab itu ada payung pasar tani, dan para penjual dinasihatkan supaya pakai apron.

Dalam masa yang sama, kita mengharapkan para peserta pasar tani dapat meningkatkan lagi keupayaan mereka memasarkan hasil-hasil pertanian, bukan sahaja menjual hasil-hasil pertanian di kawasan pasar tani, tetapi kita sedang berusaha supaya mereka dapat menghasilkan hasil-hasil mereka di pasar raya. Jadi, kita berterima kasih ada beberapa buah pasar raya yang telah pun memberi ruang di pasar raya untuk membolehkan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani kita dipasarkan di pasar raya yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab Lisan selesai.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa Tahun 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG PAJAK GADAI (PINDAAN) 2003**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pemegang Pajak Gadai 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

USUL**KAJIAN SEPARUH PENGGAL
RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

[5 November 2003]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab.

11.07 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih bagi pihak kerajaan di atas perbahasan yang telah disertai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RM8)

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal telah digubal berteraskan aspirasi meletakkan kembali ekonomi Malaysia ke landasan pembangunan jangka pertengahan setelah berjaya dipertahankan dan dipulihkan dari pergolakan ekonomi antara bangsa. Tumpuan dasar adalah untuk memperkukuhkan asas ekonomi makro, meningkatkan daya tahan dan daya saing, membangunkan sumber pertumbuhan baru, mempercepatkan pencapaian matlamat sosioekonomi dalam membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat serta meningkatkan kualiti hidup rakyat. Keutamaan

juga diberi untuk menggalakkan sektor swasta mengambil kembali peranan sebagai jentera pertumbuhan sementara sektor awam terus menjadi fasilitator.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan Parit Sulong telah membangkitkan mengenai peranan sektor swasta. Kerajaan sedar ketika kegawatan, pelaburan swasta tidak dapat dipertingkatkan kerana wujudnya lebih keupayaan dan peluang yang mengecil dengan risiko yang meningkat akibat persekitaran yang tidak stabil. Sementara itu, banyak juga yang bergelut untuk menyelamatkan syarikat masing-masing dari kegawatan yang melanda mereka. Alhamdulillah hari ini ekonomi telah pulih dan banyak syarikat swasta telah menjalani penyusunan semula korporat yang menjadikan mereka lebih efisien dan berada di kedudukan yang baik untuk mengambil faedah dari ekonomi yang berkembang.

Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran pelaburan yang fleksibel dan mesra pelabur. Kerajaan juga akan meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan bagi menyediakan pekerja yang mahir yang diperlukan sektor swasta. Sistem kewangan kita akan menentukan kecairan yang mencukupi untuk menyokong tahap pelaburan yang lebih tinggi. Kemudahan kredit dan pakej insentif juga akan diperbaiki supaya memenuhi keperluan pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha untuk meningkatkan lebih banyak usahawan Malaysia dengan mewujudkan *Sogohosha* yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, pelbagai insentif telah pun ditawarkan oleh kerajaan bagi menyokong sektor swasta untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara dagang yang sebenar. Malah kerajaan telah bersetuju agar MATRADE diswastakan supaya dapat memainkan peranan yang lebih aktif bagi menyokong inisiatif firma Malaysia untuk bergiat lebih aktif lagi dalam perdagangan antarabangsa.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong juga telah mencadangkan supaya dikaji semula objektif pengagihan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah ditetapkan pada tahun 1970. Cadangan ini dibuat semata-mata kerana kegagalan untuk mencapai sasaran pemilikan ekuiti bumiputera sebanyak 30% di bawah Dasar Wawasan Negara. Objektif pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan terus menjadi agenda utama pembangunan sosioekonomi negara. Kerajaan tidak nampak kecacatan mengenai hasrat untuk membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat

Malaysia tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya ianya mencerminkan struktur penduduk mengikut kaum demi kestabilan negara, cuma keadaan pelaksanaannya harus diperbaiki.

Kita telah mencapai banyak kejayaan dalam agenda pengagihan. Kadar kemiskinan telah berkurangan kepada hanya 5.1% pada tahun 2002. Bilangan dan peratusan guna tenaga bumiputera juga termasuk ahli profesional telah meningkat, manakala bilangan usahawan bumiputera yang bergiat dalam sektor perdagangan kian bertambah.

Tentang pengurangan peratusan pemilikan ekuiti bumiputera, dari 18.9% pada tahun 2000 kepada 18.7% pada tahun 2002. Pengurangan ini bukanlah disebabkan semata-mata oleh penjualan semula saham-saham yang diperuntukkan kepada bumiputera sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong.

Perlu diingatkan bahawa walaupun dari segi peratusan ianya berkurangan tetapi jumlah pemilikan ekuiti bumiputera sebenarnya meningkat sebanyak RM10.2 bilion dalam tempoh Kajian Semula dengan mencatatkan kadar pertumbuhan purata 7.8% setahun.

Walau bagaimanapun, peningkatan ini adalah lebih perlahan berbanding pemilikan oleh kaum Cina yang mencatatkan kadar pertumbuhan purata 11.2% setahun atau peningkatan jumlah pemilikan ekuiti sebanyak 30.4 bilion dalam tempoh yang sama. Pemilikan ekuiti bumiputera sebenarnya terjejas kerana sifat rapuhnya syarikat bumiputera yang masih kekurangan kepakaran, rangkaian, jalinan, pengalaman, sumber dan modal. Kekurangan ini menyebabkan mereka mudah terjejas akibat pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan. Keadaan pasaran saham yang tidak menentu dan kesan yang berpanjangan daripada krisis dan pergolakan ekonomi antara bangsa.

Kelemahan inilah

Tuan Yang di-Pertua: Dua orang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri kepada siapa?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang mengalu-alukan bahawa usaha untuk membasmi kemiskinan adalah sedang dan akan dilakukan tidak mengira kaum, itu memang satu langkah yang betul. Walau bagaimanapun, saya

sentiasa tekankan bahawa kita mesti sentiasa mengurangkan jurang, tidak jurang digital ataupun bukan digital, itu memang untuk kebaikan negara kita.

Walau bagaimanapun, seperti fakta-fakta yang disebutkan di dalam Kajian Separuh Penggal dan fakta-fakta yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, pun serupa juga. Bolehkah Yang Berhormat mengkaji semula ataupun kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat bagi Kelapa Batas mengkaji semula? Konsepnya ialah kita beri kepada tidak kira kaumlah masa sekarang, ekuiti misalnya kepada GAMUDA ataupun MSC kerana ini dwi syarikat ini yang sering timbul sekarang ini, kerana ia pakar di semua bidang - GAMUDA dan MSC ini - sama ada bijih timah pun dia pakar (Malaysian Mining Corporation), *road building* dia pakar juga, iaitu bekalan air pun pakar juga. Saya pun tidak tahulah apa yang tidak pakar syarikat seumpama ini. Adakah konsep kita beri kepada segolongan walaupun diistilahkan bumiputera?

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kemudian kita harapkan dia itu menolong orang yang miskin yang lain, menolong syarikat yang tidak mampu yang lain. Adakah ini konsep ini benar atau betul. Ini saya nampak itulah konsep kerajaan sekarang, kita memberi tidak kiralah, kalau orang Cina berikan dia, dan kita berharap dia pun akan menolong orang lain juga. Adakah konsep ini kita mesti mengkaji semula supaya kita benar-benar berhasrat untuk membangunkan negara dengan baik, dengan hasrat ini kita mesti mengkaji dari masa ke semasa apakah konsep dan falsafah yang betul ataupun tidak. Sebab saya nampak ada kecacatan di hal yang sedemikian *trickling down effect*. Saya tidak nampak, kalau seseorang menjadi jutawan ataupun bilionair dan sebagainya, adakah beliau sanggup menolong orang lain dengan baik dan berkesan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat panjang sudah itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, panjang juga ulasan itu nampaknya. Jadi, apabila dikira saya harus merumuskan kepada dua perkara iaitu sama ada kerajaan bersedia mengkaji semula soal pengagihan itu supaya lebih adil. Keduanya sanggup kah seseorang yang telah memperoleh habuan yang tertentu itu menerusi agihannya membantu orang lain.

Pokoknya ialah kesediaan kerajaan, jawapan yang harus diberi ialah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ahli dari Kepala Batas kita akan berbuat sedemikian, malah masyarakat yang disebut oleh Yang Berhormat bagi kepong itu yakni MMC dan GAMUDA bukan seluruhnya muktamad lagi.

Kabinet telah pun meneliti untuk menentukan sama ada cerakinan kepentingan telah di ambil kira dalam soal-soal yang berkaitan dengan dasar untuk menunjukkan kesamarataan taraf dan juga keadilan atau dengan izin, *fairness* seperti yang sering ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru, juga telah ditegaskan oleh beliau kelmarin yakni semalam bahawa beberapa pendekatan sekarang hendaklah dilaksanakan iaitu menghindari daripada rasuah *good governance* dan juga pertanggungjawaban.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin menerima ini dalam konteks yang agak sinis ataupun hanya menyatakan dengan izin Oh! *We have heard that before*, kita harus memberi peluang kepada pimpinan baru negara untuk mencerminkan apa yang telah diumumkan sebagai *pivotal* ataupun penting dalam urus tadbir negara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit dahulu.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim:oleh kerana ucapan ini panjang dan juga kita mempunyai 16 undang-undang lagi yang harus kita selesai. Jadi, izinkan saya menyambung sedikit. Kelemahan inilah yang perlu ditangani dan kerajaan yakin sekiranya ia dilakukan bersama dengan masyarakat bukan bumiputera yang lebih jauh ke hadapan lebih banyak dan cepat hasil akan diperolehi. Kita perlu menukarkan ke arah berfikir dan bertindak sebagai usahawan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Yang Berhormat Pokok Sena beberapa penyesuaian strategi pengagihan perlu dibuat bagi memenuhi keperluan semasa serta menghadapi senario ekonomi global yang berubah. Perlu kita fahami bahawa pendekatan penyusunan semula masyarakat khususnya penyusunan semula hak milik modal saham atau syarikat dilaksanakan dalam suasana ekonomi yang berkembang. Ini penting bagi mengelakkan rasa kehilangan di kalangan kaum lain. Untuk

mengembangkan ekonomi ini kita perlu selain menarik pelaburan asing kita juga perlu memaksimumkan produktiviti syarikat-syarikat domestik melalui beberapa pendekatan impak termasuk struktur cukai dan galakan-galakan lain.

Kerajaan akan terus memastikan bumiputera juga dapat menceburi dan menguasai sektor-sektor strategi. Namun bagi struktur strategi keselamatan negara kerajaan akan berhati-hati dan akan memastikan kepentingan negara terjamin. Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga menyuarakan kekusarannya mengenai pencapaian kaum Melayu di Pulau Pinang. Kedudukan kaum Melayu di Pulau Pinang sebenarnya hampir sama dengan pencapaian kaum Melayu di negeri-negeri lain. Di samping itu terdapat ramai di kalangan Melayu Pulau Pinang yang berjaya namun sebahagian daripada mereka umumnya tidak lagi menetap atau di negeri asal mereka. Malah mereka bertebaran di seluruh pelosok negara dan juga di luar negara. Namun demikian tidak dinafikan bahawa sungguhpun telah banyak mencapai kejayaan beberapa segmen masyarakat Melayu terutamanya di peringkat negeri memerlukan pembelaan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengagihan pendapatan Yang Berhormat bagi Tambun dan Kuala Nerus membangkitkan jurang

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:*[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat ada yang berdiri, Pokok Sena.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: ...pendapatan yang kian meningkat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. Tentang isu Melayu Pulau Pinang ini, walaupun disebut bahawa Melayu Pulau Pinang ini pencapaiannya sama dengan Melayu lain, saya rasa kenyataan ini masih boleh dipertikaikan. Apakah ukuran kita hanya kepada jumlah yang berjaya yang tertentu seperti mana Perdana Menteri sendiri, dia berjaya menjadi Perdana Menteri, anak Melayu Pulau Pinang tetapi kehidupan masyarakat Melayu Pulau Pinang masih jauh ketinggalan seperti yang saya sebutkan bahawa bekas Perdana Menteri ayahanda Tun Dr. Mahathir sendiri pernah merungut bahawa Melayu Pulau Pinang jauh ketinggalan daripada Melayu di negeri yang lain.

Jadi, macam mana hari ini pula kerajaan mengatakan bahawa pencapaian Melayu Pulau Pinang masih sama dengan Melayu yang lain. Saya tidak dapat hendak

menerima bahawa apa-apa *argument* yang sebenarnya hanya untuk di peringkat keyakinan bahawa pencapaian Melayu Pulau Pinang telah menyamai pencapaian Melayu yang lain ataupun menyamai Melayu lain, bermakna Melayu lain pun tidak maju seperti mana yang disebutkan oleh bekas Perdana Menteri bahawa memang dalam tempoh 22 tahun dia menjadi Perdana Menteri, Melayu tidak maju. Adakah bermakna bahawa Melayu Pulau Pinang dengan Melayu lain memang sama-sama tidak maju pencapaiannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ayat saya ialah Melayu di Pulau Pinang sebenarnya hampir sama dengan pencapaian kaum Melayu di negeri-negeri lain. Saya tidak menyatakan sama, oleh itu jika hendak kita gunakan istilah penentuan sebenarnya barangkali apa Yang Berhormat sebutkan itu merupakan betul, yakni ada *disparity* dalam beberapa sektor dan juga segmen pencapaian. Oleh kerana Yang Amat Berhormat dari Kepala Batas baru benar menjadi Perdana Menteri kita berikan peluang kepada beliau untuk membuat sifir dan juga *equation* baru bagaimana agaknya yang hampir sama tadi itu satu hari akan dilonjakkan menjadikan orang Melayu kita di Pulau Pinang lebih berjaya dan dapat diperakukan data tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebenarnya mengakui bahawa pencapaian bumiputera dalam sektor-sektor yang disebutkan sama ada sahamnya atau pegangan kapital asetnya, kita masih rendah. Justeru pandangan dari pembangkang pun kita harus terima sebagai teguran yang positif. Jadi *approach* inilah yang kita perlukan untuk menyambung perjuangan ekonomi di negara kita supaya sama-sama kita dapat lahirkan perasaan yang menjurus kepada pencapaian yang sebenar. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua tidak pula dinafikan bahawa sungguhpun telah banyak mencapai kejayaan dalam sektor ekonomi kita, beberapa segmen masyarakat Melayu terutamanya di peringkat negeri memerlukan pembelaan terus .

Dari segi pengagihan pendapatan pula Yang Berhormat bagi Tambun dan Kuala Nerus telah membangkitkan jurang pendapatan yang kian meningkat. Mereka menyatakan bahawa ketidaksamaan pendapatan telah meningkat sedikit antara kaum serta antara kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Menteri..

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Saya habiskan dahulu. Ketidaksamaan pendapatan juga meningkat antara golongan pendapatan rendah dan pendapatan tinggi sebagaimana yang digambarkan oleh peningkatan *berkali gini* dalam tempoh kajian semula, perkara ini adalah dalam tindakan dan juga penelitian terus menerus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Menteri. Berkaitan dengan soal Melayu Pulau Pinang lagi, sebab walaupun disebut bahawa kita beri peluang kepada Yang Berhormat bagi Kepala Batas yang baru menjawat jawatan Perdana Menteri untuk melakukan suatu pembaharuan kepada Melayu Pulau Pinang. Sebenarnya bagi saya bahawa jika masyarakat Melayu Pulau Pinang telah memberikan peluang dan pengharapan yang begitu besar kepada pemimpin-pemimpin politik Melayu di Pulau Pinang termasuklah Yang Berhormat bagi Kepala Batas dan kita jangan nafikan bahawa Kepala Batas juga merupakan pengerusi perhubungan UMNO negeri Pulau Pinang yang bertanggungjawab terhadap koordinasi dengan kerajaan negeri dan Yang Berhormat Kepala Batas juga merupakan bertanggungjawab dalam mewujudkan PERDA, agensi untuk membantu Melayu Pulau Pinang.

Yang Amat Berhormat, Ahli bagi Kepala Batas juga merupakan orang yang bertanggungjawab dalam jawatankuasa pemandu, jawatankuasa Yayasan Bumiputera Pulau Pinang tetapi kita lihat bahawa masyarakat Melayu Pulau Pinang masih jauh ketinggalan. Jadi, soalan yang saya hendak bangkitkan di sini ialah soal kewujudan agensi-agensi kerajaan yang terdapat dalam usaha untuk membantu Melayu Pulau Pinang. Umpamanya UDA, PERDA kemudian MARA dan agensi yang saya sebutkan yang berkaitan dengan Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri, tidak memperlihatkan komitmen, kesungguhan mereka dalam hendak membantu Melayu Pulau Pinang.

Contohnya PERDA, sepatutnya dia boleh mewujudkan bank tanah untuk memiliki tanah-tanah orang Melayu Pulau Pinang yang hampir tergadai, tetapi dia tidak melakukan seperti mana yang sepatutnya. Ini saya lihat bahawa sepatutnya dilakukan

oleh PERDA dan juga agensi-agensi yang lain untuk membantu masyarakat Melayu Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Teguran itu saya percaya merupakan *message* lantang kepada pihak-pihak berkenaan apa tah lagi kepada pucuk pimpinan kerajaan kita yang baru. Saya maklum badan-badan seperti PERDA yang diwujudkan pada tahun 1983 dan 1984 mempunyai peranan penting, begitu juga UDA dan lain-lain. Gesaan yang harus kita buat kini seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri kelmarin agar kaedah penyampaian projek-projek tersebut tidak keciciran dalam bentuk penyelewengan ataupun salah guna matlamat dan lain-lain.

Selain daripada itu kita perlu menyatakan berat mata memandang berat lagi bahu yang memikul kepada Perdana Menteri kita yang baru. Saya masih bertegas kita berilah peluang kepada beliau untuk menegaskan peranan yang lebih nyata dan juga pencapaian yang lebih jitu.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhan agihan pendapatan dalam negara telah bertambah baik apabila lebih ramai isi rumah berhijrah ke kelas pendapatan yang lebih tinggi. Sebagai contoh peratusan isi rumah berpendapatan rendah yang didefinisikan sebagai mereka yang berpendapatan kurang daripada RM1,200 sebulan telah berkurangan daripada 33.1% pada tahun 1999 kepada 25.9% pada tahun 2002. Sebaliknya peratusan isi rumah berpendapatan pertengahan iaitu yang berpendapatan antara RM1,200 dan RM3,500 telah meningkat dari 47.7% kepada 47.9%. Manakala golongan berpendapatan tinggi iaitu yang mempunyai pendapatan melebihi RM3,500 telah meningkat dari 19.2% kepada 26.2% dalam tempoh kajian semula. Ini jelas menggambarkan kedudukan pengagihan pendapatan yang lebih baik.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu mengenai kemiskinan dan secara khusus Yang Berhormat bagi Larut dan Jeli telah mencadangkan supaya dikaji semula pendapatan garis kemiskinan yang didakwa tidak menggambarkan kedudukan semasa. Garis kemiskinan yang digunakan oleh kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Timbalan Menteri.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [*Bangun*]

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: digubal pada tahun 1977....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: ... ianya di kemas kini setiap tahun untuk mengambil kira perubahan harga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak balik kepada isu pengagihan pendapatan tadi, saya bersetujulah dari segi perbandingan antara tahun ke tahun bagi satu-satu kaum meningkat bila kita buat secara komparatif antara kaum, kita dapati kaum bumiputera masih lagi rendah. Saya dapati masalah ini timbul kerana kapasiti kaum bumiputera dalam sektor ekonomi mahupun dalam sektor sosial masih lagi rendah.

Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyentuh banyak perkara, telah pun mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum bumiputera dan saya percaya bahawa masalah ini telah kita kenal pasti cukup lama. Tetapi sehingga kini kita dapat lihat bahawa pencapaian untuk meningkatkan kapasiti bumiputera masih lagi rendah.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, di manakah letaknya masalah, adakah dari segi pelaksana ataupun dari segi sasaran Yang Berhormat? Maknanya pelaksana kita, kementerian, agensi peringkat negeri juga tidak menzahirkan prestasi yang tinggi ataupun dari segi sasaran iaitu kaum bumiputera itu memang sukar dibangunkan dan apakah tindakan baru yang harus dibuat untuk mengatasi masalah itu.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Yang Berhormat dari Tambun. Tuan Yang di-Pertua soal ini bukan soal *esoteric* dengan izin, atau berasingan. Soal ini adalah sekali dengan masalah-masalah pembangunan masyarakat. Jadi pengolahan atau pendekatan sekali gus atau *all round* dengan izin, perlu kita ambil. Soal sikap merupakan satu soal yang *basic*, kedua ialah jentera penyampaian antara apa yang didasarkan dengan apa yang diterima oleh masyarakat di bawah. Justeru

sekali gus kita harus melihat ini sebagaimana *umbilical cord* ataupun talian pusat kepada gerak kerja kerajaan itu sendiri dengan pencapaian yang diperolehi oleh masyarakat di bawah.

Kalau kita bercakap tentang pelaksanaan dan sasaran dalam buku Rancangan Malaysia Kelapan semuanya teratur dalam bahasa yang baik dan juga butir-butiran yang lengkap tetapi apabila pelaksanaan itu dilihat dari hari ke hari tentulah ada bezanya dengan apa yang telah dicomelkan dalam buku itu dengan pencapaian. Kerajaan sedia menerima teguran dalam soal ini sebab itulah Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *the linkage of the linkages must be overcome* dan cara kita menanganinya ialah dengan azam yang baru dan juga dengan perancangan yang disusun serta timbal balas tindakan di bawah menerusi jenteranya... [*Tepuk*] Insya-Allah kita akan berjaya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tumpat pula berdiri Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim : Errr..!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekejap saya habiskan dua para lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, teruskan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sebab Tuan Yang di-Pertua, ia ada kaitan. Beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara ini yakni isu mengenai kemiskinan dan secara khusus Yang Berhormat Larut dan Jeli dikaji semula pendapatan garis kemiskinan itu. Pandangan ini walaupun kerajaan telah menentukan semenjak tahun 1977 ia perlu beroleh penyingkapan baru ataupun idea yang sekiranya praktikal boleh kita terima.

Mengenai pembasmian kemiskinan di kalangan minoriti bumiputera, di Sabah dan Sarawak yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Keningau dan Serian, tindakan sedang diambil untuk menggubal satu program pembasmian kemiskinan khusus untuk golongan minoriti bumiputera di kedua-dua negeri berkenaan berdasarkan penyiasatan khas pendapatan isi rumah 9 kumpulan di Sabah dan 9 lagi di Sarawak. Di Sabah misalnya kumpulan yang terpilih adalah di Bisayah, Idahan, Eranum, Kedayan,

Orang Sungai, Pulau Kokos, Rungus, Sulu atau Suluk dan Tidong. Di Sarawak pula ia meliputi suku kaum Bisayah, Bukitan, Kedayan, Kajang, Ayan, Kelabit, Kenyah, Lunbawang dan Penan. Usaha ini kini diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi bersama-sama dengan Unit Perancang Ekonomi negeri Sabah dan Sarawak serta dibantu oleh agensi-agensi peringkat negeri dan Persekutuan. Apabila pelaksanaan program ini berjalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari kedua-dua negeri tersebut mungkin boleh mengambil pengamatan yang lebih dekat dan memberi balik maklum balas yang setimpal.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang jurang di antara yang kaya dan yang miskin dalam negara Malaysia kita ini, mengikut kajian para ekonomi antarabangsa jurang antara kaya dengan miskin di Malaysia berbanding dengan negara-negara serantau adalah paling teruk mengikut statistik '*gini co-efficient*' berbanding dengan Indonesia, Vietnam, Laos, Thailand, Philipina, negara Malaysia adalah paling teruk dalam erti kata bahawa jurang antara yang kaya dengan yang miskin paling ketara di negara kita berbanding dengan negara-negara yang saya sebutkan tadi.

Jadi apakah rancangan dan cadangan kerajaan untuk membetulkan jurang yang terlalu besar antara kaya dan miskin dalam negara kita. Keduanya berkenaan dengan masalah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ataupun kedudukan 30% bumiputera dalam ekonomi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa ahli-ahli pembangkang mempunyai pandangan yang perlu diambil positif tetapi saya ingin mengingatkan bahawa ahli-ahli daripada pihak kerajaan juga menyuarakan hal ini dengan lantang dan saya ingin bertanya sama ada kerajaan akan bertindak dengan tegas di atas harapan Yang Berhormat bagi Gua Musang yang meminta supaya kerajaan bertegas apabila sampai tahun 2010 matlamat 30% ekonomi untuk bumiputera itu akan dicapai dan tidak ada lagi tangguhan-tangguhan masa ke masa-masa yang lain. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Diucapkan terima kasih kepada Ahli dari Tumpat. Tuan Yang di-Pertua, pandangan bahawa jurangan antara si kaya dengan si miskin atau jurang perbezaan antara seseorang yang begitu besar perolehan kewangannya dengan mereka yang di bawah sentiasa dibangkitkan, tetapi setakat ini

kajian yang muktamad belum dapat kita lihat dari dekat. Sekiranya, katalah Yang Berhormat dari Tumpat secara nyata mendapatkan satu kajian yang telah dibuat dan ini telah pun ketara kerajaan tidak akan mengelak daripada menelitinya dari segi yang lebih positif tetapi saya akui iaitu perbezaan ini memang ada. Oleh yang demikianlah maka Dasar Ekonomi Baru dan juga pendekatan untuk memberikan peluang-peluang yang lebih setaraf dengan kedudukan menaikkan perenggan pencapaian ekonomi itu kita landaskan kepada usaha sama.

Jika soal ini kita siasahkan sedemikian rupa hanya untuk dapatkan *milage* kita akan rugi tetapi jika pandangan bernas dari semua Bumiputera tidak kira dari pembangkang ataupun dalam kerajaan kita rumuskan bagi satu misi yang penting saya kira akan membantu 18.7% yang dirakamkan secara rasmi pada hari ini. Untuk menjawab soalan yang segmen kedua tadi susulan dari pandangan Yang Berhormat dari Gua Musang sesungguhnya itu perlu kita jadikan sebagai butir cabaran. Kita telah merdeka sekian lama dan kita masih mengatakan belum lagi mencapai 20%. Tidak guna bagi pihak di sini misalnya mengatakan ini sebab, sebab-sebab, sebabnya oleh itu kita hanya menyatakan pencapaian ini telah sedemikian tetapi hakikat lain tidak diterima. Jawapan seperti itu saya kira tidak akan membantu juga. Oleh yang demikian marilah kita cari jalan tengah dan masa yang ditetapkan itu kita sama-sama cuba capai supaya 30% itu dapat kita jadikan penjelmaan nyata.

Yang Berhormat dari Sipitang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membaca sedikit dahulu baru kita ulas.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tidak lama sekejap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dahulu, dia hendak baca.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Yang Berhormat dari Sipitang membangkitkan mengenai pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera atau MTPB, kerajaan setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa

usaha untuk mewujudkan lebih ramai usahawan bumiputera adalah sesuatu yang sukar dilakukan. Kejayaan yang dicapai setakat ini adalah perlahan berbanding dengan pelbagai program bantuan yang disediakan oleh kerajaan. Bagi makluman Yang Berhormat dari Sipitang juga memang kerajaan berusaha menerapkan ilmu dan asas perniagaan serta keusahawanan di kalangan bumiputera seawal usia yang mungkin termasuk di perenggan sekolah dan institusi pendidikan tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, yang mana dahulu Menteri? Dua orang berdiri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri, kita banyak kata tentang penubuhan ekonomi atau ekuiti bumiputera dan juga bukan bumiputera tetapi saya rasa ada satu kumpulan ini ataupun *Malaysian Indian* yang perlu diberi perhatian kerana ekuiti Melayu atau bumiputera telah meningkat, ekuiti orang Cina pun telah meningkat tetapi untuk masyarakat India ini ekuitinya tetap 1.5% sahaja.

Jadi apakah kerajaan akan buat untuk memberi bantuan kepada golongan ini supaya mereka juga membangun dengan kita semua? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan dalam kajian semula, kerajaan berazam untuk memperakukan bahawa pencapaian yang rendah itu dapat diselaraskan sekurang-kurangnya *quid pro quo* berbanding dengan bilangan atau komuniti atau masyarakat berkenaan di samping peluang-peluang yang mereka boleh lakukan.

Yang kedua ialah usaha dalaman sendiri yang diajukan oleh kaum India menerusi pimpinannya. Mengadakan pelbagai latihan vokasional dan juga latihan profesional. Walaupun kaum India didapati nisbah profesionalnya tinggi berbanding dengan mereka yang berada di tahap-tahap yang dikecualikan daripada rakaman datanya, kerajaan berharap angka-angka yang dikatakan mencerminkan kelemahan itu

dapat kita serapkan dalam tindakan segera dalam tempoh yang telah diperakukan.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tambun berdiri Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tambun, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak balik kepada isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya amat tertarik apabila Yang Berhormat menyatakan tentang jentera pelaksana. Tadi saya menyatakan sasaran, kita tahu sasaran kita memang lemah jadi di sini pentingnya jentera pelaksana merupakan faktor kritikal dalam menentukan kita dapat meningkatkan kapasiti semua kaum dalam negara. Jadi isu yang ingin saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, bila kita bercakap tentang jentera ataupun organisasi dan bila *delivery* sistem ini tidak baik bermakna organisasi itu lemah dan untuk kita tahu organisasi kita itu lemah mestilah satu kajian mendalam dilakukan untuk melihat balik dari segi falsafah, dari segi agensi tersebut sama ada masih lagi relevan atau tidak program-program pelaksanaan kewangan dan sebagainya dan ini merupakan satu tugas yang cukup besar yang perlu dilakukan.

Jadi adakah kerajaan akan melakukan perkara ini dan pihak mana yang akan melakukan kerana seperti mana yang saya nyatakan sektor ini yang perlu kita lihat balik secara yang begitu serius, kiranya tidak kita buat dengan betul maka rancangan-rancangan yang hendak kita buat tidak akan mencapai sasaran.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Yang Berhormat Tambun. Tuan Yang di-Pertua, soal jentera tadi dan pelaksanaan saya telah sentuh. Yang belum kita sentuh secara mencukupi ialah sikap.

Dalam soal sikap ini, ia tidak semudah seperti kita berceramah atau merumuskan sesuatu pandangan. Misalnya Program TEKUN yang dilaksanakan. Kenapa misalnya ada beberapa sektor dalam negeri tertentu di Semenanjung yang begitu tinggi tahap bayaran kembali tetapi ada didapati bayaran kembali di sesetengah negeri cukup rendah. Kerajaan telah berpendapat dan kementerian berkenaan

memaklumkan bahawa sikap mereka yang meminjam di bawah skim itu berubah dari satu kawasan geografi kepada yang lain.

Sementara itu menjadi masalah terus bagi kita, kelemahan-kelemahan yang lain seperti Yang Berhormat bagi Tambun menyatakan tetap ada dan jentera penyampaian tadi, berkaitan dengan tegas atau tidaknya pelaksanaan dari sudut undang-undang dan pentadbiran. Sekiranya seseorang itu didapati menyeleweng ataupun tidak menjalankan tugasnya mengikut carta yang ditentukan, tentulah tindakan perlu diambil. Soalnya, adakah sektor awam mencukupi pelaksanaan ataupun tindakan disiplin yang dikenakan kepada pihak yang cuai.

Semua ini nampaknya telah ditimbulkan dalam beberapa perbahasan dalaman kerajaan kita baru-baru ini dan hasil dari perbahasan di Dewan ini juga, saya akan maklumkan kepada Kabinet oleh sebab sikap kita yang baru, positif, bahawa teguran-teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat perlu di bawa ke perenggan yang tinggi supaya lekas dapat kita menemukan dengan justifikasinya apabila dibangkitkan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua izinkan saya menyambung sedikit

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat Tambun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...benar banyak agensi yang terlibat dalam program membantu bumiputera. Perkara ini akan kita kaji termasuklah badan seperti UDA misalnya. Badan ini sudah lama tetapi penelitiannya dari segi pencapaian prestasi perlu diselaraskan dengan teguran-teguran lain yang dikemukakan oleh pelbagai pihak, rakyat dan juga pemimpin kita. Perkara ini akan dikaji dan langkah akan kita ambil bukan sahaja untuk memperkemas dan mempertingkatkan keberkesanan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan tetapi juga keberkesanan program yang dijalankan.

Bagi makluman Yang Berhormat bagi Parit Sulung, Serdang dan Bukit Mertajam

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tambun berdiri lagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ucapan saya panjang. Saya pohon diteruskan sebentar, bagi peluang kepada pihak lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Bagi makluman Yang Berhormat bagi Parit Sulung, Serdang dan Bukit Mertajam, sememangnya diakui bahawa sungguhpun telah banyak kemajuan dicapai dalam aspek penyusunan semula struktur guna tenaga negara terutamanya guna tenaga dalam sektor swasta yang merupakan kira-kira 80% daripada guna tenaga negara, ianya masih tidak seimbang dan tidak mencerminkan komposisi penduduk. Dalam pada itu, gesaan kerajaan supaya sektor swasta mengambil lebih ramai pekerja bumiputera khususnya dalam bidang pentadbiran dan pengurusan untuk menyusun semula guna tenaga bukanlah satu pertembungan yang dikira menimbulkan keadaan yang tidak sihat.

Bagi makluman Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kerajaan sentiasa menggalakkan semua kaum lebih-lebih lagi di kalangan bukan bumiputera untuk menyertai sektor awam khususnya dalam pekerjaan di mana penyertaan mereka adalah rendah. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak dapat menjanjikan ganjaran atau gaji yang lumayan berbanding dengan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Lipis dan Kinabatangan membangkitkan isu keseimbangan wilayah khususnya mengenai masalah bekalan air ke kawasan luar bandar. Perkara ini telah pun dijawab kelmarin oleh pihak yang bertugas tetapi memadai bagi saya pada pagi ini menyatakan adalah hasrat kerajaan untuk melihat pembangunan seimbang dapat dicapai melalui usaha mempelbagaikan asas ekonomi dan penyediaan infrastruktur yang lebih baik kepada semua rakyat di negara ini terutama penduduk di kawasan luar bandar bagi membolehkan mereka menikmati kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan kemudahan lain yang diperlukan dengan mencukupi dan seterusnya membolehkan mencapai taraf hidup yang lebih tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2003 kerajaan telah berjaya menyediakan bekalan air bersih kepada kira-kira 86% penduduk luar bandar di seluruh negara. Kerajaan sentiasa berusaha menerusi Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan beberapa kementerian lain bagi meningkatkan capaian atau akses penduduk luar bandar terhadap kemudahan infrastruktur yang lebih baik. Bagi menampung permintaan air yang semakin meningkat di kawasan luar bandar, kerajaan juga sedang giat melaksanakan projek bekalan air luar bandar di bawah sistem alternatif program bekalan air luar bandar di seluruh negara. Sumber air, tanah juga akan terus diberikan penekanan sebagai sumber alternatif kepada bekalan air permukaan. Di samping itu program pengurusan bekalan air yang bersaiz kecil serta mampu dibina dan dikendalikan oleh masyarakat setempat akan diberikan tumpuan untuk dilaksanakan di kawasan luar bandar.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun membangkitkan pula isu mengenai pelbagai agensi yang terlibat dalam pengendalian institusi latihan kemahiran awam dan mencadangkan supaya institusi latihan tersebut diurus tadbir oleh satu agensi sahaja bagi memudahkan pengurusannya.

Pada masa ini terdapat tiga agensi utama yang mengendalikan latihan kemahiran iaitu MARA, Jabatan Tenaga Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan. Setiap agensi ini mempunyai matlamat dan objektif tersendiri dan pembangunan sumber manusia khususnya latihan kemahiran merupakan elemen penting dalam usaha untuk mencapai objektif masing-masing. Walaupun cadangan ini didapati prospeknya baik tetapi ketiga-tiga agensi ini juga telah menunjukkan tahap pencapaian yang amat tinggi dan menggalakkan. Justeru kerajaan berpendapat, buat sementara ini penglibatan mereka dalam latihan vokasional dan kemahiran itu harus diberi peluang terus.

Yang Berhormat dari Keningau meminta kerajaan mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah yang ramai di Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah merangka beberapa langkah bagi mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia terutamanya di kalangan siswazah termasuk yang berada di Sabah. Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM225.8 juta di bawah Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) yang telah dilancarkan pada November 2001. Menerusi lapan skim yang telah dilaksanakan, para graduan di peringkat ijazah

dan diploma lepasan institusi pengajian tinggi telah diberi peluang mendapatkan latihan terutama dalam bidang ICT, Bahasa Inggeris dan keterampilan serta mendapat pengalaman bekerja yang akan dapat meningkatkan dengan izin, *marketability* dan *employability* mereka.

Selain program SSL, kerajaan juga telah memperuntukkan RM30.34 juta untuk mengadakan latihan di Program Peningkatan Kemahiran Siswazah atau *Graduate Reskilling Scheme* (GRS). Pelaksanaan program ini adalah melalui Pusat Pembangunan Kemahiran (PPK) negeri termasuk PPK Sabah. Sejumlah RM100 juta lagi diperuntukkan di bawah Strategi Baru yang telah dilancarkan pada bulan Mei tahun 2003 di bawah Tabung Latihan Semula bagi menyediakan pelbagai program latihan dan *reskilling* untuk graduan baru dalam bidang terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit Buntar meminta kerajaan melihat balik dasar dan pelaksanaan projek penswastaan supaya tidak diberikan kepada sahabat atau kroni tertentu sahaja yang tidak mampu menguruskannya serta mengakibatkan kerajaan terpaksa mengambil alih projek tersebut.

Selaras dengan pengumuman Perdana Menteri baru kita pada 3 November 2003 di Dewan yang mulia ini, kerajaan akan tetap mematuhi tuntutan supaya arus tadbir kerajaan terhindar daripada sebarang rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa. Adalah wajar bagi Yang Berhormat supaya membuat laporan terus kepada BPR bersabit dengan sebarang amalan rasuah yang tersua.

Saya menegaskan, pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi akan mengotakan apa yang diumumkankannya di Dewan yang mulia ini tentang azam membasmi rasuah dalam apa jua bentuk dan amalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Menteri. Saya menyambut baik hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru kita untuk membasmi rasuah. Cuma apa yang saya hendak ingatkan di sini bahawa ungkapan inilah ungkapan yang sama yang diungkapkan 22 tahun dahulu oleh ayahanda daripada Kubang Pasu. Bersih, cekap dan amanah, *good governmet*, kerajaan baik, kerajaan telus dan sebagainya. Inilah ungkapan yang sama 22 tahun

dahulu tetapi akhirnya apa yang kita lihat bahawa dalam tempoh perjalanan 22 tahun yang dulu, bahawa orang yang mengungkap kerajaan bersih, cekap dan amanah ini juga orang yang menghalang bekas Ketua Pengarah BPR untuk menyiasat bekas Gabenor Bank Negara. Ini diakui sendiri oleh bekas Ketua Pengarah BPR.

Jadi sekarang, kami masyarakat dan rakyat sekali lagi diletakkan satu pengharapan bahawa kerajaan yang baru ini ialah kerajaan yang hendak membasmi rasuah. Sebelum ini Timbalan Perdana Menteri hendak pastikan bahawa tahun 2003 bersih daripada dadah tetapi kita lihat bahawa komitmen yang bersungguh-sungguh daripada Kementerian Dalam Negeri dalam membasmi dadah pun tidak berlaku.

Jadi saya hendak minta satu keyakinan daripada kerajaan untuk diberikan kepada rakyat dan keyakinan itu mestilah ditunjuk dalam tempoh sebulan dua ini, tidak boleh ditunggu satu tempoh yang lama sebab sudah ada kes yang disiasat pada zaman perjalanan 22 tahun Kubang Pasu menjadi Perdana Menteri dahulu iaitu kes Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, kes bekas Ketua Menteri Melaka yang sudah ada *report*, cadangan yang pertuduhan yang dibuat oleh BPR tapi sehingga hari ini kita lihat kerajaan gunakan alasan-alasan kononnya bahawa Jabatan Peguam Negara mendapati kekurangan kes, tidak ada bukti.

Semuanya ini alasan yang digunakan untuk melindungi rasuah yang dilakukan oleh kroni-kroni kepada pemimpin negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jadi saya hendakkan supaya bahawa keyakinan ini mesti diberi. Saya mengharapkan supaya kerajaan yang baru ini boleh membuka semula fail Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga fail bekas Ketua Menteri Melaka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kiranya benar-benar kerajaan di bawah kepimpinan Dato Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi ini untuk membasmi rasuah. Kalau tidak, ini hanyalah bagi saya retorika yang sama seperti mana yang diungkap 22 tahun yang dahulu oleh Yang Berhormat bagi Kubang Pasu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ungkapan Yang Berhormat bagi Pokok Sena ini seolah-olah sudah hilang daun pokok itu. Jadi tidak ada memberi satu pun harapan kepada kepimpinan yang baru. Lagi pun kisah kita membangkitkan perkara lama ini sebenarnya akan mencuit perasaan ataupun kudis lama.

*Kalau disengat ikan gelama,
Lekaslah ubat dengan jampi,
Jangan diingat perkara lama,
Nanti sentiasa menyakit hati...[Tepuk]*

Jadi kita hendak pandang depan. Depan ini ialah perkara yang akan dicuba. Perdana Menteri baru kita baru enam hari jadi Perdana Menteri. Jadi ungkapan mengatakan bahawa *this is the old story*, saya telah buat rumusan tadi. Barangkali jangan kita jatuh ke situ. Kita pergi kepada *the prospective of the future*, dengan izin.

Jadi dengan itu oleh Yang Berhormat bagi sebab Pokok Sena juga mempunyai pandangan tajam, kerajaan juga mempunyai pandangan tajam dan jelas apa hendak dibuat pada masa depan. Untuk rekod, BPR pernah berjaya, *indict* atau mendakwa bekas Speaker negeri Selangor. BPR pernah mendakwa dan berjaya terhadap seorang bekas Menteri Besar Selangor dan juga seorang bekas Ketua Menteri Melaka dan juga seorang bekas ADUN di Negeri Sembilan. Ramai yang telah berjaya tetapi barangkali Yang Berhormat bagi Pokok Sena tidak mahu menyebut kejayaan-kejayaan itu. Di samping itu, banyak lagi kejayaan yang telah dicapai olehnya.

Dalam menjalankan undang-undang rasuah sebagai salah satu cabang jenayah sosial, ia tidak semudah kes bunuh ataupun kes curi. Tentunya memerlukan pelbagai *ambit of evidence*, dengan izin, dan juga hujah yang tertera di dalam undang-undang kita. Misalnya, kuasa Pendakwaraya di bawah Perkara 145 itu sendiri adalah sentiasa di dalam penelitian awam. Apakah kesaksamaan dapat kita cetuskan daripada soal beliau menjalankan tugas dengan *evidence* atau *ambit of evidence* yang saya sebut tadi. Ini salah satu daripada permasalahan tetapi saya pohonlah supaya kita bersabar sebentar dan melihat pencapaian kerajaan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Yang Berhormat bagi Sri Gading?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Dia sudah raut muka, tentu dia hendak cakap...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Wah! Sila Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Kalau ada air cetek,

Jangan pula naik kolek,

Yang lama itu cukup cantik,

Yang baru ini pun molek...[Ketawa]

Dan ini ditakuti sangat oleh parti pembangkang. Lebih-lebih lagi pilihan raya hendak menjelang. Oleh yang demikian, tidak ada jalan lain, yang molek, yang cantik yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional cuba hendak diburuk-burukkan. Maka itu diwar-warkanlah perkara-perkara, kadang-kadang fitnah, pembohongan seolah-olah betul.

Jadi, saya mintalah kerajaan benar-benar tegas, memberitahu rakyat tentang pembohongan, penipuan, fitnah yang dibuat oleh parti pembangkang yang sengaja hendak mencari keuntungan politik, lain tidak ada. Dia sudah takut kalah dalam pilihan raya yang ke 11 mungkin dari sebelah sana ramai yang tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh! Itu dia.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya apa Yang Berhormat ramalkan itu nyata nanti, saya salah seorang daripada yang turut gembira tetapi yang lebih menggembirakan, harap yang sebelah sana itu bersama dengan kita pada suatu hari nanti untuk memerintah negara dengan baik. Itu lebih baik tetapi jika kemenangan pun dalam pilihan raya akan datang, kita terima dengan syukur alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung sebentar lagi. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh pula membangkitkan isu penswastan yang mengakibatkan kos atau bayaran meningkat, manakala kualiti perkhidmatan menurun. Sebelum sesuatu perkhidmatan diswastakan, segala kos bagi penyediaan perkhidmatan itu ditanggung oleh kerajaan. Teguran ini harus diterima dalam semangat memperbaiki keadaan dan kerajaan akan berwaspada dalam menentukan supaya risiko tanggungjawab projek diawasi melalui perjanjian penswastan dan dibuat pengamatan yang lebih teliti.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Apa yang berlaku ialah apabila sesuatu perjanjian penswastan itu dimeterai, ada beberapa *point* ataupun perkara di dalamnya yang tidak ternampak oleh mana-mana pihak sebelum dimeterai perjanjian tersebut. Hanya setelah perjanjian dirasmikan maka timbullah masalah-masalah yang menjadi turutan atau *sequence* kepada masalah-masalah lain. Ini akan kita ambil pengamatan yang serius dan oleh kerana pandangan-pandangan kritis terhadap penswastan itu telah sampai ke tahap di mana kerajaan perlu tegas, ia akan diperbaiki.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar membangkitkan mengenai statistik rasuah dalam negara, sementara Yang Berhormat bagi Kepong menyarankan supaya kerajaan membentuk Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat rasuah dan supaya Badan Pencegah Rasuah (BPR) dijadikan sebagai badan yang bebas sepenuhnya dan bertanggungjawab terus kepada Dewan Rakyat bagi memastikan keberkesanan BPR mengatasi gejala rasuah di negara ini dengan lebih telus.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai keyakinan yang penuh di atas kewibawaan Badan Pencegah Rasuah sebagai sebuah agensi khusus yang dipertanggungjawabkan untuk membendung dan mencegah jenayah tersebut dan penyelewengan serta salah guna kuasa di negara ini...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...Kerajaan juga berpuas hati dengan keberkesanan Badan ini dan melaksanakan fungsi serta tanggungjawabnya dalam membanteras jenayah rasuah mengikut kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan. BPR bebas untuk menyiasat sesiapa sahaja di bawah kuasa-kuasa yang diperuntukkan

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:oleh undang-undang dan kerajaan akan memastikan sebenarnya kebebasan BPR tersebut terjamin.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Sejak kerajaan baru mengambil alih dalam seminggu ini, tema utama nampaknya ialah untuk membentuk sebuah kerajaan yang bersih. Bolehkah tidak sebagai satu komitmen, kerajaan mengumumkan status siasatan yang telah berjalan selama ini dalam beberapa kes yang utama? Dan untuk makluman Yang Berhormat bagi Sri Gading, apa yang dilaporkan kepada BPR, sebahagiannya dilaporkan oleh pihak-pihak di luar daripada pembangkang.

Dalam kes bekas Menteri Besar Pahang, laporan polis dan BPR dibuat oleh ADUN daripada Berserah, dalam kes Menteri Besar Selangor, laporan dibuat oleh seorang penulis bebas yang bukan anggota mana-mana parti, dan dalam kes MAS, Perdana Menteri sendiri telah menyebut di London dalam bulan Januari 2002 bahawa ada penyelewengan besar dalam MAS; dalam kes penyelewengan pembelian saham Naluri bernilai RM260 juta, laporan ini dibuat oleh pihak lain; dalam kes PPRT, bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar, laporan dibuat oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Bolehkah tidak kita mengambil kesempatan ini untuk kerajaan mengumumkan status kajian BPR terhadap kes-kes yang besar ini.

Selain daripada itu, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kerajaan akan mengkaji semula harga-harga kontrak yang dilaksanakan melalui penswastan dan *design and built* yang digunakan oleh Kementerian Kewangan. Kita lihat bahawa perbelanjaan bagi dua tahun pertama RMK-8 ialah RM71 bilion, iaitu 65 peratus dari keseluruhan peruntukan bagi RMK-8 dan bagi tahun 2003 dalam bajet kita, kita akan berbelanja sebanyak RM35 bilion. Bermakna bagi tempoh dua tahun

kemudian, tahun 2004 dan 2005, baki untuk RMK-8 hanya RM3 bilion, dan ini sebahagian besar disebabkan oleh proses *design and build* yang telah menyebabkan harga-harga kontrak menjadi begitu mahal.

Bolehkah tidak kerajaan memberi komitmen bahawa tatacara bagaimana projek ini diuruskan selama ini di bawah Kementerian Kewangan akan disiasat dan disemak semula?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pengumuman sama ada boleh atau tidak dibuat oleh BPR berkaitan dengan sesuatu kes yang disiasatnya, malangnya di bawah Akta Pencegahan Rasuah yang baru, tahun 1997, Ketua Pengarah BPR atau pegawai tingginya sebenarnya dihalang oleh undang-undang untuk membuat pengumuman tentang sesuatu kes. Jadi, baru-baru ini kita telah mengemukakan soal ini dalam konteks akauntabiliti dan juga keperluan untuk lebih *transparent*, dengan izin. Jadi, kita dapati peruntukan itu menghalang pegawai dan juga pihak berkuasa untuk membuat pengumuman tersebut. Sebelum itu, saya sendiri telah meminta supaya mana-mana laporan yang dibuat kepada Polis Diraja Malaysia misalnya, dalam tempoh yang tertentu, diberi statusnya kepada yang membuat laporan. Alhamdulillah, seksyen yang berkenaan, iaitu seksyen 107 dan 120 CPC atau Kanun Acara Jenayah, sedang dalam proses pindaan dan apabila proses ini selesai yang kita akan bawa ke Dewan ini, apa yang akan jadi ialah pihak yang menerima laporan itu hendaklah dalam tempoh yang tertentu, memberikan maklum balas kepada mereka yang membuat laporan dan seterusnya jika, sama ada pihak polis atau BPR tidak memberikan laporan status itu kepada Pendakwa Raya dalam tempoh tertentu, sesuatu tindakan boleh diambil. Sama-samalah kita tunggu pindaan ini dan saya percaya ini akan dilakukan secara tahap demi tahap bagi memberi keberkesanan kepada apa yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri baru kita.

Berkaitan dengan permasalahan yang akhir itu, saya hanya dapat menyebut iaitu kerajaan akan membuat penelitian terhadap tatacara penyiasatan dan juga setakat manakah tatacara tender misalnya, perlu kita perkemaskan lagi. Jika tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, seksyen 15 Akta Prosedur Kewangan tidak pernah kita pinda semenjak Merdeka. Jadi, ini mungkin memerlukan Kabinet dan kerajaan kita membuat penelitian yang baru...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Kelmarin juga telah ditegaskan bahawa sistem keterampilan dan juga tanggungjawab ini mesti diterjemahkan dalam perolehan atau *procurement* kerajaan.

Yang Berhormat bagi Kepong melahirkan juga pertimbangan susulan Malaysia

....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Izinkan saya, Tuan Pengerusi, menyelesaikan perenggan ini sebab tidak panjang lagi. Sekejap sahaja.

Yang Berhormat bagi Kepong melahirkan kebimbangan susulan Malaysia sebagai negara Islam. Sebenarnya tiada apa-apa yang berubah sebelum atau selepas kenyataan bekas Perdana Menteri tentang soal ini. Pelaburan dari luar dan dagangan antarabangsa kita terus dalam keadaan membanggakan. Yang penting ialah usaha kita memaksimumkan produktiviti, entiti korporat domestik kita di samping menghargai, dengan izin, FDI atau *foreign direct investment*.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ini masih berkenaan dengan BPR. *Climate*, soal persekitaran, suasana yang ada pada BPR bila menerima laporan-laporan dan juga *follow-up* daripada laporan-laporan itu yang didapati pihak BPR terutamanya yang berpejabat di Putrajaya, agaknya tidak begitu mesra dan tidak begitu prihatin bila kita buat *follow-up* itu. Ini terjadi kepada saya dan beberapa teman tentang *follow-up* yang kita buat mengenai laporan rasuah oleh Menteri Besar Selangor. Bukan sahaja dingin tetapi rasanya kita tidak dilayan. Bukanlah kita hendak dilayan macam mana, Yang Berhormat Menteri tetapi tidak dilayan dengan sepatutnya. Sepatutnya ada kemesraan, sepatutnya ada *enthusiasm*, dalam lain-lain perkataannya, bila melayan, sebab orang ini beri perhatian kepada masalah rasuah yang sedang dihadapi.

Perkara kedua, saya diberitahu oleh pelapor-pelapor, terutamanya yang saya kenal yang telah melaporkan kes-kes ini, di samping melaporkan, dia pula yang di *interrogate*, dengan izin, perkataan itu. Mana dapat bahan, mana dapat maklumat dan sebagainya, seolah-olah hendak menyabitkan kesalahan kepada orang yang

melaporkan, bukan melihat kepada inti laporan itu dan bentuk tindakan, *framework* tindakan yang akan diambil tentang laporan tetapi lebih kepada hendak mencari kesilapan kenapa dilaporkan, fasal apa dibuat laporan, apa persekitarannya, mana dapat, siapa yang beritahu, lebih menjurus ke situ, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

Tuan Yang di-Pertua, layanan jabatan-jabatan *front-line* atau jabatan-jabatan depanan masyarakat ini, tadi telah saya sebut di awal penggulungan, perlu diperbaiki beberapa segmen penyampaiannya, khidmatnya dan juga reaksinya. Jika boleh, peranan bagi pihak-pihak yang menerima laporan ini disamakan dengan *front-line department* atau jabatan tersebut maka BPR juga tidak seharusnya membuat beberapa tindakan yang di luar garis panduan yang sedang digubal itu.

Pandangan Yang Berhormat mengenai kes yang tertentu itu, saya sendiri di Dewan ini telah menjawabnya beberapa kali tetapi mungkin tidak memuaskan. Walaupun demikian, oleh kerana pandangan ini adalah pandangan yang merupakan mungkin menjejaskan imej ataupun prestasi BPR sendiri, di sekalian dengan pandangan daripada beberapa pihak kerajaan juga, maka layanan kepada masyarakat itu, perlu saya sampaikan menerusi jurusan kerajaan kepada pihak berkenaan. Sedangkan, pegawai-pegawai itu pun adalah terikat di bawah *General Orders* dan tidak terikat khusus di bawah peraturan lain. Sama ada kita gunakan kuat kuasa Bab 'D' atau lain dari segi jurusan menentukan layanan kepada masyarakat, kita akan menyampaikan hal yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong menyentuh tentang perlunya mewujudkan suasana yang menyeimbangkan antara rohani dan jasmani. Jawapannya memang seperti yang diduga, kerajaan telah berusaha sedaya upaya dalam jurusan bimbingan kelas keagamaan dan juga dalam jurusan-jurusan lain untuk menentukan supaya warga Malaysia tidak hanya fizikal ataupun jirimnya diutamakan tetapi, *the pursuit of spiritual goodness* dengan izin, juga dapat kita tentukan. Adunan ini tidak perlu di *amplify* atau dipanjangkan, cuma harapan kita ialah mereka yang menjadi guru

ataupun media untuk menjadikan warga Malaysia yang lebih teradun dengan baik ini, menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah sampai ke perenggan yang terakhir dan dengan ini saya menyatakan bahawa, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan memberi peluang kepada kita untuk menilai kembali prestasi yang telah kita capai dan....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...dan seterusnya membuat pindaan yang perlu untuk memantapkan lagi dasar.....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...dan strategi yang akan dilaksanakan. Ya Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat Menteri, saya bukan yang *cynical*. Itu sebabnya saya rela bagi peluang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru dan saya telah kata, bahawa DAP sedia bekerjasama untuk mengatasi beberapa cabaran yang telah saya nyatakan, sehingga ada orang tanya saya, sama ada saya suka memasuki Barisan Nasional tetapi saya sanggup lagi mengulang bahawa kita sangguplah memberikan peluang kepada Perdana Menteri yang baru tetapi apa yang akan mengkhawatirkan kita ialah apabila Yang Berhormat Menteri dan juga pemimpin-pemimpin lain mengulangi kenyataan yang lama iaitu seperti BPR begitu berwibawa dan sebagainya.

Oleh kerana, kita tahulah begitu banyak catatan telah lahir, telah wujud, oleh kerana kita percaya bahawa BPR tidak boleh menjalankan kerjanya dengan begitu efektif. Saya juga hendak timbulkan ini bahawa masalah korupsi di Malaysia, bukan boleh diatasi dengan mengurangkan birokrasi ataupun mengatasi masalah prosiding. Saya bagi satu contoh di sini. Saya dapat maklumat daripada orang ramai di Melaka bahawa walaupun tidak ada arahan secara bertulis, sesiapa pegawai kerajaan, kalau tidak ambil *supplier computer* kepada jabatan kerajaan, daripada pembekal satu orang sahaja, hendak dia *in full text*, tidak boleh diluluskan.

Bagaimana ini kita hendak katakan ianya korupsi? Tetapi semua orang di Melaka tahu. Ini menjadi masalah. Saya bagi satu contoh lagi mengapa korupsi begitu menyusahkan rakyat. Saya tahu, sentiasa Jabatan Bekalan Air disalahkan oleh kerana tekanan air tidak cukup dan jurutera..., saya jurutera. Kita akan jawab kita punya *design* betul semua. Kenapa tekanan air tidak cukup? Saya ada kawan yang pernah korek tanah tahu, 10 tahun dahulu, *technician* tidak jaga, jadi kontraktor tukar dengan paip yang saiz kecil. Kalau tidak percaya, kita cuba korek semua tanah di Melaka tengok.

Bagaimana kita boleh buat korupsi? Ini ada prosedur. Dia mesti jaga, kena tengok *supervise* tetapi kalau korupsi berlaku, diri salah pun tidak nampak. Jadi, saya kata bukan setakat prosedur sahaja. Saya tahu Kementerian Kewangan banyak prosedur tetapi tengok apa yang berlaku. Begitu banyak projek atau tender itu akan secara *direct negotiation* walaupun sebenarnya ia adalah satu *exception*. Jadi, cadangan saya boleh kah Yang Berhormat Menteri mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru, kita dirikan satu *Public Service and Government Leaders Integrity Commission* supaya ada kes-kes yang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock:seperti ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock:kes seperti ini, yang belum jadi kes korupsi atau tidak ada bukti kukuh tetapi kita boleh minta supaya *commission* ini yang berwibawa untuk menyasat supaya bagaimana kita dapat mengatasi masalah. Bukan sahaja korupsi. Ia belum sampai tahap korupsi tetapi ada penyelewengan wang yang boleh kita bantu berhentikan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Tuan Yang di-Pertua. Secara ringkas, input saya kepada soalan ini ialah sistem penyampaian atau *delivery system* sebenarnya apa yang dibangkitkan itu. Jika *delivery system* ataupun sistem penyampaian itu yang merupakan masalah, maka ia tidak dapat kita salahkan BPR. Ini adalah masalah pentadbiran di kerajaan negeri atau di agensi kerajaan tempatan tetapi jika dalam sistem penentuan spesifik ataupun penentuan kualiti, maka ada pihak sengaja tidak mengikutnya, itu juga boleh diambil tindakan menerusi prosedur kerajaan yang ada.

Tetapi saya bersetuju dengan pandangan atau anggapan bahawa integriti tadi menjadi soal pokok. Jadi, saya suka menyatakan di Dewan ini, Perdana Menteri baru telah mengarahkan di dalam Mesyuarat Kabinet kelmarin supaya sebuah National Integrity Institute ditubuhkan dan ini akan menjawab sebahagian besar daripada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan. Sebab itu, beliau telah mengarahkan supaya perkara ini dapat diketahui oleh Dewan ini dan kita berharap National Integrity Institute ini bukan lagi merupakan satu lagi jabatan atau satu lagi birokrasi tetapi ia akan membantu kita untuk secara ikhlas menentukan tahap kita menjelang daripada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundurkan diri, ada dua soalan yang saya cuba untuk menjelaskan iaitu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, beliau bertanya, adakah kerajaan mengenal pasti konsortium kedua bagi menjalankan aktiviti cari gali minyak di *marginal fuels* dan menetapkan terma-terma kontrak yang sama seperti Petronas atau secara kontrak perkongsian pengeluaran PSC. Beliau mencadangkan supaya negeri-negeri yang terdapat minyak seperti Kelantan, Terengganu dan Sabah ditawarkan untuk menganggotai konsortium tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kerajaan masih belum memuktamadkan konsortium kedua untuk menjalankan aktiviti cari gali minyak di *marginal fuels*. Kerajaan berpandangan, dengan memberi peluang tersebut, konsortium ini akan memperoleh pengalaman dan kemahiran bagi membolehkan mereka lebih diyakini dan dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu dan Sabah diberi peluang. Perlu dimaklumkan bahawa konsortium tersebut perlulah terdiri daripada syarikat-syarikat yang mempunyai pengalaman luas dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan industri cari gali dan pengeluaran minyak, di samping mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Ini adalah kerana industri cari gali minyak merupakan *intensification* modal, teknologi dan kepakaran yang amat tinggi.

Tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengenai baki peruntukan pembangunan sebanyak RM50 bilion untuk 2 tahun terakhir rancangan, sememangnya agak ketat. Namun, kerajaan akan menimbang pelaksanaan projek di bawah konsep perkongsian sektor awam dan swasta. Projek

dalam sektor pendidikan, kesihatan dan infrastruktur akan dikenal pasti. Pendekatan ini yang berasaskan kepada model bina-pajak-pindah atau *build-lease-transfer*, boleh dilaksanakan melalui beberapa kaedah seperti cara reka bentuk, bina-biaya-pindah atau *design build-finance-transfer*, bina-kendali-pindah atau *build-operate-transfer* dan bina-pindah atau *build-transfer* dengan izin.

Sektor swasta akan mendapatkan pembiayaan daripada pelabur institusi untuk membina dan mengendalikan kemudahan berkaitan bagi tempoh jangka panjang. Syarikat akan memperoleh hasil secara langsung daripada pengguna atau kerajaan atau kedua-duanya bergantung kepada jenis dan daya maju projek.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sudah habis dah Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis sudah?

Tuan Husam bin Haji Musa: Bagilah sekali, bulan baik.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan konsortium kedua minyak negara kita. Saya belum jelas tentang terma yang akan dipakai, iaitu adakah akan diberikan konsesi ataupun melalui *profit hiring* seperti yang diamalkan oleh Petronas dengan syarikat-syarikat lain juga.

Yang kedua, saya ambil kesempatan ini dalam rejim yang lalu saya telah bertanya beberapa kali, saya ingat tidak kurang lima kali, tentang harga yang dibayar oleh Petronas kepada 49% saham Ananda dalam KLCC. Saya berharap dengan pertukaran rejim baru, kerajaan yang baru, Perdana Menteri baru, *new broom sweep clean*, kita berharap mendapat angka tersebut. Kalau tidak hari ini pun, Yang Berhormat Datuk bagi minggu hadapan pun, saya sangat menghargai.

Yang terakhir sekali, Yang Berhormat Datuk di awal tadi ada sebut bahawa kerajaan belum menetapkan sepenuhnya GAMUDA MMC. Saya kurang faham apa yang tidak sepenuh itu dan apa benda yang belum ditetapkan? Adakah berkaitan dengan *double tracking* utara, selatan dan saya inginkan penjelasan lebih lanjut tentang perkara tersebut. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, masalah MMC dan GAMUDA itu belum lagi mencapai perenggan

muktamad oleh kerana telah disyaratkan iaitu kerajaan tidak akan terikat sekiranya butir-butir yang hendak dipersetujui itu adalah jelas dan juga memberi keuntungan kepada kerajaan berbanding dengan pihak-pihak yang awalnya mengemukakan tawaran. Oleh itu, ia hanya setakat *award* atas kerja yang mungkin berlaku sekiranya *pre-condition* dengan izin, dipenuhi kemudian. Pihak saya juga telah ditugaskan oleh kerajaan supaya meneliti perjanjian yang mungkin dikenal pasti di peringkat kemudiannya.

Oleh yang demikian, perkara ini terletak di paras yang masih *negotiable* dan ianya akan hanya menjadi muktamad sekiranya semua butiran dan laporan serta daya usaha dan daya saingnya berbanding dengan keperluan-keperluan lain dapat dipastikan.

Kedua, tentang kecurigaan Yang Berhormat mengenai belian saham Petronas itu, saya tidak ada butirnya di sini, mohon maaf. Sekiranya ini diperlukan, saya kira hal ini boleh dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk mendapat butirannya. Jadi, dengan jawapan sebegitu, saya berharap Yang Berhormat telah dapat menerima....

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:perenggan tadi, pertama....

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan.....

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya sudah sampai ke perenggan terakhir.....

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Soalan saya yang saya tanya berkenaan dengan peruntukan pembangunan. Saya kata, ada ura-ura yang mengatakan bahawa sekiranya kerajaan hendak menyelesaikan semua projek yang telah diluluskan, jumlah yang diperlukan bukan RM160 bilion tetapi RM185 bilion. Adakah ini benar? Kalau benar, mengapa kerajaan tidak minta RM185 bilion? Itu yang pertama.

Yang kedua akhirnya, berkenaan dengan *Islamic state*. Dahulu, apabila DAP bekerjasama dengan PAS, ada tuduhan bahawa DAP menyokong penubuhan negara Islam dan kita kata tidak benar dan kita bagi satu justifikasi bahawa kalau hendak menubuhkan sebuah negara Islam di Malaysia, perlukan *two thirds majority* dan kita pada masa itu kata bahawa PAS tidak akan dapat *two thirds majority* tetapi Kerajaan

Barisan Nasional telah tanpa meminda Perlembagaan Malaysia telah boleh menubuhkan negara Islam dan ini jadi satu masalah besar di Malaysia.

Walaupun Yang Berhormat kata, bahawa ini tidak akan pinda tetapi ini satu isu yang penting. Jangan takut...*[Disampuk]* Di mana Kerajaan Barisan Nasional boleh mengabaikan Perlembagaan Malaysia dan mengumumkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam. Walaupun sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: ...impresi yang diberikan kepada rakyat ialah bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, cukuplah.

Tuan Kerk Kim Hock: ...*status-quo* akan kekal tetapi boleh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri fahamlah.

Tuan Kerk Kim Hock: ...bagaimana dan siapa boleh jamin bahawa semuanya akan kekal dan tidak berubah di dalam kandungan negara Islam yang dikatakan oleh Barisan Nasional.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Yang Berhormat bagi Kota Melaka membawa beban lama. Jadi, beban ini sebenarnya saya sudah letakkan pada perenggan ketujuh tadi... *[Ketawa]* Kalau dibangkitkan juga, jawapan saya, saya hendak baca Perlembagaan kita, Fasal 3 ini. Ia berbunyi, "*Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.*"

Kalau agama rasmi ialah Islam, tidak salah bagi bekas Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia adalah negara Islam tetapi ia bukan hendak mengubah *constitution* atau Perlembagaan ini. Hak bagi pihak-pihak lain mengamalkan agama masih dijamin. Justeru itu tidak perlu lagi kita perhebatkan debatnya di perenggan akhir ini melainkan untuk mengujinya sama ada apa yang disebut oleh bekas Perdana Menteri kita dapat kita beri justifikasinya dalam amalan seharian atau sebaliknya. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua kita sudah dapat memberi *justification*, dengan izin.

Yang kedua, tentang kos RM180 bilion berbanding dengan kos yang rendah daripada angka itu. EPU sebenarnya apabila membuat perenggaran bajet, mereka tidak dapat menentukan secara khusus pembelian, perolehan, kerja-kerja dan juga upah seperti yang diperlukan dalam mana-mana projek sekalipun. Jadi dengan ketepatan yang mereka kaji, tahap jumlah yang mereka dapat itu memadai. Jadi, bagi kita untuk mencurigai bahawa sebenarnya tidak cukup, saya kira kita tidak *qualified* untuk menyatakan sedemikian oleh kerana mereka yang ada di belakang saya, membuat kerja siang dan malam, membuat cerakinan dan juga unjuran *costing* demi kepentingan *public sector*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2003

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[5 November 2003]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta Yang Berhormat bagi Batang Lupar menyambung ucapan.

12.35 tgh.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya menyambung ucapan saya yang lepas. Apa yang saya kata yang lepas ialah saya berharap bahawa undang-undang ini digubal bukan semata-mata akur kepada kehendak konvensyen yang Malaysia akan tandatangani. Undang-undang ini dilihat sebagai *structured* atau prasarana undang-undang negara untuk mengatasi masalah jenayah yang mungkin sekarang atau dijangka akan berlaku di masa hadapan. Tidak salah bagi negara memperlengkapkan prasarana undang-undang terutama ia boleh menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat dan kerajaan.

Malaysia bukan asing dari masalah keganasan. Dari tahun 1948 hingga tahun 1962, darurat di Tanah Melayu yang banyak mengorbankan nyawa rakyat, pegawai kerajaan, khususnya polis. Polis stesen dibakar, anak dan isteri pegawai dan anggota polis dibunuh tanpa belas kasihan oleh pengikut Chin Peng. Ada daripada keluarga ini masih hidup dan tidak boleh memaafkan Chin Peng dan anak-anak buahnya.

Di Sarawak, tidak kurang sengit dan hebatnya darurat tahun 1962 hingga tahun 1974 dan hingga berakhirnya dengan Gerakan Sri Aman. Tentera, polis dan pegawai kerajaan terbunuh kerana perjuangan pengganas yang tidak mempunyai belas kasihan. Pembunuhan beramai-ramai bekas komunis pada tahun 1972 oleh *comrade* mereka semasa menghadiri majlis makan malam, *family dinner* sebelum Tahun Baru Cina. Ini adalah asas sejarah. Sekarang keganasan lebih nekad dan lebih berbahaya. Kerajaan mesti mempunyai instrumen undang-undang untuk mengambil langkah-langkah *preventive*, mengenakan hukuman apabila disabitkan kesalahan di mahkamah. Undang-undang lama yang tidak cukup kukuh perlu diperbaharui untuk mengelakkan masalah di peringkat mahkamah.

Sekarang kita mempunyai ramai peguam yang handal yang boleh membantutkan tindakan kerajaan berlandaskan teknikal dan prosedur. Dengan itu, barang siapa tidak bersalah atau tidak merancang untuk melakukan kesalahan, tidak perlu bimbang kepada undang-undang kerajaan termasuk undang-undang ISA.

Tuan Yang di-Pertua, keganasan. Semenjak berlaku pengeboman di World Trade Center yang dikatakan dilakukan oleh Al-Qaeda pada 11 September 2001 yang telah meragut sejumlah 2,790 nyawa. Pengeboman ini telah dilihat sebagai pembunuhan yang kejam tetapi yang lebih memarahkan rakyat dan Kerajaan Amerika ialah ianya satu pencerobohan di bumi Amerika yang dianggap *untouchable*, dengan izin, itu. Ini telah digunakan oleh Presiden Amerika, George W. Bush sebagai *the last throw that brought the camel back*, dengan izin, terus menuding jari kepada Presiden Saddam Hussein di Iraq dan Iraq sebagai *perpetrator* jenayah tersebut.

Dengan itu, Amerika terus menggerakkan jentera ketenteraan untuk menyerang Iraq, negara minyak yang kedua besarnya. Soal betul atau tidak Iraq terlibat adalah tidak penting. Penguasaan terhadap minyak Iraq yang diutamakan. Jentera digerakkan atas nama memerangi keganasan atau *war against terror*. Masyarakat dunia

digerakkan, dipujuk dan digertak supaya menyokong Amerika melalui keganasan global. Muncullah semula kuasa penjajah lama, United Kingdom sebagai penyokong kuat untuk memuaskan naluri kolonialismenya dahulu dan disokong pula oleh *self appointed* daripada *sheriff* di Timur bernama Australia.

Di Amerika, undang-undang digubal untuk menangani masalah dalaman negara tersebut kerana Kerajaan Amerika telah melihat pengganas di mana-mana sahaja pelosok negara mereka, asalkan mereka ini bukan berkulit putih. Dengan itu, undang-undang sebagai *Patriotic Act* di Amerika digubal yang jauh lebih teruk daripada ISA. Domestic Security Enhancement Act 2003 di mana pegawai peringkat eksekutif boleh:

- (i) menggugurkan kewarganegaraan rakyat Amerika yang menyokong secara aman mana-mana kumpulan dikenali sebagai pengganas;
- (ii) membenarkan penangkapan sulit oleh pihak imigresen;
- (iii) pendatang bukan warganegara boleh dihantar balik dengan tidak ada pendengaran mahkamah; dan
- (iv) mengetepikan proses mahkamah, *judiciary review* atau *habeas corpus* dalam kes-kes imigresen.

Selepas itu penahanan di Guantanamo Bay, Cuba di mana 660 tahanan dari 42 negara disimpan di belakang kawat berduri. Ditubuhkan lebih 20 bulan yang lalu dan belum ada kesan berakhir. Sengaja ditubuhkan di Guantanamo Bay supaya *due process* di bawah Perlembagaan Amerika tidak dapat dilaksanakan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Sulung.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Tidakkah dengan terjadinya Peristiwa 11 September itu juga, Amerika telah melakukan beberapa tindakan yang terkeluar daripada hak asasi manusia dan juga *fundamental liberties* di mana Amerika selalunya dijadikan contoh sebagai juara dalam hal ini. Contohnya adalah dengan membuat *race profiling* ataupun menyediakan profil orang-orang yang bukan berkulit putih dan juga menahan orang-orang yang khususnya masyarakat Islam dalam satu tempoh yang tidak

terhad dan juga tanpa sebarang perbicaraan dan penyiasatan. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang benar, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan sampai ke situ. Yang saya sampaikan ini secara bertulis, jadi sekarang saya baca, akan sampai ke peringkat itu.

Penahanan di Guantanamo Bay adalah sengaja dibuat sedemikian. Guantanamo bay ini ialah satu tanah jajahan Cuba yang disewa kepada pihak Amerika yang mana dianggapkan Guantanamo Bay ini di luar bidang kuasa atau *jurisdiction* mahkamah-mahkamah Amerika. Dengan itu, *judicial process* tidak boleh dilaksanakan di Guantanamo Bay. Jadi penahanan di sana tidak dapat *due process* Perlembagaan Amerika.

Amerika menggunakan alasan *war on terror* dan tahanan tersebut adalah *enemy combatants*. Dengan itu, lindungan yang terjamin di bawah Geneva Convention tidak diberi kepada mereka ini. Semenjak itu, seramai 32 orang telah cuba membunuh diri di lokap 24 jam, beriadah hanya 15 minit satu minggu. Umpamanya seorang *British nationality* bernama Muazam Bech yang ditangkap di Afghanistan semenjak setahun dahulu, hanya diberi 7 minit beriadah dan hanya dibenarkan membaca satu surat daripada ibunya.

Keadaan ini menarik perhatian masyarakat terutama di kalangan bijak pandai di Amerika, umpamanya Michael Rachner, *Attorney for the Center of Constitutional Right* mengatakan ini adalah *rock justice* ataupun penghakiman samseng... [Ketawa] Dalam masa yang sama, Donald Rumsfeld berkata mereka ini akan ditahan hingga peperangan terhadap keganasan berakhir.

Daripada komen Rumsfeld ini juga menarik kecaman daripada beberapa pihak, salah seorang di antaranya ialah 'Arwin Chemanski', *Law Professor* dari Universiti Southern California yang mengatakan bahawa penahanan ini *has no legal authority in America or international law to detain indefinitely* ataupun menahan orang sepanjang masa dengan tidak ada alasan undang-undang.

Beliau berkata, *talking rubbish, as on the war on terror was not going to end soon*. Kata dia, Rumsfeld ini cakap bohong, cakap *rubbish* kerana peperangan mengatasi keganasan ini tidak akan berakhir. Dengan kata-kata demikian, bahawa

penahanan orang di Guantanamo Bay itu tidak akan berakhir dan orang akan ditahan selama-lamanya.

Kalaulah perkataan Rumsfeld ini sebagai satu kayu pengukur, ini bermakna penahanan ini akan berlaku seumur hidup. Seorang lagi profesor, 'Amelio Viano' berkata, tahanan di Guantanamo Bay ini di *grey zone* di mana *military justice* bertindih dengan undang-undang sivil yang tidak ada *due process*.

Walau bagaimanapun, dalam percanggahan pendapat ini, terdapat seorang hakim dari Pentagon bernama John Smith mengetepikan komen tersebut dan mengatakan bahawa prosedur dan peraturan akan digubal untuk keadilan. Ini juga mendapat komen daripada pihak perundangan lain iaitu Profesor Undang-undang dari George Washington University, Profesor Jonathan Turley berkata bahawa komen Major John Smith itu sebagai boleh ditertawakan, *laughable*.

Peraturan yang dirangka itu adalah merupakan proses undang-undang tetapi menjamin kesalahan kepada pesalah. Pangkalan tentera Amerika di Bagram, Afghanistan, orang-orang ditangkap, di kandang, dipukul, dihalang daripada tidur dan dipaksa berbaring bogel atas ais dan dilarang berhubung dengan sesiapa pun, tidak dibenarkan mendapat bantuan guaman dan tidak langsung berpeluang untuk kebebasan. Instrumen kerajaan untuk menindas mereka ini ialah Central Intelligent Agency, Justice Department dan tentera Amerika.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, peperangan mengatasi keganasan masih tetap berlaku. Osama bin Laden masih dapat dilihat dan kelihatan pada 11 September 2003 berjalan di celah bukit di Afghanistan bersama dengan pembantu kanannya, Aman Al-Zawari. Jadi nampaknya tindakan Amerika ini adalah tindakan yang sia-sia.

Dalam masa yang sama kita menerima hakikat bahawa soal keganasan ini adalah persoalan yang banyak dibuat persepsi oleh pihak Amerika. Sebenarnya adakah keganasan ini berlaku seluruh dunia dan di sini saya ingin menghuraikan sedikit sebanyak berhubung dengan sama ada keganasan ini sebenarnya berlaku di seluruh dunia ataupun benda ini adalah rekaan Amerika semata-mata.

Semenjak pengeboman World Trade Center di New York pada September 2001, sembilan kejadian keganasan membabitkan tujuh negara yang membunuh seramai 348

nyawa. Tidak ada kumpulan keganasan yang bercorak global sebenarnya selain daripada Ji menjalani aktiviti seluruh dunia. Kebanyakan apa yang dikatakan sebagai keganasan dipertontonkan di media ialah masalah sempadan, perebutan wilayah, kebebasan wilayah yang dijajah, kemelut kemerdekaan umpamanya di Palestin, HAMAS dan Islamic Jihad hanya menentang Israel. Khasmir, Khasmiri dan Pakistan Militan, Laska Al-Tayibba dan penyokong mereka hanya menyerang orang India. Chechnya, Chechnya Guerrilla hanya menyerang askar Rusia, di Iraq menyerang askar Amerika dan sekutunya elemen Bangsa-Bangsa Bersatu, selain daripada itu tidak ada yang lain, selain daripada apa yang saya akan baca selepas ini.

Apa yang dikatakan keganasan di negara tersebut adalah ada persamaannya dengan berperang kebebasan di Ireland, penubuhan negara Israel dan Algeria dahulu. Selepas penyerangan di World Trade Center pada 11 September 2001, enam bulan selepas itu tidak ada keganasan berlaku. Hanya pengeboman berlaku ialah pertama, serangan pada bulan Mac 2002 ke atas Gereja Kristian di Islamabad Pakistan membunuh lima orang. Yang kedua, trak membawa bahan letupan di Tunisia, Algeria pada bulan April 2002 membunuh 20 pelancong, kebanyakannya bangsa Jerman. Yang ketiga bom berani mati di Karachi, Pakistan pada bulan Mei 2002 yang membunuh 14 jurutera Perancis yang melaksanakan projek ketenteraan Pakistan. Empat, pengeboman di Bali, Indonesia pada bulan Oktober 2002 membunuh ramai kebanyakannya pelancong asing. Pengeboman *tanker* Perancis di Yaman pada bulan Oktober 2002 yang membunuh seorang kelasi. Pengeboman berani mati mengebom hotel kepunyaan Israel di Mombassa, Kenya membunuh 15 orang dan yang lapan orang rakyat Kenya mengalami kecederaan. Bulan Mei 2003, pengeboman berani mati di kedutaan asing di Riyadh membunuh 34 orang. Pengeboman berani mati meletupkan dirinya di Casablanca, Morocco dan membunuh 46 orang dan pengeboman di sebuah hotel di Jakarta pada 5 Ogos 2003 membunuh 12 orang dan mencederakan 200 orang.

Dalam masa dua tahun, 348 orang terbunuh di tujuh negara dalam sembilan kejadian. Itulah sahaja yang boleh dikatakan tindakan-tindakan dan kesan-kesan keganasan dan kalau angka ini dibandingkan dengan orang yang mati disambar ribut petir, mungkin sepuluh kali lebih banyak daripada itu dan kemalangan jalan raya mungkin seribu kali lebih banyak daripada itu dalam jangka masa yang sama...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat, bagaimanakah serangan Amerika ke atas Afghanistan dan Iraq, bolehkah ini disifatkan sebagai keganasan dan adakah jumlah yang terkorban dari cara keganasan itu lebih besar daripada sembilan kejadian yang Yang Berhormat huraikan sebentar tadi?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya *classify* dua keganasan; satu keganasan individu yang dibuat sebagaimana yang telah saya bacakan tadi yang mengorbankan 340 nyawa dalam masa dua tahun dan saya akan mengklasifikasikan satu keganasan *state, a state terrorism* yang dibuat oleh Amerika kepada Iraq dan Afghanistan, yang dibuat oleh pihak Israel ke atas Palestin yang telah sampai sekarang mengorbankan 2,000 nyawa. Jadi ini juga boleh diklasifikasikan satu *terrorism* dibuat oleh *state* seperti Amerika dan Israel.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya bimbang *terrorism* ini adalah *bogeymen* Amerika untuk menakutkan dan menggertak masyarakat antarabangsa. Banyak indikasi dan fakta menunjukkan bahawa Presiden George Bush mempunyai maklumat awal berkenaan sesuatu serangan yang akan dibuat di bumi Amerika tetapi kenapa Presiden Amerika itu buat acuh tidak acuh? Adakah ini memang diketahui bahawa Presiden Amerika boleh mendesak Kongres atau kerajaan pimpinannya terutama rakyat Amerika untuk menyerang Iraq?

Kita juga dimaklumkan bahawa landasan lain seperti *weapon of mass destruction* dan *chemical weapon* Iran adalah alasan-alasan yang sama sekali tidak kukuh, yang tidak menentu buktinya. Kebanyakan tuduhan dan desakan untuk menyerang Iraq adalah perbuatan Dick Channey dan segolongan *neo conservative* dalam dan di luar pentadbiran Bush seperti Louise 'Luivie', Channey, 'Top Eight Paul', 'Walls' Bridge dan Pentagon, 'D'Iloyd' Adam dalam National Security, John Bolton, under Secretary of State for Arm Control and International Security. Mereka ini ialah *spin doctors* kepada pentadbiran George Bush dan mengaburkan pandangan rakyat Amerika kepada cerita yang sebenarnya. Sokongan rakyat kepada Kerajaan Amerika adalah berlandaskan *strategic new releases* yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkedudukan dalam kerajaan telah memberi *legitimacy* kepada tindakan George Bush dan kumpulan *renegade* mereka dalam dan di luar White House.

George Bush sendiri adalah seorang yang *naïve*, yang tidak bijak, mempunyai latar belakang yang serba kurang dalam semua segi. Dari sekolah hingga ke Yale Harvard, George Bush adalah lambang kegagalan dan 'C' class student yang tidak berapa berjaya. Hanya nama George Bush dan kekayaan yang membawa ke mercu kejayaan. Dari sekolah ke universiti hingga ke bidang perniagaan, Bush adalah *bogeyman* keluarganya. Ini yang telah digunakan oleh seluruh pelampau kerajaan Amerika dan White House yang diketuai oleh Dick Channey. Serangan ke atas Iraq adalah untuk minyak dan melaksanakan konsep *Pack Americana*. *Weapon of mass destruction* dan *chemical weapon* adalah rekaan oleh *spin doctors* di White House dan Pentagon. Yang terbukti sekali ialah Saddam Hussein adalah bukan *radical Islamic* begitulah pengikutnya dalam Parti Ba'ath –nya di Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebut tadi, *state terrorism* atau keganasan yang dilaksanakan oleh Amerika ke atas Iraq dan Afghanistan, beribu-ribu rakyat terbunuh, berjuta harta binasa dan negara tersebut telah menjadi anarki dan porak-peranda. Tiada lagi kerajaan yang betul, efektif dan berkesan. Penjajahan Amerika di negara tersebut masih berterusan dan mungkin akan berterusan hingga politik dalaman negara Amerika bangkit membantu sebagaimana yang berlaku di era zaman Perang Vietnam dahulu.

Keganasan yang dilakukan oleh Amerika dan Britian serta sekutunya ke atas Iraq di mana sebanyak 300 *troops* telah menakluki negara tersebut dan membunuh beribu-ribu rakyat yang tidak berdosa. Beribu juta harta benda musnah termasuk bangunan lama dan beberapa banyak harta benda hilang termasuk artifak yang beribu tahun umurnya, tidak ternilai harganya binasa kerana hilang ini dianggap sebagai satu *collateral damage* di Iraq.

Keganasan rejim Israel di Palestin bukan sahaja membunuh beribu-ribu dengan sengaja malah membinasakan beratus-ratus rumah dengan tidak memberi belas kasihan. Hingga sekarang keganasan berlaku di antara Israel. Pejuang kebebasan Palestin telah banyak membunuh hampir 2,000 rakyat Palestin dan dalam masa yang sama 720 orang Israel ini juga mati terbunuh. Sengketa ini masih belum berakhir dan belum ada tanda-tanda akan berakhir. Semenjak terbunuhnya wakil Amerika di wilayah tersebut, Amerika akan mengurangkan lagi penglibatannya di Palestin dan Israel. Konflik

berterusan dengan alasan hingga komitmen sebenar pihak berkuasa Palestin untuk menguatkuasakan gencatan senjata pihak militan ini telah dipandang sebagai satu galakkan Amerika kepada tentera Israel mengganas dengan lebih ganas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya melihat sedikit sebanyak berhubung dengan pindaan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan ini. Setelah meneliti rang undang-undang tersebut, saya dapati beberapa kelemahan dan ternyata menyerlahkan perkara-perkara tersebut. Perenggan yang kelima, tidak ada definisi keganasan dan *terrorism* dalam undang-undang tersebut.

Apa yang dianggap sebagai *Terrorist Act* yang secara ringkas disebut mendatangkan luka parah, kerosakan besar, membahayakan nyawa, mendatangkan risiko, kesihatan, keselamatan masyarakat umum, menggunakan senjata api, bahan letupan dan senjata berbahaya, *lethal devices*, melepaskan ke alam sekitar bahan-bahan *substance* berbahaya, radioaktif membahayakan, *chemical, toxic, microbiology* atau ejen biologi dan toksin yang boleh membinasakan sistem komputer, prasarana komunikasi, *banking*, kemudahan awam, pengangkutan, pengangkutan awam yang lain ataupun direka untuk merosakkan atau mengganggu kemudahan perkhidmatan seperti polis, perkhidmatan sivil dan perkhidmatan kesihatan atau terlibat dalam keselamatan negara dan keselamatan awam dianggap sebagai satu *Terrorist Act*.

Ini mestilah bersangkutan dengan undang-undang ini iaitu di bawah tafsiran yang sama bahawa tindakan-tindakan itu akan mendatangkan dan menakutkan orang-orang awam atau sebahagian daripada orang-orang awam.

Yang kedua, mempengaruhi atau memaksa Kerajaan Malaysia atau kerajaan negeri di Malaysia atau kerajaan lain atau organisasi antarabangsa membuat atau berhenti dari membuat mana-mana perkara.

Persoalan yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua, kenapa menggunakan perkataan *lethal devices*, Perenggan 'E' di mana secara tradisi undang-undang kita menggunakan *offensive* atau *dangerous weapons devices*. Adakah ini diambil dari Amerika Syarikat atau dari *treaty* atau *convention* yang kita bakal tandatangani? Bagaimana pula definisi *lethal devices* ini? Adakah sama dengan *dangerous weapon devices* atau *offensive weapon devices* yang sentiasa kita gunakan istilahnya. Istilah *lethal* jarang sekali kita gunakan, memang tidak pernah dijumpai dalam undang-undang

Malaysia. Istilah *lethal* ini diperkenalkan kepada umum oleh Hollywood dalam wayang gambar bersiri satu sampai lima iaitu *The Lethal Weapon 1* dan seterusnya hingga kelima. Kenapa gunakan istilah ini? Ini kerana ia adalah istilah baru yang digunakan dalam perkara lama seperti Kanun Keseksaan Jenayah.

Yang kedua istilah *civil defend*. Adakah ditafsirkan secara luas termasuk perkhidmatan bomba kerana *civil defend* tidak diberi istilah dalam rang undang-undang ini. Perkhidmatan bomba tidak dimasukkan dalam pindaan ini secara khusus seperti polis, kesihatan dan *civil defend*. Adakah gangguan atau halangan kepada perkhidmatan bomba tidak dianggap satu tindakan *terrorism*?

Yang ketiga, secara khusus definisi "*Terrorism*" tidak dimasukkan ke dalam rang undang-undang pindaan ini. Ini mungkin untuk memberi kebebasan kepada mahkamah untuk memberi lingkup dan batasan dari wujudnya situasi tersebut di bawah ini sebagai *Terrorist Act* dan implikasi ke atas masyarakat dan kerajaan.

Kalau kita lihat dalam kesalahan-kesalahan yang disenaraikan dalam rang undang-undang ini termasuklah di bawah Seksyen 130H memberi sokongan kepada *terrorism*, 131 mengarahkan sivil kumpulan pegganas, 130J mencari bantuan atau memberi bantuan kepada kumpulan pegganas untuk melaksanakan *Terrorist Act*, 130K memberi perlindungan kepada kumpulan *terrorist*, 130I bersubahat dengan kumpulan *terrorist* dalam atau di luar Malaysia. 130M, gagal atau cuai memberi maklumat adalah kesalahan di bawah Seksyen 130L. 130N memberi dan memungut harta untuk pegganas. 130O memberi perkhidmatan kewangan dan kemudahan kepada pegganas.

Persoalan berbangkit di bawah 130O kerana ini amat ganjil. Ia mengkhususkan kepada peguam dan akauntan yang memberi kemudahan kepada pegganas. Seksyen ini memberi tumpuan khusus kepada peguam dan akauntan yang memberi *financial services* dan *facilities*, menjadi *nominee* atau ejen kepada pegganas. Kenapakah hanya peguam dan akauntan ini berlaku? Bagaimana jikalau seorang doktor, jurutera, *driver*, pemungut sampah atau jururawat menjadi *nominee* atau ejen? Bagaimana pula jikalau *tax planner*, *company secretary* yang bukan akauntan sebagaimana yang wujud di *society* Malaysia sekarang. Bukankah mereka juga berpotensi menjadi *nominee* ataupun ejen?

Peguam dan akauntan boleh dihukum mati jikalau memberi sokongan kepada pegganas. Persoalan yang besar di sini kenapa peguam dan akauntan sahaja? Di samping itu, apa pula definisi peguam dan akauntan? Adakah termasuk pelajar undang-undang atau pengkaji akaun sebagaimana lazimnya diamalkan oleh universiti di England di mana.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh sambung pada petang ini. Masa sudah cukup.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Boleh, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Dewan ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat disambung semula. Yang Berhormat bagi Batang Lumar, mintalah Yang Berhormat pendekkan ucapan kerana kita hanya tinggal dua hari sahaja lagi.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Hendak pendekkanlah ni, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Ya, persoalan tadi macam mana kalau pelajar *accountancy* yang dipanggil Akauntan. Bagaimana pula Peguam atau Akauntan yang menjadi pegawai kerajaan, pengarah atau eksekutif syarikat? Adakah mereka senasib dengan saudara mereka yang mengamalkan profesion mereka di arena profesional? Inilah persoalan-persoalan yang amat penting dijawab untuk masalah yang dibangkitkan dalam perundangan ini yang mana hanya menjadikan peguam dan akauntan melakukan satu kesalahan apabila menjadi *nominee* dan wakil kepada pihak pegganas.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah pula untuk memendekkan ucapan saya, mengenai soal rogol ini. Hukuman rogol yang telah dinaikkan daripada caj dahulu iaitu tidak kurang daripada 5 tahun dan tidak melebihi daripada 25 tahun. Dari segi konsepnya, undang-undang ini memang susah hendak diterima oleh sebab memberi masalah tidak kurang dari lima tahun ini dia punya *floor* – hukuman itu. Jadi maknanya, tidak *flexibility* untuk para Hakim untuk menggunakan budi bicara mereka untuk

menjatuhkan hukuman tetapi memandangkan keadaan sosial dan kesalahan rogol yang banyak berlaku di negara ini, berkemungkinan ini menjadi satu justifikasi undang-undang ini dibuat sedemikian hukumnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan dua, tiga perkara dalam persoalan ini. Kenapa tidak ada hukuman kepada pesalah sumbang muhrim iaitu *incest* secara begitu sahaja. Hanya hukuman yang diletak kepada seseorang yang merogol kepada seseorang dalam keadaan sumbang muhrim, umpamanya merogol anak, cucu, adik. Definisi rogol telah lama jelas iaitu rogol paksa atau *statutory rape*, yakni *consensual sex* ke atas seseorang yang di bawah umur, gila atau kurang siuman.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah hukuman rogol ini amat wajar walaupun keadaan jenayah jenis dan sosial negara ini semakin menular. Walaupun hukuman keras belum boleh memberi mesej atau *exemplary deterrence* dan kesungguhan kerajaan untuk menangani jenayah ini tetapi sekurang-kurangnya boleh mengasingkan perogol dari masyarakat. Maknanya, saya bersetuju dengan tindakan kerajaan untuk menaikkan hukuman kepada perogol, kalau tidak pun memberi satu *deterrent* kepada pihak yang belum merogol tetapi sekurang-kurangnya orang yang telah melakukan kesalahan rogol dapat diasingkan daripada masyarakat daripada melakukan perkara yang sama pada masa yang akan datang.

Tetapi keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, saya membuat sedikit komen sebelum saya menamatkan perbahasan saya iaitu secara keseluruhannya undang-undang ini cukup memuaskan dan boleh merangkumi relevan aktiviti yang berbangkit darinya, kesalahan-kesalahan yang boleh diisytiharkan sebagai aktiviti keganasan selain daripada apa yang dipersoalkan saya tadi. Walaupun ada kebimbangan mengatakan iaitu apa yang dikatakan *Terrorist Act* ini sangat besar dan luas tetapi ia tidak menjadi satu kesalahan *Terrorist Act* kalau tidak menakutkan *public* ataupun *section of public* di bawah perenggan (aa) dan (bb) *influence or compel the Government of Malaysia or the Government of any State in Malaysia any other government, or international organization to do or refrain from doing any act*. Jadi kalau dia melakukan satu-satu kesalahan di bawah ini dan tidak menakutkan kerajaan atau mana-mana kerajaan atau agensi kerajaan, sebagaimana saya sebutkan di bawah undang-undang ini, dia akan

menjadi kesalahan iaitu *per se*. Jadi dengan sendirinya tidaklah begitu menakutkan sangat.

Rang Undang-undang ini menggubal peruntukan untuk kerajaan menangani kesalahan pengganasan adalah tepat dan relevan pada masa sekarang. Ini juga kita melihat apa yang telah berlaku di dalam negara sendiri seperti kes peristiwa Memali, serangan ke atas *police station* di Pontian Johor dan kes Al-Mau'nah untuk menyokong struktur ini sebagai infrastruktur undang-undang yang pastinya mesti ada di negara kita.

Ini bermakna, kita menggubal perundangan ini bukan semata-mata untuk mematuhi kehendak sesiapa atau *compliance* kepada mana-mana *multilateral treaty* ataupun *convention* yang kita tangani. Tetapi walau bagaimanapun, saya berpendapat kerajaan sepatutnya melihat semua aspek undang-undang Kanun Keseksaan Jenayah secara keseluruhannya dan meminda sewajarnya. Ini kita mesti melihat kepada masalah sosial dan jenayah yang berlaku di negara ini umpamanya hukuman pergaduhan beramai-ramai di khalayak ramai iaitu *affray* patut diberi definisi dan hukuman baru sejajar dengan pembangunan sosial semasa.

Begitu juga kesalahan seperti melakukan luka atau kelakuan ketakutan – *causing hurt, assault, wrongful confinement* dan *restrain* juga patut diberi definisi dan hukuman setimpal. Bahkan banyak lagi kesalahan-kesalahan dalam Kanun Keseksaan patut diberi definisi dan hukuman baru yang patut juga diambil tindakan oleh pihak kerajaan apabila menggubal rang undang-undang pindaan ini yang tidak dimasukkan ke dalam ini.

Dengan kata-kata yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh sebab masa pendek sahaja, bolehkah kita hadkan 15 minit ya. Ya, saya hadkan 15 minit. Sila, Permatang Pauh.

2.38 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang yang telah tergesa-gesa dibawa ke Dewan ini untuk dibincangkan bersama dan diluluskan.

Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir telah menyanggah pandangan bahawa ISA pernah disalahgunakan untuk menyekat pengaruh pembangkang. Kenyataan ini adalah sebaliknya di waktu senja pentadbiran beliau, tokoh-tokoh KeADILan dan reformasi ditahan. Malah Anwar Ibrahim sendiri ditahan di bawah ISA pada tahun 1998 setelah dibelasah oleh mantan Ketua Polis Negara – Tan Sri Rahim Nor.

Dan seperti mana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, terbukti penangkapan mereka tidak berasaskan kepada pertimbangan undang-undang dan keselamatan. Menteri Dalam Negeri sekadar akur sahaja dengan tindakan pegawai-pegawai Polis Cawangan Khas. Hal yang sama berlaku pada tahun 1988 – Operasi Lalang yang menyaksikan penahanan tokoh-tokoh politik dan NGO. Puluhan kajian dan alasan yang membuktikan penyalahgunaan ISA termasuk dua wajah karya Syed Hussein Ali dan tamu istimewa karya bekas Menteri Pertanian, Abdul Aziz Ishak. Ia nyata bercanggah dengan apa yang dilaungkan oleh pemimpin negara mengenai pertimbangan keselamatan.

Kita lihat sahaja contoh bagaimana mudah sekali seseorang boleh difitnah sebagai penyokong keganasan atau Al-Qaeda. Apabila Barisan Nasional ditohmah, media akan menyerang lumat-pengarah buku berkenaan seperti mana yang telah berlaku kepada Rohan Gunaratna yang telah menulis buku "*Inside Al-Qaeda: Global Terror Network*" di mana pihak media Barisan Nasional telah menyerangnya habis-habisan. Di sebaliknya, manakala tohmahan terhadap Saudara Anwar Ibrahim dilakukan, media utama melalui BERNAMA milik kerajaan membantu menghebohkan fitnah tersebut.

Jadi saya hendak mengatakan bahawa kenapakah dulunya Saudara Anwar Ibrahim selaku Timbalan Perdana Menteri Malaysia diberi penghormatan semasa pergi ke Amerika, Washington dan diberi penghargaan, penghormatan dengan *carpet* merah

tetapi diulang tayang dalam TV Malaysia, dikatakan bahawa dia adalah seorang ejen CIA dan sekarang dikaitkan pula dengan Al-Qaeda. Apakah ini tidak menunjukkan bahawa ini adalah satu perancangan terperinci menjadi satu konspirasi untuk membunuh karier politik Saudara Anwar?

Justeru itu kita bertambah curiga dengan rang undang-undang ini yang memberi kuasa mutlak kepada pihak polis dan Kementerian Dalam Negeri khususnya Menterinya memutuskan tindakan tanpa pengawalan. Adalah mengaibkan apabila pemimpin-pemimpin sering menggunakan alasan wujudnya *Patriot Act* di Amerika Syarikat untuk memperakui tindakan ini digunakan di Malaysia. Nampaknya kita sering menjiplak aspek yang jelik dari Barat seperti ISA dari Inggeris, walaupun ISA dulunya dari Inggeris tetapi ada juga *judiciary review*. Kita sendiri yang telah menukarkannya sehingga sekarang ini sehingga tidak ada ruang untuk kita mendapat *judiciary review* dalam ISA ini dan akta ini, *Patriot Act* ini dari Amerika.

Kita harus menginsafi bahawa *Patriot Act* itu sendiri pun menghadapi kecaman di Amerika. Komitmen kita menentang keganasan perlu tegas. Kita menentang keganasan, segala bentuk keganasan tetapi tidak boleh memberikan ruang untuk menindas atau bertindak zalim. Kita perhatikan sahaja alasan KDN dalam meneruskan penahanan Nik Adli Nik Abdul Aziz. Kononnya kerana masih meneruskan siasatan. Dah lama mana masukkan dia? Kalau dibandingkan dengan kes FSFM – Kolonel Nor Azmi, Pasukan Khas Persekutuan Malaysia yang menjual medal, yang menjual pangkat. Apakah tidak ini juga mengganggu-gugat keselamatan Malaysia tetapi tidak dimasukkan dalam ISA? Digunakan *fraud* – penipuan.

Ini menunjukkan niat ke atas Nik Adli ini adalah kerana dia adalah anak kepada Menteri Besar Kelantan. Ini satu kezaliman. Hadapkan dia ke mahkamah kalau dia buat salah pun. Inilah yang saya sebutkan tadi sebagai tindakan tidak adil, tidak munasabah dan tidak bertanggungjawab. Perlu ada had minimum tatkala siasatan diteruskan dan tahanan perlu didakwa di mahkamah sekiranya ada bukti dan dibebaskan sekiranya tidak ada bukti.

Perkara yang diungkapkan ini berkaitan dengan peranan badan *Intelligence* (perisikan) dan dalam konteks ini diserahkan kepada Polis Cawangan Khas. Peranan CIA dan FBI dalam penipuan (*deception*), dengan izin, fakta berkaitan dengan senjata

kimia di Iraq kini menjadi rahsia umum. Kesannya ialah Presiden dan berikutnya rakyat diperdaya kerana menyerahkan bulat-bulat kepada badan perisikan tanpa perimbangan kuasa. Kita juga arif dengan peranan SAVAK di bawah Allahyarham Shah Iran iaitu sebuah badan Perisikan yang memfitnah tokoh-tokoh Islam termasuk Imam Khomeini atau Mosad yang kejam di Israel.

Rentetan ini digalurkan untuk menunjukkan bahawa hak rakyat diserahkan sepenuhnya kepada badan perisikan. Saya akui keperluan perisikan untuk keselamatan negara tetapi bukan muslihat politik penguasa. Negara memerlukan *apparatus intelligent* yang cekap tetapi bukan untuk menjadi *apparatus politic*. Peranan Cawangan Khas adalah untuk mengawal keselamatan dan bukan memantau kekuatan BN menjelang pilihan raya atau mengugut pembangkang atau pengkritik kerajaan. Maka sewajarnya kita meneliti semula cadangan kerajaan ini. Parti KeADILan tetap akan menyokong tindakan tegas membanteras kegiatan pengganas dan undang-undang yang berkaitan tetapi, ia perlu diteliti semula supaya bahaya penyalahgunaan dapat dielakkan.

Kita mempunyai lagi 12 undang-undang yang boleh digunakan. Kalau apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lular tadi, bahawa kita mesti adakan rang undang-undang ini seperti mana yang disebutkan *example* nya atau contohnya Al-Ma'unah. Al-Ma'unah telah dibicarakan di bawah undang-undang menentang Yang di-Pertuan Agong. Ada lagi ruang, ada lagi undang-undang lain di negara kita yang cukup yang boleh mengatasi masalah ini tetapi ia telah disalah aplikasi. Ia telah salah digunakan.

Kalau polis digunakan untuk menjaga betul-betul keselamatan negara kita, menjaga betul-betul perairan kita, menjaga betul-betul *resort* di Malaysia Timur. Ini akan membuatkan negara kita lebih selamat. Ini kenapa perlukan perkara ini ataupun undang-undang baru ini hanya untuk memperketat lagi dan boleh disalahgunakan lagi. Kalau ISA itu telah pun disalahgunakan, ini lagi-lagilah boleh disalahgunakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini, saya ingin dengan ikhlasnya menyeru Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri yang baru untuk mengambil tindakan yang tegas menarik balik undang-undang ini. Beliau perlu mengubah pendiriannya yang sering menjadikan Parlimen sebagai *rubber stamp* yang

mengkaji semula dan mengemukakan draf baru setelah mencapai muafakat semua pihak untuk memastikan tindakan menentang keganasan yang lebih berkesan.

Sekarang ini, rang undang-undang ini tidak dapat mengambil input ataupun *opinion Bar Council* ataupun mereka yang terlibat seperti mana yang dikatakan, kalaulah peguam atau akauntan yang mengambil bahagian tanpa mengetahui ataupun hendak memberi pembelaan kepada yang tertuduh dalam kes ini mereka juga terlibat dan boleh dikenakan hukuman. Kita perlukan input ataupun pandangan daripada *Bar Council* apabila kita menggubal ini. Kita akui bahawa sekarang ini dunia dilanda keganasan dan kita mesti membanteras dan *no compromise*, dengan izin, tetapi janganlah sampaikan kita membuat sesuatu yang boleh menzalimi rakyat.

Ini yang saya petik daripada apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru mengatakan bahawa ini adalah amanah. Jangan disalahgunakan amanah, jangan menyelewengkan amanah. Sebab kita telah lihat, dah berlaku pun di negara kita, janganlah kita lebih-lebihkan lagi.

Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mempunyai susuk sederhana dan memberikan komitmen melaksanakan amanah dengan adil sebaiknya. Sebaiknya saya dan parti KeADILan menyambut baik pelantikan beliau dan perakuan tersebut.

Justeru itu, Kabinet dan kerajaan perlu memberikan kesempatan bagi beliau meneliti semula peruntukan-peruntukan utama yang dibimbangkan di dalam rang undang-undang tersebut. Adalah tidak wajar untuk memulakan pentadbiran baru dengan memperkenalkan rang undang-undang yang keras dan dicurigai akan membebankan rakyat yang tidak berdosa.

Pandangan ikhlas ini dibicarakan tidak dari sudut kepentingan kepartian tetapi hasrat ikhlas supaya PM baru memulakan pentadbiran selaras dengan hasrat beliau melaksanakan tugas dengan bersih dan adil. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong.

2.49 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan pembentangan pindaan ke atas Kanun Keseksaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua tetapi walaupun saya menyokong pindaan ini dan sentiasa menyokong segala daya usaha Kerajaan Malaysia bersama-sama masyarakat antarabangsa untuk memerangi keganasan, saya tetap mengingatkan diri saya sendiri dan Kerajaan Malaysia supaya sentiasa berwaspada terhadap seluruh usaha kuasa-kuasa besar dunia khususnya Amerika Syarikat di dalam usaha mereka memerangi keganasan mutakhir.

Saya berpendapat demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita telah menyaksikan sendiri bagaimana Amerika Syarikat mempergunakan dan memperalatkan isu keganasan antarabangsa sebagai satu cara melaksanakan serangan preemptive dan mengharu-birukan negara-negara yang merdeka dan berdaulat seperti Afghanistan dan Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa bimbang terhadap perkembangan ini kerana sedikit demi sedikit segala agenda sulit di sebalik serangan Amerika ke atas Afghanistan dan Iraq kini mula didedahkan oleh banyak pihak di Barat termasuklah penulis-penulis Amerika Syarikat sendiri.

Contohnya, marilah kita sama-sama sorot secara ringkas satu gagasan yang dikenali sebagai *Project for the New American Century*, dengan izin, ataupun singkatannya PNAC. Gagasan PNAC yang bertujuan menegakkan *hegemony* dan *supremacy* Amerika Syarikat ini telah dirangka oleh beberapa individu tertentu termasuklah Dick Cheney kini Presiden Amerika Syarikat, Donald Rumsfeld kini Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat dan Paul Wolfowitz kini Timbalan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat.

Di antara cadangan utama dan perkara-perkara yang dituntut oleh PNAC adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan Amerika Syarikat hendaklah menggunakan *superiority* atau keagungan ketenteraan dan ekonominya menerusi apa cara yang difikirkan perlu termasuklah menerusi cara ketenteraan;

- (ii) PNAC menegaskan bila Amerika sendiri telah memutuskan bahawa diplomasi telah gagal, maka tindakan ketenteraan adalah tindakan yang terbaik sekali untuk dikenakan terhadap mana-mana negara yang menghalang Amerika Syarikat mencapai cita-citanya;
- (iii) PNAC memperjuangkan penubuhan pangkalan-pangkalan tetap tentera Amerika Syarikat di seluruh dunia sebagai langkah menjadikan Amerika sebagai polis dunia. Pasukan polis global ini akan menguatkuasakan peraturan dan undang-undang di seluruh dunia mengikut peraturan-peraturan yang disifatkan oleh Amerika Syarikat sebagai wajar dan saksama;
- (iv) pada bulan September 2000, PNAC telah merancang satu serangan ke atas Iraq tanpa mengira sama ada Presiden Saddam Hussein masih lagi berkuasa atau sebaliknya. Bagaimanapun PNAC memerlukan satu tragedi yang sama seperti Pearl Harbour untuk dijadikan justifikasi menghalalkan serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq dan untuk meyakinkan pihak awam mengenai dominasi global Amerika Syarikat di seluruh dunia. Tragedi 11 September 2001, telah memberikan justifikasi Amerika melakukan serangan tersebut; dan
- (v) Amerika mestilah mengarahkan semula tenteranya ke Eropah Selatan, Asia Tenggara dan Timur Tengah.

Inilah di antara perkara-perkara yang telah pun diperjuangkan dan dilaksanakan oleh PNAC. Hakikat perjuangan PNAC seperti ini sudah menjadi kenyataan. Tentera Amerika sudah pun berkubu di Iraq bagi zon Asia Barat dan Timur Tengah, di Afghanistan bagi zon Asia Tengah dan Asia Selatan dan juga di selatan Filipina bagi zon Asia Tenggara. Mobilisasi tentera Amerika Syarikat dan sekutunya ke zon-zon ini adalah dihalalkan menerusi usaha *unilateral* dan *preemptive* yang kononnya untuk memerangi keganasan antarabangsa.

Berasaskan hakikat ini, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia perlu sentiasa berhati-hati di dalam usahanya menyertai daya usaha antarabangsa untuk memerangi apa yang dikategorikan sebagai peperangan menghapuskan keganasan. Malaysia juga perlu berwaspada terhadap segala perang saraf atau *psychological warfare*, dengan izin, dan gerak saraf ataupun *psychological operations* yang sering dilancarkan oleh pihak Barat sama ada menerusi media elektronik, media cetak ataupun menerusi propaganda yang disuarakan oleh beberapa organisasi tertentu dan juga pihak-pihak yang mendakwa diri mereka kononnya sebagai pakar *terrorist* antarabangsa.

Saya berpendapat demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana matlamat *psywar* dan *psy ops* yang mendorong Amerika Syarikat melancarkan peperangan anti keganasan antarabangsa pada hari ini nampaknya seakan-akan serupa dengan bentuk dan trend *psywar* dan *psy ops* sewaktu Amerika Syarikat memperhebatkan serangannya terhadap komunisme pada zaman perang dingin khususnya terhadap Cuba yang terdekat sekali dengan Amerika Syarikat .

Bagaimanapun terdapat perbezaan. Kalau hari ini peperangan anti *terrorisme* dimulakan dengan fitnah, dimulakan dengan tuduhan liar, dimulakan dengan kerja-kerja *psywar* dan *psy ops* menerusi media, dimulakan menerusi platform yang halal menerusi PBB dan sebagainya. Kemudian diiringi dengan satu pengeboman dengan menggunakan peluru berpandu jarak jauh dan juga pengeboman secara semberono dari udara. Peperangan ini sungguh berbahaya kerana sasarannya tidak diketahui dan rakyat biasa yang menjadi mangsa, harta benda musnah, warisan negara pun turut musnah.

Di dalam serangan unilateral seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, menggunakan peluru berpandu dan sebagainya, strategi peperangan ini saya rasa inilah strategi yang amat terkutuk sekali yang harus kita tentang kerana bahan-bahan toksik yang diledakkan daripada bom-bom itu juga sama ada *splinter bomb*, sama ada *microwave bomb*, bahan-bahan ini memberi kesan yang amat luas kepada alam sekitar, kepada air, kepada kesihatan manusia.

Apa yang terbukti di Iraq adalah menjadi manifestasi kepada perkara ini. Sewaktu peperangan anti komunisme khususnya peperangan anti Castro di Cuba pada tahun 1962, Amerika telah mengemukakan beberapa strategi yang hampir sama dengan

hari ini. Contohnya dia kata, *create rumours*,, kita buat berita angin mengenai Cuba. Lepas itu Amerika menggunakan orang-orang Cuba yang berpaling tadah membuat huru hara di Cuba, membakar kapal-kapal Amerika Syarikat di pelabuhan Cuba tetapi dituduhkan kepada orang Cuba yang membuat.

Lepas itu Amerika Syarikat melaksanakan tentera udara dia, dia gunakan kapal tentera udara dia, dia cat macam kapal terbang Cuba, dia pergi menceroboh ruang angkasa negara-negara yang bersengketa dengan Cuba. Lepas itu media Amerika akan mengatakan inilah perbuatan Cuba supaya orang marah.

Amerika mengupah orang-orang Cuba yang telah menjadi penduduk Amerika seperti di Miami, di Florida ataupun di Washington DC menganjurkan tunjuk perasaan kononnya hutan meng *glorified*, dengan izin, memperbesarkan soal *terrorisme*.

Ini semua soal *psywar* soal *psy ops*, soal permainan akhbar. Saya mengingatkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana apa yang berlaku hari ini hampir-hampir sama dia punya *modus operandi*. Umpamanya mereka tidak boleh menundukkan sebuah negara besar di Asia Tenggara, negara Indonesia dengan umat Islam yang hampir dekat 300 juta tidak mahu menyokong Presiden Bush di dalam peperangan menentang keganasan, maka apa terjadi? Diletupkan bom di Bali.

Dengan peletupan bom di bali, Amerika boleh menambat lebih banyak sokongan orang Australia menyokong Amerika. Sebelum ini orang Australia *cynical*, *skeptical* dengan tindakan Amerika dan dia mengecam Howard tetapi apabila telah dibom satu bar yang dipenuhi dengan orang Australia, maka orang Australia menambahkan simpati kepada Amerika. Apabila bom itu diletupkan di Bali, satu wilayah Indonesia yang penuh dengan orang Hindu, maka curiga dan permusuhan di antara dua puak iaitu agama Hindu dan Islam di Indonesia semakin meningkat.

Apabila bom itu diledakkan di Bali, menggunakan bom yang selalunya dikuasai oleh tentera dan dengan itu boleh dilemparkan tuduhan kepada tentera Indonesia kononnya di sebalik ini dan sebagainya. Apabila diledakkan bom, umpamanya di Marriot, Jakarta juga adalah untuk memperkukuhkan waktu itu Amrozi tengah pun dibicarakan supaya dihalalkan JI ini diharamkan, saya bukan ahli JI tetapi saya *skeptical* dan saya *cynical* dengan apa tindakan yang berlaku sekarang ini.

Untuk menuduh seluruh pertubuhan Islam itu adalah *terrorist* maka dibomlah JW Marriot dan sebagainya. Maka diletupkanlah bom di wilayah Filipina Selatan untuk menghalalkan menuduh bahawa orang Filipina Selatan yang hendak membebaskan tanah air itu dari Filipina yang ada sekarang mereka itu sebagai *terrorist*. Maka diletupkan bom di McDonald di wilayah-wilayah Sulawesi dan sebagainya.

Ini permainan yang harus kita berwaspada. Saya hendak Kerajaan Malaysia di dalam mengambil tindakan meng *adopt*, mengambil resolusi dan juga ketetapan oleh PBB di dalam kita menubuhkan pusat menentang keganasan, saya jangan kompromikan kedaulatan tanah air ini ... [*Tepuk*] Jangan dikompromikan.

Saya tidak rela mana-mana pertubuhan Islam dengan secara cepat, oleh kerana tidak disenangi oleh pihak Amerika akan dituduh menjadi *terrorist*. Sebelum mereka dapat menuduh dan kerajaan yang terlibat yakin maka akan diletupkan beberapa biji bom di kawasan itu.

Saya dapat tahu bagaimana kerajaan Indonesia, pimpinan Megawati tidak mahu mengambil tindakan terhadap JI, kerana mereka tidak yakin JI adalah *terrorist* tetapi apabila diledakkan bom di Bali dan apabila diperkukuhkan bom di J.W. Marriot, maka JI diharamkan dan Malaysia turut mengharamkan JI. Atas alasan apa Malaysia mengharamkan JI? Saya pernah mengeluarkan soalan di dalam Dewan yang mulia ini. Jangan sampai kita terburu-buru, *to be fashionable*, *to be trendy*, dengan izin, oleh kerana Indonesia membatalkan JI, mengharamkan JI, oleh kerana Indonesia membatalkan JI atas desakan Amerika, maka kita terpaksa *be trendy*, kita jadi *trendy*, kita jadi *fashionable* dengan membatalkan JI, kalau tidak kita mungkin akan dicap sebagai musuh Amerika Syarikat. Ini bukan perbuatan yang waras dan bukan perbuatan yang bijaksana... [*Tepuk*]

Saya minta, oleh kerana banyak lagi pertubuhan yang tidak disenangi akan dikaitkan dengan apa cara sekali pun, oleh kerana perancangan Amerika Syarikat menggunakan terrorisme bukan untuk menghapuskan *terrorisme* tetapi *terrorisme* sebagai satu mekanisme untuk mengembangkan *new colonialism*, ataupun perwujudan *hegemony* ketenteraan ekonomi dan juga politik di mana-mana. Ini perancangan Amerika. Kalau suatu ketika dahulu mereka menggunakan *cold war*, peperangan dingin dan *communism*, hari ini *cold war* dan peperangan ajaran *communism* tidak lagi wujud,

maka diwujudkan hantu yang baru, momokan yang baru, puntianak yang baru, jembalang yang baru, dengan nama *terrorisme*. Itu sahaja yang ada, tidak lain dan tidak bukan.

Saya banyak mengkaji, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengkaji dan saya pernah cakap di dalam Dewan yang mulia ini bahawa apabila saya masuk ke *internet*, *internet address* saya sudah *wanted*, banyak kali, sampai *the latest*, tiba-tiba saya macam kena virus, saya punya komputer jadi *disable* terus, maklumat semua habis dalam itu. Saya sedang menyiapkan satu buku mengenai - yang saya tidak *back-up* lagi, habis, kerana mungkin saya asyik mengikuti perkembangan di mana-mana *web site* mengenai pemikiran dunia terhadap *terrorisme*.

Umpamanya, kalau pada tahun 1962, apabila mereka cuba hendak melumpuhkan Fidel Castro dengan perancangan-perancangan yang penuh dengan fitnah, perancangan-perancangan yang penuh dengan pembohongan, perkara ini dipakejkan semula dalam bentuk yang baru untuk melumpuhkan Iraq dan Saddam Hussein dalam bentuk *weapons of mass destruction* kononnya dalam *regime change*, dan sebagainya.

Ini semua adalah penjelmaan *reincarnation of all strategies*, dengan izin. *Reincarnation of all strategies, the same tricks, the same strategies*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Pokoknya adalah digunakan penipuan, digunakan pemalsuan untuk menghalalkan tindakan menentang sesuatu yang tidak disukai oleh Amerika Syarikat, itu sahaja pokoknya. Pokoknya sekarang mereka melihat dahulu, Perdana Menteri yang dahulu, Ahli Parlimen Kubang Pasu, sebagai pemimpin yang vokal terhadap Amerika Syarikat, pemimpin yang vokal terhadap Yahudi, dan kita tahu memang tidak boleh dinafikan, mereka menggunakan banyak *think tanks* Yahudi untuk mempengaruhi pemikiran seluruh dunia.

Kita melihat bagaimanakah perbuatan *think tanks* ini untuk meyakinkan dunia terhadap *terrorism* dengan diwujudkan *movies*, filem-filem mengenai *terrorism*, diwujudkan *conference*, diwujudkan pencambahan minda, *mind breeding*, penyuburan minda, diwujudkan penulis-penulis, *float the market* dengan buku-buku mengenai *terrorism* dan kita pun terperangkaplah dengan deman *terrorism* yang hari ini Malaysia pun *adopt* satu undang-undang mengenai *terrorism*, bagus! Tetapi jangan kita

memperkenalkan undang-undang atas dorongan itu sahaja. Jangan perkataan-perkataan, saya sudah baca dalam undang-undang ini, kebanyakan memang ia buka serangkap untuk diri kita sendiri. Kalau tidak benar, tidak undang-undang ini *being manage properly and also prudently*.

Tuan Yang di-Pertua, saya takut perkara ini berada di sekeliling kita dan kita *anytime*, bila-bila masa boleh jadi mangsa perbuatan peperangan *terrorism*. Apabila Presiden Bush telah pun mengatakan sesiapa yang bersubahat, sesiapa yang membiayai, sesiapa yang disyaki membiayai, mereka juga adalah *terrorists*, bila-bila sahaja boleh. Dengan itu, saya minta rakyat Malaysia, elakkan sebarang *element of extremism* di dalam negara kita. Elakkan sebarang riak-riak bahawa pertubuhan kita ini rumpunnya vokal yang boleh dikaitkan dengan Al-Qaeda, satu hantu yang paling besar sekarang, yang boleh dikaitkan dengan nama Osama Bin Laden, yang boleh dikaitkan dengan kononnya parti Saddam Hussein di Iraq. Jangan! Elakkan sama sekali.

Sebab itu saya menyokong pergerakan kerajaan untuk mengambil tindakan kepada Al-Ma'unah dan sebagainya, oleh kerana saya takut kalau perkara-perkara macam ini walaupun *home grown*, walaupun dia tumbuh atas asas-asas tempatan, kalau tidak di kawal, boleh dieksploitasi oleh Amerika Syarikat datang menjajah negara kita. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

3.06 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin membahaskan pindaan kepada Kanun Keseksaan. Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa isu yang saya ingin bincangkan berhubung dengan Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003. Yang pertamanya ialah berkenaan tarif ungkapan '*Terrorist Act*' atau perbuatan keganasan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Peguam Negara kerana telah mencadangkan satu takrif yang terperinci untuk ungkapan '*perbuatan keganasan*'. Walau bagaimanapun, saya kurang senang dengan perkataan-perkataan yang digunakan dalam perenggan (i) subseksyen 130B(2). Perkataan-perkataan yang digunakan dalam perenggan (i) ialah:

"Involves prejudice to national security or public safety"

Pada pendapat saya, perkataan-perkataan ini terlalu kabur, terutamanya bahagian yang menyentuh tentang *prejudice to national security*. Apakah yang sebenarnya kita faham tentang ungkapan *national security*?

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pengalaman negara kita berkaitan Akta Keselamatan Dalam Negeri, pihak pemerintah dan pihak yang diperintah boleh mempunyai pemahaman yang berbeza terhadap ungkapan '*national security*' atau '*keselamatan negara*'. Pada hari ini, kita bersidang dalam Dewan yang mulia ini dengan satu tujuan yang murni, ialah untuk menggubal satu undang-undang bagi menangani masalah perbuatan keganasan yang semakin mengancam.

Pada masa sekarang kita tahu siapakah yang hendak kita kategorikan sebagai penganas. Akan tetapi oleh kerana perkataan-perkataan dalam perenggan (i), subseksyen 130B (2) yang begitu kabur, pihak pemerintah yang berkuasa, selepas 50 tahun dari sekarang mungkin boleh menganggap sebarang kegiatan politik parti-parti pembangkang sebagai perbuatan keganasan. Kononnya kegiatan tersebut *involves prejudice to national security...* [Disorak]

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa hukuman yang dicadangkan untuk perbuatan keganasan adalah cukup berat, iaitu hukuman penjara sekurang-kurangnya 7 tahun jika disabitkan kesalahan. Oleh yang demikian, kita sebagai pembuat undang-undang, pada masa sekarang perlu berhati-hati supaya undang-undang yang kita gubalkan pada hari ini dengan tujuan tertentu tidak disalahgunakan oleh mereka yang berkuasa pada masa-masa akan datang.

Pada pendapat saya, perenggan (i) subseksyen 130B (2) sebenarnya boleh digugurkan tanpa menjejaskan keberkesanan Bab VIA baru Kanun Keseksaan. [Tepuk] Perenggan-perenggan lain yang terkandung dalam takrif ungkapan perbuatan keganasan adalah jelas menyeluruh dan menggunakan konsep-konsep yang konkrit. Sebaliknya konsep *national security* yang digunakan dalam perenggan (i) adalah sesuatu yang abstrak dan berkemungkinan terbuka kepada interpretasi yang berbeza. Oleh itu, saya mencadangkan supaya perenggan (i) digugurkan daripada subseksyen 130B (2).

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang ingin saya bincangkan ialah pemanjangan tempoh maksimum pemenjaraan seumur hidup untuk kesalahan-kesalahan tertentu

kepada 30 tahun. Beberapa tahun kebelakangan ini kita kelihatan terlalu cenderung untuk memperkenalkan hukuman yang lebih berat terhadap sesetengah perbuatan jenayah yang dikatakan semakin kerap terjadi. Soalnya, adakah ini cara yang terbaik untuk menangani masalah jenayah? Tuan Yang di-Pertua, kita selalu berkata mencegah lebih baik daripada mengubati. Dalam soal masalah jenayah, apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil untuk mengelakkan seseorang daripada menjadi penjenayah?

Para ibu bapa sepatutnya memainkan peranan yang penting dalam pendidikan anak-anak tetapi atas sebab terlalu sibuk dengan kerja-kerja di pejabat, tugas penting ini telah diserahkan kepada guru-guru di sekolah. Sekarang guru-guru pula mengadu mereka tidak mahu lagi mendidik pelajar-pelajar yang dikatakan bermasalah dan tidak berdisiplin atas sebab menjaga nama baik sekolah dan mengelakkan pelajar-pelajar lain daripada turut dipengaruhi pelajar-pelajar yang bermasalah telah dipecat dan dibuang dari sekolah-sekolah.

Apabila pelajar-pelajar ini kemudiannya melakukan perbuatan jenayah, maka masyarakat pun mencadangkan supaya mereka dipenjarakan selama yang mungkin, kononnya atas desakan orang ramai maka kerajaan pun menggubal undang-undang untuk memperkenalkan tempoh pemenjaraan yang sepanjang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan oleh kita semua sebenarnya ialah menyapukan masalah yang berlaku ke bawah *carpet*. Memperkenalkan hukuman pemenjaraan yang lama bukanlah pendekatan yang bijak dari segi jangka panjang untuk mengurangkan kadar jenayah yang semakin meningkat. Selepas 10 tahun dari sekarang, kalau dirasakan 30 tahun tidak cukup panjang, berapa tahunkah yang boleh kita tambah, sehingga 40 tahun atau sehingga penjenayah itu mati dalam penjara?

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak seharusnya lupa bahawa penjara-penjara didirikan bukan sahaja untuk tujuan mengurung penjenayah-penjenayah. Program pemulihan untuk menyedarkan para penjenayah tentang kesalahan masing-masing dan membimbing mereka ke jalan yang betul, juga sepatutnya dilaksanakan dalam penjara. Dukacitanya aspek ini selalu diabaikan oleh kerajaan dan juga orang ramai. Sebaliknya kita selalu tertanya-tanya kenapa penjenayah-penjenayah yang meninggalkan penjara kembali semula kepada jalan yang sama.

Jawapannya mudah sahaja iaitu masih terdapat banyak kelemahan dalam melaksana program pemulihan penjenayah-penjenayah ketika mereka menjalani hukuman penjara. Apa yang selalu kita tekankan hanyalah menambah jumlah kali sebatan dan memanjangkan tempoh pemenjaraan.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh pemenjaraan yang lama hanya membebankan kerajaan dari segi kewangan. Ia juga menafikan peluang kepada mereka yang telah insaf yang menjalani kehidupan yang baru. Sekiranya kita dapat berusaha bersungguh-sungguh untuk memulihkan penjenayah-penjenayah kita tidak perlu mengurung mereka untuk 20 tahun atau 30 tahun. Di samping itu, kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Sekiranya proses pendidikan kita dapat memberi lebih penekanan kepada pendidikan moral dan agama, saya percaya bilangan individu yang melibatkan diri dengan kegiatan jenayah akan berkurangan pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru Kementerian Pendidikan dan pihak kerajaan kita supaya jangan cepat putus asa apabila berhadapan dengan pelajar-pelajar yang bermasalah. Pelajar-pelajar ini sebenarnya paling memerlukan bimbingan guru-guru. Pembuangan mereka dari sekolah tidak menyelesaikan masalah mereka dan juga tidak menyelesaikan masalah kita. Kalau semua sekolah tidak mahu mendidik pelajar-pelajar ini, apa akan terjadi kepada mereka apabila dewasa kelak. Mereka tidak mempunyai kemahiran dan juga tidak tahu membezakan antara baik dan buruk. Apakah yang kita dapat harapkan daripada mereka. Apakah Wawasan 2020 kita akan dapat dicapai dengan sempurna jikalau masih terdapat segolongan rakyat Malaysia yang dipinggirkan dalam proses kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita membahaskan rang undang-undang ini dengan tujuan mempertahankan keselamatan negara dan kesejahteraan masyarakat. Walau bagaimanapun, saya berharap kita boleh sedar bahawa memperkenalkan hukuman yang berat bukanlah penyelesaian kepada semua masalah jenayah atau masalah aktiviti keganasan yang sedang kita hadapi. Pembentukan sebuah masyarakat Malaysia yang berdisiplin, bermoral dan mempunyai kadar jenayah yang rendah memerlukan satu pendekatan yang lebih menyeluruh dan bersepadu. Salah satu unsur penting dalam pendekatan yang menyeluruh ini adalah dari segi pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin ambil peluang ini mengingatkan pihak berkuasa supaya menyediakan kemudahan penjara yang secukupnya untuk penjenayah-penjenayah yang akan menetap untuk satu jangka masa yang lama di dalamnya. Pada masa sekarang kita telah menghadapi masalah kesesakan yang agak kritikal dan keadaan sanitasi yang kurang baik dalam penjara-penjara atau lokap yang sedia ada. Kita tidak boleh hanya memanjangkan tempoh pemenjaraan tetapi cuba menyediakan kemudahan penjara yang secukupnya. Dengan kata-kata yang sedemikian saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pokok Sena.

3.19 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk turut terlibat dalam perbahasan pindaan Kanun Keseksaan yang dibentangkan oleh kerajaan.

Saya seperti rakan-rakan yang lain tadi juga hairan kenapa pindaan ini perlu dibuat di waktu kita sering menempelak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuk Perdana Menteri sekarang dan juga bekas Perdana Menteri menempelak PBB kerana saya dapati bahawa pindaan dibuat ialah berasaskan kepada ciplak daripada Patriot Act yang diluluskan oleh Presiden Bush secara tergesa-gesa ekoran daripada isu yang disebut tadi oleh rakan-rakan juga iaitu isu 11 September dalam usaha kononnya untuk memerangi keganasan. Jadi, saya hairan kenapa kita tidak mempercayai PBB yang sudah dipengaruhi oleh kuasa-kuasa besar.

Pernah bekas Perdana Menteri mencadangkan supaya dihapuskan kuasa veto dan kita lihat bahawa resolusi yang dibuat di bawah PBB iaitu resolusi yang berkaitan untuk menyebabkan kita terpaksa mengikut pindaan ini iaitu Resolusi 1373 (2001) dan juga di bawah Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga di bawah International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism (ICSFT) atau Konvensyen Antarabangsa Bagi Penumpasan Pembiayaan Keganasan.

Jadi, saya hairan kenapa kita harus memenuhi kehendak dan tuntutan seperti ini seperti mana yang disebut bahawa di dalam pindaan ini kita hendak memenuhi kehendak yang diputuskan oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, kerana selama ini pun saya lihat bahawa ada perkara-perkara yang diputuskan yang kita tidak

rectify apa yang telah diputuskan oleh PBB oleh konvensyen antarabangsa. Jadi, apa perlu perkara ini untuk kita mempersetujui dan *rectify* dan hendak membuat penggubalan kepada pindaan kepada Rang Undang-undang Kanun Keseksaan. Sebab saya dapati bahawa daripada International Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism ini kita tidak pun menandatangani setakat hujung Oktober baru-baru ini.

Daripada semakan yang saya buat bahawa kita masih belum menandatangani, dan tidak ada satu prasyarat untuk menandatangani dan hendak *rectify* konvensyen ini mesti membuat pindaan kepada undang-undang di dalam negara kita. Bermakna bahawa kalau kita tidak buat pindaan undang-undang pun, kalau kita hendak *rectify* boleh, kita hendak tandatangani boleh. Tidak semestinya kepada satu keperluan untuk kita meminda kepada rang undang-undang yang saya lihat bahawa tidak perlu dan tidak ada satu keperluan kepada kita dan undang-undang ini seperti mana yang disebut oleh Parit Sulong saya bersetuju bahawa yang akhirnya kemungkinan ia akan memerangkap diri kita sendiri, mengikat diri kita sendiri, menjebak diri kita sendiri di dalam percaturan politik yang dilakukan oleh Amerika.

Oleh sebab itu, saya hairan kenapa kita melakukan perkara yang sedemikian rupa di waktu kita menempelak Amerika yang cuba menguasai dan memberikan pentakrifan tentang '*terrorist*', keganasan kepada dunia untuk menerima takrif ataupun definisi yang dibuat oleh mereka. Inilah juga yang saya hairan kenapa juga kita cuba melabelkan pula Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai pengganas sedangkan kita katakan bahawa media asing tidak pernah berlaku adil kepada kita. Kita hanya mengambil laporan daripada media asing, daripada Australia lalu disiarkan dalam media arus perdana yang dipertanggungjawabkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. BERNAMA sendiri, kita menyiarkan bahawa kita menuduh Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai pengganas, sedangkan selama ini kita kata bahawa media asing tidak pernah berlaku adil kepada kita.

Sepatutnya bagi saya bahawa Menteri Dalam Negeri seharusnya mengambil tindakan kepada BERNAMA dan ambil tindakan kepada media arus perdana yang menyiarkan berita yang bersifat fitnah terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sekarang sekali lagi kita hendak menuruti kehendak Barat, kehendak kuasa-kuasa besar. Dan

yang saya kira macam yang saya katakan tadi bahawa tidak semestinya kalau kita hendak *sign*, hendak tandatangani, hendak *rectify* konvensyen antarabangsa tidak semestinya kita kena pinda kepada satu undang-undang yang akhirnya akan menyusahkan kita.

Sebab bagi saya bahawa pindaan yang dibuat itu adalah satu pindaan yang sangat membimbangkan ramai kerana selain daripada ia mengambil apa yang dikehendaki oleh konvensyen, yang dibuat oleh Patriot Act yang ada di Amerika itu, ini akan menyebabkan bahawa kita tidak mempunyai satu pentakrifan yang jelas sebab kalau pun disebut di dalam *Terrorist Act* ini, seperti mana disebut bahawa oleh pihak Amnesty International yang menyebut bahawa laporan mereka definisi '*Terrorist Act*' adalah terlampau luas sehingga pihak berkuasa boleh mendakwa siapa sahaja untuk kepentingan mereka sendiri. Ini bagi saya bahawa tidak sewajarnya, sepatutnya kalau pun kita hendak sebut dalam pindaan ini kita harus memberikan takrif yang sebenarnya kepada '*terrorist*'. Apakah kita hendak guna pakai takrif yang dibuat oleh Amerika .

Jadi, oleh sebab itu, bagi saya bahawa pindaan ini adalah satu pindaan yang tidak wajar yang sepatutnya bagi saya ialah seperti mana yang disebut oleh bekas Perdana Menteri dan juga Perdana Menteri sekarang kita harus mencari satu jawapan sebab kenapa *terrorist* itu wujud. Ini disebut oleh Yang Berhormat bagi Kubang Pasu dan juga daripada Perdana Menteri sekarang baru-baru ini dalam dua tiga hari ini bahawa perlu ada satu kajian kenapa kegiatan keganasan itu berlaku dalam dunia hari ini. Ini harus dikaji. Dunia tidak pernah mengkaji. Amerika tidak pernah mengkaji kenapa kewujudan kegiatan keganasan yang berlaku di seluruh dunia sekarang ini. Kerana dia tahu bahawa kalau dia mengkaji, jawapannya akan berbalik kepada tindakan rakus yang dilakukan oleh mereka sendiri terhadap khususnya umat Islam.

Jadi, oleh sebab itu, kita sendiri sepatutnya mengkaji kenapa kegiatan keganasan itu berlaku. Bukannya kita memberi jawapan kepada permasalahan yang kita hadapi ini dengan menggubal ataupun membuat pindaan kepada undang-undang yang hanya semata-mata untuk memenuhi kehendak tuntutan konvensyen antarabangsa yang dibuat oleh PBB dan sebagainya. Jadi, oleh sebab itu, bagi saya bahawa ini suatu yang sangat tidak wajar, sebab bagi saya bahawa kalau kita melihat kepada soal hendak memerangi keganasan persoalannya apakah tidak ada undang-undang yang

boleh memerangi keganasan dalam negara kita. Apakah kita tidak ada undang-undang lain. Kalau kita hendak melihat umpamanya kita ada undang-undang yang berkaitan dengan undang-undang Kanun Keseksaan yang sedia ada ini pun sudah cukup untuk kita memerangi keganasan, mencegah keganasan.

Umpamanya dalam Seksyen 325 Kanun Keseksaan yang ada sekarang ini, 336 Kanun Keseksaan, 121 Kanun Keseksaan, 425 Kanun Keseksaan. Kita ada Akta Alam Sekitar, kita ada Akta Jenayah Siber, kita ada Akta Bahan Letupan Senjata Api dan sebagainya.

Selama ini pun kerajaan mengatakan bahawa ISA ini diperlukan untuk mencegah keganasan, mengawal keganasan, memerangi keganasan. Sekarang sudah jadi *redundant*, kita sudah ada dua akta, dua undang-undang untuk memerangi keganasan. Apakah kerajaan bila meluluskan undang-undang ini bersedia untuk menghapuskan ISA. Ini jawapan yang harus diberikan kepada Parlimen ini dan juga kepada rakyat. Apakah mereka bersedia untuk menghapuskan ISA kerana tidak perlu sebab kita sudah ada satu undang-undang yang baru untuk mencegah keganasan dan untuk memerangi keganasan.

Jadi, sebab itu bagi saya bahawa undang-undang yang sedia ada walaupun saya tidak bersetuju dengan ISA, tetapi saya katakan undang-undang yang lain daripada ISA sudah mencukupi untuk mereka memerangi, mencegah dan mengawal keganasan daripada berlaku dalam negara kita.

Jadi, oleh sebab itu, bagi saya bahawa kerajaan harus memberikan jawapan yang lebih jelas tentang keperluan dan kepentingan undang-undang yang seperti ini. Sebab bagi saya bahawa dalam konteks hubungan umat Islam, sebab keganasan sekarang ini dikait dengan umat Islam. Pindaan ini akan menghakis rasa ukhuwah di kalangan umat Islam sebab masing-masing akan rasa bimbang, rasa takut untuk menampilkan hasrat simpati mereka kepada mana-mana umat Islam yang sedang ditindas oleh dunia Barat, oleh kuasa besar yang ada sekarang ini.

Umpamanya kepada umat Islam Palestin, apakah dengan pindaan ini saya rasa bahawa takrif atau definisi yang diberikan terlalu luas sehingga bagi pemahaman saya bahawa definisi di sini akan meletakkan bahawa kalau kita membantu umat Islam Palestin, khususnya membantu HAMAS yang mempertahankan bumi tanah air mereka

daripada serangan yang dilakukan oleh Israel, apakah kita juga akan dianggap sebagai membantu *terrorist* dan kita boleh didakwa di bawah akta ini.

Ini saya katakan bahawa jika ini berlaku ia akan menghilangkan rasa ukhuwah walaupun mungkin ukhuwah itu kita tidak berjaya menzahirkan simpati kita kepada orang Islam yang lain yang ada di Afghanistan, di Palestin, di mana sahaja yang menghadapi penindasan seperti ini. Kita tidak boleh membantu, sedangkan Amerika boleh membantu Israel untuk melakukan keganasan kepada umat Islam di Palestin.

Bush akan meminta supaya Kongres meluluskan satu jumlah ratusan bilion, RM100 bilion jumlahnya untuk bantuan persenjataan ketenteraan kepada Israel dalam berhadapan dengan kebangkitan umat Islam di Palestin, tetapi kita tidak boleh membantu mereka. Kita tidak boleh membantu umat Islam Palestin, membantu HAMAS dengan mempertahankan tanah air kerana *terrorist* itu telah digolongkan oleh Amerika termasuklah kepada kumpulan HAMAS umpamanya. Sebab itu saya katakan bahawa ini akan melenyapkan rasa hubungan ukhuwah di kalangan umat Islam yang ada di seluruh dunia kerana mereka akan terikat dengan akta seperti ini.

Apakah nanti Aman Malaysia juga akan dianggap juga sebagai *terrorist*, kerana turut membantu umat Islam di Iraq ataupun di mana-mana, apakah Kerajaan Malaysia juga akan dianggap sebagai *terrorist* selepas ini, kerana pernah menjemput dan pernah membawa Yasser Arafat datang ke sini.

Ini saya katakan bahawa undang-undang yang digubal ini, yang dibawa ini adalah satu undang-undang yang tidak sepatutnya, dan tidak sewajarnya kerana bagi saya bahawa adalah sudah mencukupi dengan undang-undang yang sedia ada ini kalau kita ingin melakukan proses untuk memerangi keganasan.

Saya bukan mengatakan bahawa tidak perlu undang-undang ini bermakna saya hendak menyokong *terrorist*, tidak. Bukan saya menyokong *terrorist*, saya tidak menyokong keganasan dan sebagainya tetapi saya katakan bahawa undang-undang ini tidak merupakan satu keperluan kepada negara kita. Tidak perlu kepada pindaan, hanya semata-mata untuk hendak menyatakan bahawa kita bersetuju dengan undang-undang antarabangsa, seperti yang saya katakan tadi, tidak ada prasyarat untuk kita tandatangani konvensyen antarabangsa ini, kita mesti buat pindaan kepada undang-undang di dalam negara kita yang berkaitan dengan soal keganasan ini.

Sebab itu saya minta supaya pihak kerajaan menarik balik rang undang-undang ini kerana bagi saya bahawa adalah sangat-sangat tidak wajar. Sebab bagi saya, saya katakan bahawa kenapa kerajaan kononnya kata bahawa ini hendak memenuhi kehendak konvensyen antarabangsa.

Kenapa dalam konvensyen antarabangsa yang berkaitan dengan hak asasi manusia kita tidak *rectify*, kenapa? Dalam Artikel 17, ICSFT ini menyebut tentang perlindungan hak asasi tetapi dalam pindaan ini tidak pun disebut tentang perlindungan hak asasi. Kenapa?

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Apakah ini kerana kerajaan sendiri ada kepentingan politik, tidak mahu memberikan hak asasi kepada rakyat yang ada dalam negara kita, kenapa kita hendak ambil bahagian-bahagian tertentu yang hendak memenuhi kehendak Amerika, hendak memenuhi kehendak kuasa-kuasa Barat, sedangkan hal-hal yang tertentu, yang sepatutnya diperolehi dan dimiliki oleh rakyat negara kita ini, kita tidak penuhi.

Ini boleh disemak dalam Artikel 17, ICSFT ini yang menyebut tentang keperluan kepada perlindungan hak asasi, tetapi tidak disebut di dalam pindaan ini. Kalaupun mungkin menteri akan menjawab bahawa ia boleh dibaca bersekali dengan Perlembagaan Malaysia tetapi bagi saya bahawa kalau diikuti kepada konvensyen antarabangsa bahawa prinsip hak asasi manusia yang ada dalam Perlembagaan negara kita ini belum mencapai standard yang dikehendaki oleh konvensyen antarabangsa.

Jadi, bagaimana dalam soal hak asasi manusia kita boleh pinggirkan, tetapi dalam hal ini kita boleh mengambil sepenuh dan sebulatnya daripada apa konvensyen antarabangsa kehendaki khususnya oleh PBB.

Persoalannya kenapa kita menuntut, kita menurut arahan PBB untuk membuat pindaan berkaitan dengan *terrorist* tetapi pada masa yang sama kita tidak bersetuju dengan arahan berkenaan dengan hak asasi manusia. Ini seolah-olah kerajaan ada kepentingan-kepentingan tertentu dalam hal yang seperti ini.

Jadi, oleh sebab itu saya kira bahawa wajar pindaan undang-undang ini perlu ditarik balik oleh pihak kerajaan dan kita seharusnya memberikan tumpuan kepada undang-undang yang sedia ada dan bukan bermakna bahawa saya bersetuju untuk

menggunakan ISA. ISA pun saya tidak bersetuju, sudah ada undang-undang yang lain, yang boleh membawa seseorang itu, yang kalau dianggap melakukan apa-apa kegiatan keganasan sudah boleh didakwa di bawah undang-undang yang sedia ada ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jadi, sebab itu saya minta kerajaan untuk mempertimbangkan semula, untuk menarik balik rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Tanjong.

3.35 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kemasukan Bab VIA iaitu kesalahan perbuatan keganasan dalam Kanun Keseksaan adalah mengikut pihak kerajaan untuk membolehkan Malaysia menyertai konvensyen antarabangsa bagi penumpasan pembiayaan keganasan dan juga mematuhi resolusi-resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai langkah-langkah menentang keganasan khususnya resolusi Majlis Keselamatan No. 1373.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu kita juga menyedari hakikat bahawa semua negara di dunia juga mempunyai obligasi untuk memastikan kita menghormati, melindungi dan memaju hak-hak asasi dan kebebasan asasi.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga telah meluluskan resolusi-resolusi yang menegaskan semua negara mesti memastikan sebarang langkah yang diambil untuk mencegah keganasan, juga dapat mematuhi obligasi mereka di bawah undang-undang antarabangsa khususnya mengenai hak asasi manusia.

Komuniti antarabangsa termasuk Malaysia juga perlu menegaskan sebarang tindakan menentang keganasan adalah untuk melindungi keselamatan negara dan juga keselamatan rakyat dan bukan untuk kepentingan dan agenda politik masing-masing.

Kita perlu sedar bahawa atas nama menangani masalah keganasan, ada beberapa buah negara yang telah mengambil langkah-langkah yang jelasnya tidak mematuhi obligasi antarabangsa untuk menghormati undang-undang hak asasi manusia.

Kita memerhati bahawa langkah-langkah seperti penahanan tanpa *judicial review*, keseksaan dan terima pakai takrif yang longgar mengenai aktiviti keganasan atau pertubuhan keganasan telah pun diambil.

Kita menyeru Kerajaan Malaysia, di samping melaksanakan resolusi 1373 juga perlu memastikan kita mewujudkan mekanisme untuk mengawal selia kesesuaian langkah-langkah menentang keganasan dan undang-undang antarabangsa mengenai hak asasi manusia dapat dijagakan termasuk dalam apa yang kita sedang bincangkan ini.

Kita amat menyokong sebarang usaha untuk menangani keganasan, tetapi kita juga menyuarakan pandangan bahawa perang menentang keganasan tidak harus *justify* pencerobohan hak asasi manusia seperti pandangan dari bekas Pengerusi SUHAKAM, bahawa, dengan izin, *human rights should take a bad seat in the war on terrorism*.

Kita amat memandang serius kenyataan dari Pengarah Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia, Dato' Mohd Yusof bin Abdul Rahman bahawa kumpulan Jemaah Islamiah (JI), merupakan satu daripada ancaman yang terbesar kepada keselamatan Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Sebagai Ahli Parlimen, ada di kalangan kita ini merasa pihak kerajaan masih tidak dapat menangani ancaman keganasan dengan berkesannya sehingga hubung kait nama Malaysia dengan JI dan Al-Qaeda telah membawa impak kepada kepentingan negara dan rakyat Malaysia.

Rakyat pada secara amnya masih tidak tahu tentang tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mencegah keganasan dan juga melaporkan tentang aktiviti-aktiviti JI dan Al-Qaeda di negara ini.

Pada bulan September yang baru lepas, Tuan Yang di-Pertua, sepuluh orang rakyat Malaysia telah pun disenaraihitamkan oleh Amerika Syarikat dan aset-aset mereka dibekukan, dan ada juga rakyat Malaysia yang ditahan di Amerika Syarikat. Selepas penangkapan Hambali, dua rakyat Malaysia dikatakan akan mengambil alih pimpinan JI.

Sejauh manakah Kerajaan Malaysia dapat mengawal keadaan ini. Perdana Menteri yang baru pernah menyalahkan beberapa orang Indonesia yang diberikan status PR di Malaysia, menggalakkan penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti Al-

Qaeda dan JI, dan saya ingin tahu apakah tindakan kerajaan dalam mengawal selia keadaan ini.

Ramai rakyat Malaysia yang dikaitkan dengan kumpulan KMM dan JI telah ditahan, tetapi mengapa sehingga kini mereka masih tidak dihadapkan untuk dibicarakan di mahkamah, berbanding dengan tindakan Kerajaan Indonesia untuk menghadapkan ke mahkamah orang-orang yang bersabit dengan jenayah pengeboman di Bali dan juga serangan ke atas Hotel J.W. Marriot di Jakarta. Mengapa Kerajaan Malaysia tidak dapat membawa mereka yang ditahan ini ke mahkamah, yang dikatakan mereka ini bersabit dengan beberapa kes jenayah seperti rompak bank, rompak *supermarket*, serangan ke atas balai polis di Kedah, serang gereja dan kuil Hindu sehingga dikatakan membunuh bekas ADUN Lunas.

Kita tidak perlu tunggu pindaan Kanun Keseksaan sebab dalam undang-undang yang sedia ada, sudah banyak peruntukan untuk mencegah ancaman keganasan, misalnya dalam kes Al-Maunah, Peguam Negara telah menggunakan Seksyen 121 Kanun Keseksaan iaitu berkenaan dengan *offences against the state*, dengan izin.

Pimpinan negara termasuk bekas Perdana Menteri telah banyak kali menyeru komuniti antarabangsa untuk mengkaji isu *terrorism* dengan keseluruhannya termasuk definisi, *root causes*, dan *appropriate measure*, untuk menangani perkara ini. Tetapi apakah kerajaan telah buat demikian dalam konteks negara Malaysia, apakah definisi *terrorism* dan *root causesnya*?

Tuan Yang di-Pertua, *terrorism* seharusnya ditakrifkan dengan jelasnya sebagai tindakan-tindakan yang terlalu ganas, yang bertujuan secara khususnya untuk menggugat proses demokrasi dalam sesebuah negara. Malangnya dalam pindaan ini kita tidak nampak definisi *terrorism* seperti juga diujahkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupa.

Kita tidak mahu melihat satu keadaan di mana kelonggaran definisi akan membuka ruang kepada sebarang penyelewengan dan orang-orang yang tidak bersalah atau orang-orang yang tidak ada pengetahuan dan niat menjadi mangsa.

Mungkin kerana Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri tidak mempunyai satu definisi mengenai *terrorism* yang boleh diterima pakai oleh negara-negara yang

berada dalam pola yang berlainan, kita menuntut supaya peruntukan rang undang-undang ini mestilah spesifik dalam takrifnya.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen (i) dalam definisi *terrorist act* boleh dianggap amat bahaya kerana *prejudice to national security of public safety*, dengan izin, adalah satu definisi yang boleh diselewengkan dengan begitu mudah, di mana tindakan-tindakan *civil disobedience* yang boleh diterima, boleh dianggap sebagai *Terrorist Act*.

Sebenarnya dalam definisi *Terrorist Act*, kesalahan (a) hingga (i) boleh didakwa di bawah peruntukan dalam Kanun Keseksaan dan lain-lain peruntukan jenayah yang lain, tetapi sekarang boleh dengan pindaan ini didakwa sebagai *Terrorist Act* di mana beban kebuktian dari segi *mens rea*, adalah lebih senang manakala hukumannya adalah lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita mahu satu ketetapan daripada pihak kerajaan bahawa kesalahan-kesalahan yang boleh ditakrifkan sebagai jenayah yang biasa, pendakwaannya perlulah melalui peruntukan undang-undang biasa, yang sudah memadai dan tidak perlu ditingkatkan sebagai jenayah *terrorism*. Memang kepentingan kerajaan dan rakyat tidak terjejas kerana memang wujud peruntukan yang mencukupi dalam Kanun Keseksaan untuk menangani jenayah-jenayah terhadap negara seperti mana dalam kes Al-Maunah. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan.

3.44 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin turut berkongsi pandangan dengan pindaan Akta Keganasan.

Saya melihat bahawa akta ini memang perlu dan relevan mengikut tuntutan masyarakat sejagat. Saya agak pelik sedikit petang ini, sebab saya melihat rata-rata wakil pembangkang seolah-olah bersekongkol dengan isu ini untuk tidak meluluskan akta ini. Adakah kemungkinannya ada rakan-rakan pembangkang yang terlibat sebagai penganas ataupun *terrorist*?

Wakil dari Tanjong seolah-olah tidak faham, apabila akta ini dipinda, diluluskan maka ianya membolehkan Kerajaan Malaysia duduk dalam Jawatankuasa PBB ini menentukan apakah itu keganasan yang sebenarnya.

Kalau tidak diluluskan hari ini, bermakna negara Malaysia tidak akan dapat duduk berbincang, berkongsi pandangan dan pendapat dengan negara-negara yang lain yang mengimplementasikan akan Akta Keganasan ini.

Jadi, ini jelas DAP konon bukan alang-alang berkempen, membela wanita yang dirogol dan sebagainya, tetapi akta ini dia tidak setuju. Saya hairan kenapa DAP boleh *double standard* dalam isu seumpama ini.

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Rasa saya ini bukan isu politik, wakil rakyat daripada pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak ada jalanlah. Hendak jalan minta dengan Dato' Samy Vellu. Dia banyak jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk Yang Berhormat dia tidak beri.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Di sini tidak ada banyak jalan.

Tuan Chow Kon Yeow: Dia memutar belitkan pendirian saya. Saya tidak pernah mengatakan

Datuk Bung Moktar bin Radin: *That's my floor.* Ini saya punya hal, you sudah cakap, saya diam, You duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat dia tidak beri jalan.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Tuan Chow Kon Yeow: Tidak menyatakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini 48 ini. Tuan Yang di-Pertua, apa ini?

Puan Chong Eng: Betul perbuatan orang..

Tuan Chow Kon Yeow: Peraturan Mesyuarat 36(6)!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan ke berapa Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Duduk-duduk.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan Mesyuarat sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jadi inilah ..

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kinabatangan sila duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan Peraturan Mesyuarat, sila duduk.

Tuan Chow Kon Yeow: Peraturan Mesyuarat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang ke berapa Yang Berhormat ?

Tuan Chow Kon Yeow: 36(6), sebab saya tidak pernah menyatakan saya menentang pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya cuma membawa dalam resolusi PBB pun, walaupun mahu negara-negara terima pakai keganasan tetapi juga melindungi *provision* untuk menjaga hak asasi manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Itu yang saya tegaskan. Dia tidak buat *research*, cuma hendak tunjuk ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Duduklah, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjong sila duduklah. Kinabatangan teruskan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya setuju dia tidak menentang Tuan Yang di-Pertua, tetapi tadi penutupannya, saya meminta kerajaan menarik balik akta ini. Apa maksudnya itu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia jangan memutarbelitkan lagilah. Kita tahu sekilas ikan di air sudah tahu jantan dan betina. Yang ini Bukit Mertajam buat bising buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah, duduklah Yang Berhormat. Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak ada, tidak ada jalan, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukit Mertajam..

Tuan Chow Kon Yeow: Peraturan lagi 36(6)!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan berapa Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Peraturan, peraturan.

Tuan Chow Kon Yeow: Tetapi dia langsung tidak dengar apa yang saya cakap.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Peraturan mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Chow Kon Yeow: 36(6), saya tidak pernah berkata saya minta kerajaan menarik balik, tidak ada langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita *check Hansard* besoklah, tengok macam mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup.

Tuan Chow Kon Yeow: Jangan membuat tuduhan meliar.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sabar, sabar duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjong, duduklah.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebenarnya dia tidak ada perkara yang hendak diucapkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini membuang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat duduklah.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Okey kita *check Hansard* besok, you macam mana. Saya Tuan Yang di-Pertua..

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya hendak teruskan ini. Masalah yang kita hadapi, iaitu masalah keganasan. Keganasan ini berada di mana-mana di negara jiran, di negara kita, mungkin juga di persekitaran kita. Justeru itu akta seumpama ini perlu kita sokong bersama untuk memastikan bahawa pengganas-pengganas itu dapat dibendung sebelum mereka boleh melaksanakan perancangan sesuatu untuk menghancurkan sesebuah negara ataupun sesuatu bangsa. Ini harus pihak pembangkang lebih jelas pada saya, sebab pihak pembangkang ini mendakwa kadang-kadang mereka terdiri daripada *world class parliamentary* tetapi saya tidak tahulah sejauh mana *world class parliamentary* ini sebab mereka kadang-kadang tidak faham apa sebenarnya kehendak dan tuntutan kerajaan itu sendiri. Saya percaya.....

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apa pasal tidak senang hati ini! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Cukup!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jadi, pada saya, saya amat bersetuju di samping itu saya juga memang mengharapkan seperti rakan-rakan yang lain, bahawa mengikut tuntutan dunia sejagat. Di samping kita memerangi keganasan, kita tidak boleh terikut-ikut dengan Amerika Syarikat, mereka pandai bercakap. Ini macam pembangkanglah Amerika Syarikat, mereka pandai bercakap orang lain, China ada bercakap tidak mengamalkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hak asasi manusia.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *Human rights, yes* tetapi dia sendiri bunuh orang *as he likes*, macam pembangkanglah *criticizes* orang sana sini, apabila orang *criticizes* dia, dia bising, dia tidak hendak menerima kritikan. Inilah DAP tidak boleh maju balik-balik daripada 20 turun tinggal 7, nanti lama-lama turun pergi 2, itu pun kita kasihan, mungkin kita beri 10 semula, tidak apalah. Kita pun mahu juga ada pembangkang dalam Dewan ini, kalau tidak ada langsung payah juga kan.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, jadi kita mahu melihat macam kita tidak mahu negara kita ini, walaupun pada hakikatnya di seluruh dunia kerajaan yang ada pada kita ini yang terbaik, kita tidak pernah menindas mana-mana bangsa, tidak pernah membunuh mana-mana suku kaum, bahkan kita beri kebebasan, berceramah, berpolitik, membuat fitnah dan sebagainya pun kita biarkan. Kadang-kadang dia punya Menteri Besar pun bersandiwara pun kita biar. Adakah Menteri Besar boleh bersandiwara. Saya pun tidak faham macam mana keadaannya. Kalau Kuala Kedah yang bersandiwara ini tidak apalah tetapi dua itu memang selalu bersandiwara tetapi ini Menteri Besar yang bersandiwara. Jadi, kita tidak faham apakah tujuan mereka.

Jadi saya meminta rakan-rakan dari pembangkang kita periksa sebelum membuat hujah, kita *revise* semula akta ini apa tujuannya. Kenapa kita tidak menerima akta ini untuk disokong bersama untuk kebaikan, memastikan negara kita berada dalam keadaan aman, damai Yang Berhormat Seputeh pun boleh berucap, polis jaga tidak ada

terrorist, tidak ada penganas-penganas, pengganggu. Kalau tidak ada akta ini ada penganas, macam mana DAP hendak berhujah?

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini Bukit Mertajam saya lihat *last term* lah ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Bukit Mertajam diamlah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]* Jadi, inilah bukan semata-mata hendak mengikuti tuntutan PBB, tetapi realitinya ialah untuk membendung keganasan secara menyeluruh, secara total jangan kita terlambat seperti negara jiran kita. Sudah terhantuk baru tengadah, sudah berlaku baru kita bersiap sedia. Kita sentiasa harus bersikap 'seperti menyediakan payung sebelum hujan'. Sebab negara kita ini terdiri daripada golongan berbilang kaum, jadi harus dijaga, harus dikawal kemungkinan-kemungkinan ini. Jadi oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua saya amat bersetuju agar akta ini diterima tanpa ada pindaan dan saya berharap rakan-rakan yang lain juga memberi sokongan. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya beri ini Yang Berhormat Seputeh dia ada usul, saya ingat dia bercakap masa usul nanti. Saya beri Kubang Kerian, selepas itu Batu Gajah selepas itu saya meminta Menteri menjawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada usul awak sendiri Yang Berhormat tidak mengapa. Saya buat keputusan tidak mengapa, duduk Yang Berhormat.

3.53 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana dapat mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan pada kanun keseksaan. Rang undang-undang pindaan ini berada di persimpangan di antara persaraan bekas Perdana Menteri dengan Perdana Menteri yang baru. Saya kira adalah elok supaya kerajaan menimbang untuk mengkaji bagi menarik semula rang undang-undang ini. Saya lihat daripada perbahasan tiga Ahli Parlimen daripada Barisan

Nasional sendiri Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah memberikan hujah-hujah yang bernas, dan begitu juga dengan Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan Batang Lupar sendiri, bahawa rang undang-undang ini menimbulkan kesangsian dalam pelaksanaannya di kemudian hari. Kecuali Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang telah seakan-akan membawa suara Presiden Bush dalam Dewan ini. Sebab bagi saya untuk mengatakan bahawa rang undang-undang ini harus dikaji semula.

Kita telah mendengar bantahan daripada MACPA satu badan akauntan di negara kita dalam dua minggu yang lepas, kenyataan oleh Presidennya sendiri, bahawa rang undang-undang ini jika diluluskan mungkin akan mengakibatkan orang-orang yang tidak bersalah termasuk para akauntan dan juga peguam-peguam yang mungkin secara tidak disedari terlibat dalam mengendalikan akaun-akaun pelanggan-pelanggan mereka, akan juga dikenakan tuduhan di bawah rang undang-undang ini.

Ini berbangkit daripada definisinya yang sangat longgar, dalam pindaan ini Seksyen 130B telah mencerakinkan dua jenis definisi kepada apa yang dianggap sebagai aksi keganasan termasuk *mens rea* iaitu satu niat dan tujuan termasuk mempengaruhi langkah-langkah kerajaan dianggap di dalam definisi ini sebagai satu aksi keganasan. Ini berbangkit dan akan membolehkan atau menyebabkan orang-orang yang tidak bersalah ataupun mungkin juga mangsa-mangsa politik dituduh menjadi bersalah secara jenayah di bawah rang undang-undang ini, terutama sekali dalam keadaan masyarakat kita pada hari ini, pada keseluruhannya dipengaruhi oleh mesin propaganda Amerika Syarikat yang begitu kuat, yang menganggap bahawa sesuatu yang berkaitan dengan Islam adalah berbau keganasan.

Kalau kita meneliti apa yang ditulis oleh *editorial* dan *columnist* dalam New York Times dan dalam Washington Post sejak daripada peristiwa 11 September, kita akan dapati bahawa Islam dianggap berjalan seiring dengan keganasan, bahawa bukan sahaja penganas atau *terrorist* yang sebenar, bahkan Islamic mengikut *columnist* ini juga adalah penganas dan yang terakhir kita lihat dua perkembangan daripada Australia. Yang pertama semalam, yang terbaru di mana Kerajaan Australia telah mengkategorikan kepada gerakan HAMAS sebagai pergerakan penganas dan sebelum daripada ini dua minggu yang lepas ataupun seminggu lebih yang lepas SBS, sebuah syarikat televisyen Australia telah membawa laporan yang kononnya yang

eksklusif, bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim terlibat dalam satu pertubuhan pengganas di Amerika Syarikat di bawah pertubuhan IIIT.

Apabila kita membaca berita ini kita akan melihat bukti yang dikatakan Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah pengganas kerana IIIT membiayai biasiswa pengajian Nurul Izzah. Adakah dengan membiayai pembiayaan pengajian seseorang pelajar itu dianggap sebagai pengganas. Ini ialah kerana dalam semangat Amerika untuk memberikan satu *chart* ataupun benteng kepada yang gelap kepada Islam, sebagaimana Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah menyebutkan sebelum ini, Joseph Mc. Carthy dalam *race case* nya telah menganggap *communism* pada waktu itu sebagai ancaman dan sekarang ialah gerakan Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan dan penerangan tambahan Yang Berhormat Kubang Kerian. Kita tidak mahu mengulangi kesilapan yang dibuat pada tahun 1961, di mana waktu itu pengganas komunis bertindak lebih hebat daripada apa yang dipanggil *terrorist* sekarang di Malaysia dan diperkenalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, Ahli Parlimen PAS menyokong pada waktu itu untuk memerangi komunis tetapi kemudiannya apabila akta itu disalahgunakan tidak memerangi komunis, setiap kali dalam Parlimen ini mereka akan menjawab bahawa PAS turut menyokong Akta Keselamatan Dalam Negeri itu walaupun telah disalahgunakan.

Akta ini seluas macam ISA, jadi kalau diluluskan satu hari disalahgunakan maka beban itu akan dipikul oleh kita yang menyokong akta ini. Memang masa depan untuk 10 – 15 tahun akan datang memang Islam *versus* kuasa besar bukan lagi komunis, dan Islamlah akan menjadi *target* seperti yang dinukilkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian itu. Jadi, akta ini kita berjaga-jaga sebab kita tidak mahu jatuh sekali lagi dalam blok Barat untuk menghadapi kebangkitan Islam ini. Minta sedikit ulasan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Pindaan ini dibuat dalam dunia sedang direncanakan oleh Amerika untuk menjadi satu empayar Amerika yang unggul. Kalau kita membaca apa yang ditulis oleh pakar-pakar Amerika sendiri termasuk apa yang

ditulis dalam sebuah buku ataupun makalah '*The Balance Of Tomorrow*' oleh salah seorang pengasas daripada pertubuhan *Foreign Policy Research Institute* di Amerika ini ditubuhkan pada tahun 1955, bahawa *the issue before the United States in unification of the globe under it's leadership within this generation*, ialah untuk menubuhkan *will the coming order, will the coming world order be the American Universal in Empire*.

Inilah rancangan Amerika sejak 1955 lagi secara tersusun, mereka telah menubuhkan satu kumpulan, pengkaji termasuk Henry Kissinger adalah anggota kepada kumpulan ini untuk menjadikan akhirnya Amerika memerintah dunia tanpa ada sempadan *nation states*, bagaimana yang kita ada pada waktu ini termasuk dengan melaksanakan WTO, globalisasi, *new world order* dan perkataan "*new world order*" telah diucapkan buat pertama kali selepas Perang Teluk bila Amerika berjaya di Iraq dalam Perang Teluk tahun 1991. Bermula daripada itu perang terhadap Islam sebagai satu-satunya kuasa tunggal yang boleh menghalang pelaksanaan Empayar Amerika yang tunggal ini bagi menguasai seluruh kekayaan dunia.

Sebab itu dikatakan bahawa sebenarnya bukan sahaja konflik di antara Islam dan Barat tetapi yang berlaku sekarang ialah konflik di antara seluruh umat manusia tanpa mengira agama dengan perompak-perompak kekayaan yang berselindung di sebalik kuasa di Amerika Syarikat. Merekalah yang telah memperkenalkan apa yang dianggap sebagainya *terrorist* tanpa batas, dan semua gerakan yang menghalang penguasaan ekonomi mereka termasuk sumber-sumber minyak akan dikelaskan sebagainya *terrorist* dan mereka telah menggunakan badan dunia untuk memastikan bahawa tiap-tiap negara di dunia akan menjadi jaringan kuasa mereka melalui undang-undang. Ini adalah satu daripada rencana mereka melalui akta keganasan yang kita bincangkan pada hari ini, tidak lain dan tidak bukan pada akhirnya yang akan menjadi mangsa ialah sesiapa sahaja yang terlibat, yang dianggap sebagai menghalang penguasaan Amerika.

Pada hari ini Islam adalah dianggap sebagai satu-satunya agama yang mampu berdiri menghadapi rencana Amerika ini. Ini disebut sendiri kalau dalam majalah *TIMES* yang terbaru saya baca, bahawa satu daripada kekuatan Islam ialah selama ini Islam tidak menentang perdagangan dan penguasaan kekayaan. Dan ini menghalang cita-

cita Amerika untuk meniadakan kemampuan umat manusia, menghalang penguasaan ekonomi oleh mereka termasuk sumber minyak yang terbaru di Iraq dan sebagainya.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya tidak berkesempatan membincangkan isu ini secara panjang lebar tetapi nyata bahawa rang undang-undang yang kita bahaskan ini adalah sambungan daripada tangan Amerika bagi penguasaan apa yang dianggap secara definisi yang longgar sebagai keganasan. Dan mana-mana orang yang mempengaruhi kerajaan di bawah rang undang-undang ini untuk menukar sikap dan polisi mereka telah dikelaskan sebagai mengganggu keamanan negara dan boleh dikelaskan sebagai *terrorist* dan sesiapa sahaja dan apa sahaja harta benda mereka, sama ada secara langsung, disedari ataupun tidak disedari boleh dianggap di bawah rang undang-undang ini sebagai membantu keganasan, dan ini benar-benar telah berlaku bukan sahaja di Amerika, bahkan satu contoh yang paling besar dan paling kemas ialah Bank of Al-Taqwa di Geneva yang telah menguruskan dana umat Islam sedemikian lama dan besar, akhirnya dengan begitu sahaja diharamkan dan semua kekayaan yang dimiliki oleh umat Islam yang disimpan dalam bank ini telah dibekukan oleh Amerika.

Kalau kita lihat sebelum daripada ini apabila Shah Iran ditumbang dengan serta-merta Amerika membekukan aset Iran di Amerika dan kalau kita kaji lebih lanjut daripada itu, dalam dokumen yang disahkan oleh Imam Khomeini sendiri bahawa beberapa minggu sebelum beliau pulang ke Tehran daripada Paris, para *banker* daripada Amerika telah berjumpa dengan Imam Khomeini ini, berjanji bahawa mereka akan menyokong revolusi Islam Iran jika sekiranya wang yang disimpan oleh Iran daripada hasil minyak di Amerika tidak diambil pulang ke negara Iran tetapi apabila Khomeini cuba berbuat demikian, Amerika telah mengambil langkah yang drastik membekukan harta itu.

Jadi perang keganasan di belakangnya ialah perang untuk menguasai dunia, tetapi definisi keganasan itu telah dilonggarkan sedemikian rupa, sesiapa sahaja yang duduk di tengah jalan menghalang penguasaan Amerika ini, akan dengan mudahnya akan dianggap sebagainya pengganas. Sebab itu kita mesti memberikan definisi yang jelas erti keganasan dan tindakan keganasan bagi rang undang-undang ini dan saya dapati bahawa Seksyen 130B tersebut begitu longgar yang boleh disalahgunakan. Oleh

yang demikian, saya berpendapat bahawa pindaan ini adalah menjadikan kanun keseksaan sebagai adik kembar kepada OSA dan ISA. Dan ini adalah satu bahaya kepada hak asasi rakyat tanpa mengira kaum, sebab itu pada saya Parit Sulong tidak bersetuju pada asasnya dan begitu juga Tanjong dan juga dengan rakan-rakan saya Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan lain-lain supaya kita mengkaji semula dan memberikan definisi yang lebih tepat dan mengambil kira apa yang disuarakan termasuk oleh SUHAKAM.

Semalam saya difahamkan SUHAKAM telah menghantar satu memorandum kepada Perdana Menteri yang baru supaya beberapa perkara saya ingat dalam 13 muka surat kandungan-kandungan, mengapa rang undang-undang ini dianggap sebagai mengganggu hak asasi manusia, dan oleh sebab itu adalah perlu bagi kerajaan baru mengambil masa meneliti semula sebelum daripada kita meneruskan pindaan ini. Selain daripada itu ialah....

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sekali lagi terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apa salahnya kerajaan baru yang berumur seminggu ini memulakan kerajaannya dengan lebih mengambil perhatian rakyat dan tarik akta ini dan kaji balik dengan memulakan satu akta yang dianggap boleh disalahgunakan pada masa hadapan seperti ISA. Jadi setuju atau tidak Kubang Kerian kita minta kerajaan baru ini mula satu era baru?

Tuan Husam bin Haji Musa: Setuju, setuju, setuju, ya. Lebih-lebih lagi kita semua saya rasa bersependapat pembangkang ataupun kerajaan kita tidak sukakan keganasan, mana-mana parti dalam Malaysia *track record* selama ini ialah kita bukan parti keganasan, kita menentang keganasan tetapi untuk menyekat kegiatan keganasan.

Kita sudah ada lebih kurang 12 Undang-undang *Penal Code*, umpamanya Seksyen 121 di mana kita telah membuat pertuduhan ke atas Al-Maunah. Al-Maunah telah menggunakan senjata yang banyak dan telah membangkitkan penentangan terhadap kerajaan yang sah. Kita boleh menggunakan undang-undang ini dan kita telah pun mendakwa mereka di bawah Seksyen 121 *Penal Code* dan kita ada Undang-undang Racun 1952 umpamanya. Kita ada undang-undang letupan, kita ada undang-

undang senjata api, penalti tambahan, kita ada *Anti-Corruption Act*, kita ada *Anti-Money Laundering Act*, kita ada *Arms Act*, kita ada Akta Jenayah Komputer, kita ada macam-macam rang undang-undang lebih daripada 12 undang-undang, akta-akta yang membolehkan kita menggunakan untuk apa sahaja kesalahan yang dianggap membahayakan masyarakat dan keamanan negara kita. Jika mereka menggunakan racun untuk membahayakan negara kita, kita ada Akta Racun 1952...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada seminit lagi Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Amerika Syarikat nampaknya hanya selepas 11 September 2001 kenal apa itu kononnya keganasan. Oleh sebab kita tahu apa keganasan dan oleh sebab undang-undang lain sudah ada, walau semuanya pun kita tidak setuju. Setujukah Yang Berhormat dan boleh tidak beri penjelasan tentang takrif *Terrorist Act* yang ada dalam senarai di muka surat 5 dalam Fasal 130B(2) ini (a) sampai (j) itu kita tolak dan kita hanya ada satu takrif sahaja *Terrorist Act* iaitu orang-orang yang menghalang penubuhan negara Palestin adalah *terrorist*? Itu sahaja yang lain tidak perlukan ada undang-undang.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, saya bersetuju sangat-sangat dan semalam surat khabar menyiarkan satu kajian pendapat di EU yang dilakukan oleh EU sendiri ke atas orang-orang Eropah, 57% orang Eropah berpendapat bahawa Israel adalah negara *terrorist* dan bahawa Israel adalah punca ketidakamanan dunia, bahawa Israel mengamalkan perbuatan keganasan tetapi bagi pihak Amerika Israel bukan kuasa keganasan. HAMAS dianggap sebagai kuasa keganasan walaupun HAMAS telah ataupun orang-orang Palestin telah dianiayai demikian rupa, dan mereka tidak mempunyai pilihan yang lain bagi mempertahankan tanah air mereka, mempertahankan keluarga mereka, harta mereka, mereka tidak ada pilihan lain tetapi HAMAS dikelaskan sebagai ganas dan Israel dianggap sebagai kuasa keamanan dan Israel telah bertindak serta-merta hasil daripada *pole* ini, kajian pendapat ini dengan menganggap, dengan menyelar EU dan kita semua tahu Perdana Menteri sendiri menyebut dalam sejarah dunia orang Eropah lebih banyak membunuh dalam perang dunia yang kedua. 50 juta orang Eropah mati dalam perang di Eropah tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya. Oleh kerana itu saya sangat berharap Tuan Yang di-Pertua supaya kita mengkaji secara lebih teliti supaya implikasi undang-undang ini tidak menjejaskan hak asasi seluruh rakyat dan kita tidak dipergunakan oleh pihak lain untuk menindas rakyat kita sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Ya, Batu Gajah. Saya sudah putuskan selepas Batu Gajah Menteri menjawab ya. Ya, sila Batu Gajah.

4.10 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya turut untuk membahaskan pindaan kepada kanun keseksaan ini. Saya ingin merujuk dengan khasnya dan spesifiknya kepada hukuman berat ke atas yang dicadangkan di dalam pindaan ini ke atas kes rogol mahram. Saya faham mengapa kerajaan mencadangkan pindaan ini untuk menambah hukuman ke atas mereka yang melakukan rogol mahram ini. Ini juga mencerminkan tindakan kerajaan terhadap perasaan orang ramai di luar khasnya wanita ke atas kejadian rogol yang begitu kerap sekali berlaku.

Saya faham mengapa kerajaan mengambil tindakan tersebut tetapi persoalannya kita semua adalah pemimpin orang ramai. Tidak semestinya sepanjang masa atau dalam keadaan sedemikian apabila perasaan tidak puas hati orang ramai ke atas kejadian jenayah ini, mereka mengehendaki pesalah itu dihukum dengan berat sekali itu adalah cara penyelesaian yang terbaik ke atas kejadian kes rogol mahram ini.

Saya rasa yang paling penting kerajaan harus teliti adalah berkenaan stigma yang dihadapi oleh mangsa-mangsa ini, iaitu yang paling pentingnya ada kajian menyatakan bahawa mangsa-mangsa rogol hanya 1 daripada 10 orang yang rela untuk membuat aduan polis. Mengapakah sebegitu, jika sedemikian hanya 1 daripada 10 orang yang membuat laporan polis berapakah hukuman atau berapakah pesalah yang dapat ditangkap, satu dan berapakah yang dapat dijatuhkan yang berat ini? Ini perkara yang kedua.

Jadi saya harapkan pemindaan ke atas akta ini, kanun ini dapat sebenarnya membantu mangsa-mangsa dan menggalakkan mangsa-mangsa ke hadapan untuk membuat aduan berkenaan kejadian ke atas mereka, dan juga membantu pendakwa raya di dalam proses mahkamah untuk menjatuhkan hukuman ke atas pesalah. Proses yang perlu dilalui oleh mangsa harus ditekankan dan bukan semata-mata hukuman sahaja, kerana itu adalah yang terakhir jika mangsa membuat laporan polis, baru kerajaan atau pihak polis tahu berkenaan kes. Jika sedemikian ada bukti baru pesalah itu dapat dihukum dengan hukuman yang berat, tetapi proses yang perlu dilalui oleh seorang mangsa, saya harap Kementerian boleh menitikberatkan statement yang dihadapi oleh mangsa.

Baru-baru ini pihak NGO wanita telah mengemukakan satu memorandum dengan seruan beberapa pindaan yang dicadangkan oleh pihak NGO wanita, yang begitu fasih dan pakar dalam membantu mangsa kes rogol ini telah dikemukakan oleh pihak kerajaan. Saya percaya pihak Jabatan Perdana Menteri juga telah menerima salinan memorandum tersebut.

Saya harap cadangan yang dikemukakan oleh pihak NGO wanita ini akan diberi pandangan yang serius agar kita dapat bersama-sama menangani masalah kejadian rogol mahram ini tetapi sebelum ini biar kita lihat teliti situasi buat masa ini, kalau 1 daripada 10 kes sahaja mangsa yang mengadu mereka telah dirogol. Apa masalah yang timbul? Kerana saya nampak kita boleh baca kes rogol mahram ini, kalau mangsa itu terpaksa bergantung kehidupan kepada perogol itu atau pesalah itu mereka kurang lena atau ahli keluarga yang lain tidak menggalakkan mereka untuk membuat aduan polis. Itu perkara pertama yang saya harap kerajaan dapat ambil perhatian sebab mereka terpaksa bergantung kehidupan kepada si perogol ini. Jadi mereka akan tidak begitu rela untuk membuat aduan polis, sebab mereka bergantung kepada si perogol ini untuk hidup.

Perkara yang kedua saya ingin bangkitkan adalah berkenaan dengan definisi. Setakat ini kita boleh baca dalam Kanun Keseksaan, definisi hanya mengehendkan saya baca, dengan izin, "...*penetration is sufficient to constitute the section intercourse necessary to the offence of rape*". Hanya perlu *penetration*, tapi persoalannya kita tengok sekarang ini, keganasan rogol ini yang dihadapi oleh mangsa-mangsa ini. Bukan

masa dahulu sahaja seperti yang diterangkan dalam akta kanun ini, "*penetration*". Mereka gunakan perkataan "*penetration*" pelbagai objek terhadap mangsa-mangsa ini. Jadi sebagai contoh mereka gunakan galah yang panjang, menggunakan botol *to penetrate* ke atas mangsa ini.

Jadi kalau definisi yang begitu *narrow*, ia menjejaskan kemampuan pihak pendakwa raya untuk membawa kes ini ke bawah seksyen rogol ini. Jadi saya haraplah kerajaan dapat meneliti seksyen ini dan membuat pindaan mengikut peredaran masa. Perkara yang satu lagi ialah bahan bukti. Kalau seseorang mangsa telah membuat aduan polis, mereka kena kemukakan bukti bahawa mereka telah dirogol, dan buat setakat ini kita boleh nampak dalam kanun ini ialah tidak bersetuju ke atas *act*, dengan izin, tapi kita boleh tengok mahkamah juga meneliti sama ada seseorang mangsa itu ada bergelut atau melawan terhadap si perogol ini. Jadi ini saya rasa mempersoalkan, menimbulkan kesulitan untuk pihak pendakwa raya membuktikan sebab pihak mahkamah perlu melihat sama ada, ada pergelutan atau tidak. Jika tiada, ini membuat satu *interference* bahawa mangsa ini bersetuju ke atas *act*, dengan izin oleh perogol itu.

Kita boleh tengok dalam kes yang melibatkan seorang pegawai polis tahanan wanita ini, di mana mahkamah telah memutuskan bahawa tiada *struggle*, dengan izin. Oleh itu ia bermakna bersetuju ke atas tindakan si perogol ini. Jadi saya haraplah kerajaan boleh membuat pindaan terhadap bahan bukti ini. Biar ia lebih luas, tidak terhad kepada sama ada si mangsa ini ada memberi persetujuan (*consent*) atau tidak.

Perkara satu lagi ialah, tadi saya ada katakan sekarang mereka gunakan pelbagai objek untuk merogol wanita. *Penetration* pelbagai objek itu adalah keganasan yang saya rasa paling tidak berperikemanusiaan sekali.

Jadi saya cadangkan seperti yang dinyatakan oleh pihak NGO, kita adakan satu kategori yang baru, *aggregated rape*, dengan izin di mana negara lain seperti India dan Filipina telah mempunyai seksyen sedemikian. Seseorang orang yang mengandung jika mereka dirogol, kita adakan *aggregated rape*, hukuman yang berat seperti seorang yang *mentally ill* atau seorang mangsa yang telah dimabukkan. Kita adakan satu kategori *aggregated rape* untuk bagi satu hukuman yang berat ke atas mereka. Sebab buat masa ini adalah hukuman seorang *under age* jika dia telah dirogol, hukumannya sama dengan seorang yang menggunakan cara yang tadi saya nyatakan, yang lebih serius

menggunakan objek atau seorang yang membawa virus HIV itu dia merogol, dia akan membawa satu trauma yang begitu serius ke atas seorang mangsa.

Jadi dalam kategori ini saya harap kerajaan boleh pertimbangkan jika si perogol ini mempunyai cara-cara sedemikian untuk merogol seseorang wanita kerana trauma tambahan ke atas si mangsa ini. Dan juga hukuman yang lebih berat ke atas mereka yang di dalam *authority*, dalam pihak penguatkuasaan. Sebagai contoh saya nyatakan tadi, jika seorang tahanan dirogol oleh seorang pegawai polis sebagai contohnya, jadi kita bagi satu hukuman yang lebih berat ke atasnya. Biar ada perbezaan kategori hukuman ke atas *rape and aggregated rape* ini dan juga *gang rape*. Seorang wanita jika dia di *gang rape*, dirogol sekumpulan, buat masa ini tiada satu seksyen di bawah kanun ini yang memperuntukkan *gang rape*. Kita bayangkan trauma yang dihadapi oleh si mangsa ini lebih-lebih lagi kalau dirogol beramai-ramai, lapan orang, sembilan orang ini.

Saya haraplah perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak kerajaan dalam membuat pindaan kanun ini. Perkara yang satu lagi adalah berkenaan Akta Keterangan. Saya haraplah kerajaan boleh ambil perhatian berkenaan sejarah kelakuan seksual seseorang mangsa apabila diminta untuk memberi keterangan, biarlah ia terhad sahaja kepada tuduhan tersebut agar ia tidak *affect*, dengan izin kredibiliti seseorang mangsa tersebut. Sekarang ini ia begitu luas sekali kegiatan sejarah seksual seseorang mangsa boleh dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah. Jadi saya harap perkara ini dapat diambil perhatian. Sebab kalau sedemikian, ini akan menyebabkan pihak-pihak mangsa ini tidak begitu rela membuat aduan polis sebab mereka kata kalau saya buat aduan polis, orang ini ditangkap, saya kena memberi keterangan di mahkamah, saya kena menceritakan sejarah seksual yang saya adakan dengan pihak lelaki atau si tertuduh ini.

Jadi saya haraplah pindaan kepada Seksyen 146 boleh dibuat berkenaan kegiatan atau perlakuan seksual seseorang mangsa ini agar hak peribadi mangsa ini dapat dihormati. Satu perkara ialah berkenaan seseorang mangsa buat setakat ini walaupun CPC, Kanun Acara Jenayah ini memperuntukkan bahawa boleh diarahkan membayar kos dan juga ganti rugi pada si mangsa tetapi setakat ini kita nampak jarang sekali digunakan seksyen ini untuk memulihkan semula kehidupan seseorang mangsa rogol ini. Jadi saya cadangkan agar kerajaan boleh pertimbangkan untuk menubuhkan

satu lembaga bantuan atau lembaga ganti rugi bagi membantu si mangsa rogol ini, bagi membantu mereka dalam segi perubatan, kaunseling, kehilangan pendapatan, mata pencarian mereka ekoran daripada mereka telah dirogol.

Saya haraplah kerajaan boleh membantu mereka memberi bantuan kewangan dan juga kaunseling atau *support system*, perkhidmatan sokongan ke atas mereka. Saya rasa inilah perkara yang saya ingin bangkitkan dan saya akhirnya menyeru kerajaan agar kita tidak selalu respons kepada kes-kes kejadian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kes sumbang mahram ini. Saya rasa adalah penting kerana mangsa dan si perogol itu adalah ahli keluarga dan mereka ada perhubungan keluarga. Selepas jenayah ini berlaku, kalau si perogol itu dihukum pun, selepas itu dia akan balik ke keluarga itu dan mereka perlu hidup bersama keluarga. Jadi adalah penting untuk si perogol semasa dalam hukuman itu diberi kaunseling supaya dia akan di *rehabilitated*, jangan ia melakukan lagi perbuatan seperti itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Dalam masa sekarang kita hanya fokus kepada hukuman sahaja. Kita tidak ada cara untuk di *rehabilitated* dia. Jadi adakah Yang Berhormat Batu Gajah ingin cadangkan bahawa kaunseling ini sebagai satu mandatori di dalam hukuman supaya dia boleh balik ke keluarganya dan hidup dengan ahli keluarganya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Saya setuju dengan cadangan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mertajam agar dalam Seksyen 376 ini dimasukkan juga agar si perogol ini juga bukan sahaja dihukum penjara, tapi diberi kaunseling agar mereka dapat memilih satu program pemulihan kepada mereka. Jadi saya rasa itulah sahaja saya ingin cadangkan dan saya haraplah kerajaan boleh ambil perhatian ke atas memorandum atau cadangan yang dikemukakan oleh pihak NGO wanita ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Menteri menjawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa. Saya sudah putuskan Yang Berhormat, Yang Berhormat akan boleh bercakap walaupun tidak dijawab, tapi bolehlah mencelah apa Yang Berhormat hendak tanya masa Menteri menjawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak kiralah yang itu Yang Berhormat, tidak kiralah. Saya faham maksud Yang Berhormat tetapi bolehlah hendak mencelah apa hendak tanya, apa yang tidak dijawab, kalau tidak ada yang lain mengemukakan, jadi boleh Yang Berhormat mengemukakan. Saya sudah putuskan Yang Berhormat. Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: 50(2), saya difahamkan oleh Seputeh bahawa dia telah membawa satu usul untuk merujuk rang undang-undang kepada *Select Committee*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Seputeh.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi usul ini tanpa perbahasan. Jadi apa salahnya kalau kita bagi dia sebagai

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu tidak mahulah begitu Yang Berhormat. Saya sudah putus begitu tidak boleh ungkitlah Yang Berhormat. Yang lain pun hendak cakap saya tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, dia tidak sebutkan hujah-hujah macam mana, nanti kita tahu apakah sebabnya kita hendak rujuk. Apakah maknanya kalau usul telah diterima, diluluskan, tidak beri dia peluang untuk....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Usul ini memang tidak dibahaskan Yang Berhormat tetapi....

Tuan Kerk Kim Hock: Itulah sebabnya saya minta jasa baik

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bolehlah Yang Berhormat. Saya sudah putus ada dua orang. Ada lagi yang hendak bercakap.

Tuan Kerk Kim Hock: Apa salahnya, kalau sepuluh minit kita bagi dia, katakanlah hujah-hujah mengapa dia hendak buat satu usul untuk tujuan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak kiralah Yang Berhormat, kalau saya buat macam itu, semua esok hendak buat macam itu.

Tuan Kerk Kim Hock: Lain orang tidak faham apakah tujuan usul itu. Mana orang salah faham kita

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat ini bolehlah, usul ini sebenarnya tidak dibahaskan tetapi pembawa usul bolehlah bercakap mengapa sebab dia kena bawa kepada Jawatankuasa Pemilih, tentulah dia akan mengemukakan sebab-sebabnya. Ya, akan diberi peluang. Kalau tidak, tidak tahulah mengapa sebabnya hendak dibawa ke Jawatankuasa Pemilih tetapi memang Menteri tidak menjawab. Kita akan mengambil keputusan begitu Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia beri peluang tetapi bukanlah menyoal benda yang lain. Dia bercakap hanya mengapa perlunya bil ini dibawa kepada Jawatankuasa Pemilih, hanya ia tidak boleh dibahaskan. Saya akan mengambil keputusan daripada orang ramai tetapi dia boleh bercakap mengapa usul ini dibawa. Jadi dalam masa dijemput nanti bolehlah Yang Berhormat bercakap tetapi saya perlu ingatkan masa saya menyebut tempat tertentu, kena berdirilah. Janganlah selepas disetujui baru hendak berdiri. Saya akan beritahu ya. Ya, sila Menteri jawab.

4.27 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dari golongan penyokong dan juga pembangkang yang telah mengambil peluang bersama-sama membahaskan rang undang-undang ini.

Pada awalnya kerajaan beranggapan bahawa rang undang-undang ini akan mendapat sokongan dalam tempoh yang singkat tetapi nampaknya sangkaan itu agak meleset, lantaran pandangan-pandangan yang telah dikemukakan khususnya dari

pembangkang tidak menerima nampaknya alasan objektif yang telah dihuraikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberitahu sedikit perspektif am tentang rang undang-undang ini. Kita bukan menjadi agensi kepada Amerika. Kita bukan menjadi petualang kepada mana-mana negara asing. Tidak ada satu pun kenyataan yang dibuat oleh pemimpin kita, bahawa kita tunduk kepada mereka, malah bekas Perdana Menteri kita sekian kali menyatakan bahawa kita mesti tegak dengan sistem kita sendiri, dengan nilai kita sendiri. Justeru apabila masalah keganasan meresap di sana sini dan sekarang sudah merebak, Malaysia tidak boleh duduk sendirian atau memeluk tubuh dan terus mengatakan bahawa dengan izin, *we are in our island, we don't need any interaction with the international community*.

Jika itu yang diambil sebagai sikap oleh negara kita, kita akan kehilangan sebahagian daripada *sovereignty system*, dengan izin itu sendiri.

Jadi, dalam konteks ini nampaknya ramai sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat langsung tidak mengambil kira, lantas mengaitkan dengan kemungkinan negara ini telah diketuk kepalanya, maka Bangsa-Bangsa Bersatu telah memainkan peranan yang bukan-bukan menerusi jarum Amerika Syarikat. Ini adalah telahan dan sebagai telahan ia akan memberi satu gambaran yang negatif kepada kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini telah memakan masa semenjak kita berbahas tentang masalah *terrorism* lagi, selepas konvensyen diadakan di Kuala Lumpur. Selepas kita melihat keadaan negara-negara jiran dan juga kenapa sebagai anggota kepada Bangsa-Bangsa Bersatu, yang mana apa yang dianggap sebagai Jawatankuasa Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, kita terpaksa bekerjasama dengan jawatankuasa itu tetapi sekiranya dalam jawatankuasa itu ada Amerika, ada Britain dan ada Eropah, bukan bermakna Malaysia tertakluk kepada apa yang dianjurkan oleh negara-negara tersebut.

Jadi, tolonglah fahami bahawa apa yang kita cuba wujudkan ini adalah perundangan yang bukan berbentuk eksekutif seperti ISA ataupun undang-undang

dadah yang berkaitan dengan rampasan dan sebagainya. Ini adalah melibatkan *judicial decision*, melibatkan mahkamah, melibatkan kebolehan para hakim untuk meneliti sesuatu jenayah yang berkaitan dengan *terrorism* atau keganasan.

Dengan awalan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara yang terjurus kepada mauduk-mauduk yang penting, yang asas dan dikira mustahak untuk dijelaskan.

Pertama ialah Malaysia tidak merupakan satu negara yang langsung tidak menandatangani mana-mana instrumen antarabangsa. Pertama, Malaysia telah menandatangani banyak instrumen, cuma kita tidak membuat senarainya dan sebahagian daripada instrumen ini memerlukan kita secara dua hala memberi reaksi dan juga tindakan yang setimpal.

Misalnya, *Convention on the Prevention and Punishment of Crimes Against Internationally Protected Persons Including Diplomatic Agents*, ini telah berkuat kuasa sejak tahun 1977 dan Malaysia telah pun mengambil tindakan dan mulai efektifnya pada bulan Oktober 2003. Satu lagi ialah *International Convention for the Suppression of Terrorist Bombings*. Ini pun penting dan ia telah diluluskan dan dikuatkuasakan mulai tahun 2001, dan Malaysia telah menerima dan me *ratify* nya, efektif pada bulan Oktober 2000. *Convention on Offences and Certain Other Acts Committed on Board Aircraft*, ini telah kita beri sokongan dan di *ratify* pada tahun 1985.

Ada beberapa lagi konvensyen-konvensyen yang Malaysia merasakan kepentingan negara perlu diisi dan disempurnakan, justeru ditandatangani. Memang saya akui ada beberapa instrumen lain yang masih belum kita dapat menyetujuinya oleh sebab apa yang dianggap sebagai keadaan negara kita belum dapat bersedia untuk menerima sepenuhnya peruntukan-peruntukan yang telah ditentukan di dalam konvensyen atau instrumen-instrumen berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai pindaan kepada Kanun Keseksaan belum cukup menyeluruh kerana pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini hanya bertujuan, kata Yang Berhormat bagi Batang Lular, untuk memenuhi kehendak konvensyen pembanterasannya keganasan tertentu. Benar, ini adalah bagi mengisi keperluan konvensyen itu yang mana negara kita menjadi sebahagian daripada penandatanganan dan juga anggota. Justeru, Amerika tidak ada kena-mengena dengan

ini. Britain pun tidak ada kena-mengena dengan ini. Ini untuk lunas kita bekerjasama dengan negara-negara yang ada di bawah piagam Bangsa-Bangsa Bersatu itu supaya apabila wujud kerjasama dua hala, Malaysia berkebolehan nanti untuk dapat atau mendapatkan bantuan kerjasama teknikal, intelligence dan juga peralatan-peralatan yang boleh disekutukan penggunaannya oleh negara kita.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Mengenai supaya seksyen lain dalam Kanun Keseksaan dikaji untuk mengemaskinikan dari segi kesalahan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...dan hukuman mengikut realiti semasa maaf Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan ayat ini dahulu. Pada masa ini Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang sedang mengusahakan pengemaskinian Kanun Tatacara Jenayah dan juga undang-undang lain akan dikaji mengikut gilirannya.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar mengambil maklum bahawa kesalahan keganasan akan diwujudkan di bawah Kanun Keseksaan dan membuat pemerhatian bahawa kesalahan serius lain di bawah Kanun Keseksaan, hukuman dan sebatan perlu dikenakan. Jawapan ini sama dengan apa yang telah saya sebutkan tadi, dan dalam memutuskan hukuman bagi kesalahan-kesalahan keganasan baru, kerajaan telah mengambil maklum akan hukuman lain yang dikenakan di bawah Kanun Keseksaan dan undang-undang lain bagi kesalahan yang mempunyai tahap serius yang setaraf dengan kesalahan yang dicadangkan.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, terima kasih. Saya masuk internet dan saya dapati di negara-negara yang telah meluluskan undang-undang seperti ini, semua organisasi hak asasi manusia menentang dan menimbulkan kesangsian mereka, dan ada satu ayat yang berbunyi sedemikian, dengan izin, “ ... *nothing in the recent past has posed a greater challenge to human rights than the war on terrorism*”. *[Membacakan daripada sekeping dokumen bercetak]* Dan di negara lain, walaupun perjanjian ada dibuat tetapi macam di U.K., ada dakwaan bahawa *Anti Terrorism Act* telah digunakan ke atas demonstrasi aman.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sekurang-kurangnya di negara-negara itu mereka ada *international convention* yang dapat melindungi hak asasi mereka tetapi di Malaysia, nampaknya kerajaan begitu keberatan hendak menandatangani *international convention* yang boleh menjamin dan melindungi hak-hak asasi manusia di negara kita. Adakah benar bahawa kerajaan masih belum menandatangani *international conventions* seperti *Universal Declaration of Human Rights*, *International Convention on Civil and Political Rights*, *Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment*, dan banyak lagi.

Itu satu perkara yang saya kurang faham, konvensyen yang baik, yang menjaga hak asasi manusia orang-orang Malaysia kita tidak boleh tandatangani tetapi yang tidak baik, yang ada masalah besar, "Oh, kita mesti patuhi". Ha, itu apakah sebabnya?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka, orang Melayu ada menyatakan dalam perumpamaan, "Pemikiran tidak datang sekali, pandangan tidak se saujana". Jadi, semua perkara mengikut tahap, mengikut masa, ada babnya dan ada perenggananya. Mana tahu, tidak berapa lama lagi ICCPR itu pun dapat dikaji dan juga diterima tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Amerika sendiri mempunyai rekod yang buruk. Misalnya, mereka belum lagi menandatangani konvensyen itu dan juga beberapa konvensyen yang lain di atas alasan-alasan tertentu.

Berbalik kepada hak asasi kononnya, kita tidak menerima hakikat kebaikan. Dari segi kerajaan, kebanyakan hujah-hujah berupa bentuk itu adalah subjektif. Jadi, apabila sampai masanya, cetusan itu dan kita harap cetusan keadaan akan membuat kita menerima beberapa hakikat dan menandatangani instrumen-instrumen seperti itu. Hakikat yang saya maksudkan ialah, aman damainya kita dan tingginya pencapaian sosial kehidupan kita, ekonomi kita yang bersama dengan kenaikan politik serta kematangan kita. Semua ini akan memberi pengaruh sama ada kita terikat untuk menandatangani sebahagian daripada instrumen-instrumen itu atau ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan jawapan kepada siri soalan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalannya ialah mengapakah hukuman sebat tidak dikenakan bagi kesalahan kegunaan yang dicadangkan? Ekoran

daripada pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lular, jawapan yang boleh saya berikan ialah bahawa kerajaan sedar hukuman sebat telah dikenakan bagi kesalahan-kesalahan tertentu yang sedia ada di bawah *Penal Code (P.C)* atau Kanun Keseksaan. Namun perlu kita maklumkan, bukan semua kesalahan berat yang perlu dikenakan hukuman sebat jika hukuman yang dikenakan didapati memadai.

Contohnya, jika hukuman mati dikenakan atau sekiranya hukuman gantung yang disebutkan dalam istilah lama dikuatkuasakan, dalam hal ini kesalahan di bawah Bab 6 Kanun Keseksaan, misalnya, kesalahan terhadap negara (*Offences Against the State*) yang keseriusannya setaraf dengan kesalahan baru yang dicadangkan dalam bab baru, 6A, juga tidak mengenakan hukuman berat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memilih untuk tidak mengenakan hukuman sebat kerana didapati hukuman yang dicadangkan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Ada pihak-pihak yang bangkit mengatakan, “Ini sangat *arbitrary*”, katanya. Ada pihak kena dan ada pihak yang tidak kena. Sebenarnya, walaupun dibuat kajian oleh House of Commons di England, dan juga kalau tidak silap saya, oleh India, tidak dapat menentukan secara tetap bagaimana penentuan “sebat” atau “bukan sebat” itu perlu atau tidak perlu dikenakan bagi sesetengah kes jenayah. Jadi, bagi kes-kes besar, kita boleh beri contoh.

Misal, pada seksyen 121 *Penal Code* atau Kanun Keseksaan, “... *waging war against the Yang di-Pertuan Agong*” ataupun melaksanakan peperangan ataupun keganasan ataupun tindakan yang boleh berbentuk sedemikian terhadap Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana ketua negeri, Sultan dan sebagainya, penaltinya ialah “gantung sampai mati” ataupun dipenjarakan seumur hidup. Seksyen 125 sebagai satu lagi contoh, “... *waging war against power in alliance with the Yang di-Pertuan Agong*”, penaltinya ialah pemenjaraan seumur hidup, atau dipenjarakan setakat 20 tahun dan dikenakan juga denda. Ini berbalik kepada perkara subjektif yang dituduh oleh pihak-pihak tertentu yang saya sebutkan tadi.

Penal Code kita sudah pun berada dalam sistem perundangan, kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1885 lagi, semasa Pulau Pinang dan Melaka menjadi sebahagian daripada *Straits Settlement* dan kemudian selepas 1895, selepas *The Federated Malay States*, dengan izin, diwujudkan di bawah sistem

Residensi. Oleh itu, undang-undang ini adalah undang-undang atau salah satu daripada perundangan yang amat lama, yang dahulunya dipadankan daripada undang-undang jenayah *Common Law* dan di *codify*, sama ada di India dan kemudian di negara kita. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, misal seksyen 125A – “ ... *harbouring persons in Malaysia or person residing in a foreign State at war or in hostility against the Yang di-Pertuan Agong*”, penaltinya juga adalah pemenjaraan seumur hidup dan/atau 20 tahun penjara dan/atau dikenakan denda.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, pergi kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulung. Isunya ialah mengenai ketiadaan takrif *conceptual* bagi keganasan di peringkat antarabangsa. Ini juga dicetuskan soalnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi beberapa kawasan lain, dan kita telah mendapati perlu dijelaskan keadaan seperti yang dimusykilkan itu.

Tidak semua jenis jenayah dapat diistilahkan sekali gus. Misalnya, jenayah di bawah 302, takrif apakah “pembunuhan” cuma diberi ilustrasi sebahagian daripadanya tetapi tidak ada diberi definisi yang terus-menerus, tepat, jelas dan diterima pakai oleh semua. Sebahagian daripada masalah ini, iaitu keganasan tadi atau *terrorism*, di peringkat antarabangsa memang tidak disetujui apakah yang boleh ditakrif dan dilunaskan definisi tersebut.

Jadi, Jabatan Peguam Negara yang telah berhempas-pulas untuk menzahirkan undang-undang ini dalam bentuk sekarang, memutuskan supaya soal definisi itu tidak mencacatkan undang-undang induk, cuma dapat ditentukan, apakah yang merupakan “*Terrorist Acts*” ataupun “*act of terrorism*” seperti yang disenaraikan tadi dari ‘A’ sampai ‘J’ dalam pindaan ini. Di atas ketakutan atau kesangsian kita, sebahagian daripada Ahli Yang Berhormat, mengatakan *the abuse of power will be unleashed* misalnya, daripada ini. Suka saya menyatakan, ini bukan keputusan yang akan dibuat oleh eksekutif tetapi akan dibuat oleh para hakim kita.

Justeru, oleh kerana ini merupakan sebahagian daripada *judicial function* dan juga fungsi kehakiman, saya percaya bahawa para hakim kita berkebolehan melihat dari undang-undang ini, apa yang merupakan “*act of terrorism*” seperti yang dikhuatiri itu.

Kedua ialah tentang *terrorist acts* yang dicadangkan kata beliau, untuk dimasukkan dalam Kanun Keseksaan tetapi tiada takrif *conceptual*. Jawapan itu, seperti

yang saya sumbangkan sebentar tadi dan saya berharap mendapat persetujuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang meminati tajuk tersebut. Sebenarnya, dari sebut *jurisprudence* atau sains mempelajari undang-undang, sebagaimana Profesor Hart menyatakan dalam bukunya tentang *Jurisprudence* yang dipakai oleh kebanyakan institusi pengajian undang-undang, istilah katanya adalah salah satu daripada permasalahan undang-undang itu sendiri tetapi sekiranya para hakim mengetahui erti am dan erti pemakaiannya, maka istilah itu boleh digunapakai. Barangkali kita boleh, Tuan Yang di-Pertua, bersandar kepada pandangan penulis *Jurisprudence* yang terkenal itu dan memendamkan perasaan kita tentang kesangsian tersebut.

Izinkan saya untuk memetik ucapan bekas Perdana Menteri kita semasa beliau merasmikan seminar yang bertajuk *Extraordinary Session of Islamic Conference of Foreign Ministers On Terrorism* pada 1 April 2002. Kata beliau, "*I would like to suggest here that armed attacks or other forms of attacks against civilians must be regarded as acts of terror and the perpetrators regarded as terrorists*", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Beliau menyambung, "*... whether the attackers are acting on their own or on the orders of their governments, whether they are regulars or irregulars, if the attack is against civilians, then they must be considered as terrorists.*" Pandangan Malaysia ini, pada ketika itu tidak disetujui oleh beberapa pihak tetapi.....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...kita di negara ini, nampaknya dapat menerima bahawa secara grafik, ini mungkin berlaku, yakni tindakan para *terrorists* atau pengganas akan muncul dalam bentuk apa jua sama ada secara kolektif, secara persendirian atau menerusi gagasan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun ingin merujuk kepada ucapan bekas Perdana Menteri di Sidang Khas Menteri-Menteri OIC tahun lepas, yang mana beliau merujuk sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi. Sebagaimana Yang Berhormat sebutkan, ditolak oleh sidang tersebut, atas sebab yang utama, iaitu bekas Perdana Menteri dalam ucapan itu juga, ingin persidangan itu mentakrifkan pertubuhan PLO itu sendiri sebagai satu pertubuhan *terrorists*, kerana

pada bekas Perdana Menteri, PLO walaupun menuntut kebebasan negara, walaupun menuntut untuk rakyat yang dizalimi itu dibebaskan daripada cengkaman tentera Zionis lebih daripada 50 tahun tetapi mengikut istilah rasmi Kerajaan Malaysia ketika itu, kumpulan PLO pun adalah kumpulan penganas. Adakah Kerajaan Malaysia hari ini sealiran dengan pandangan Kerajaan Malaysia pada April 2002 yang lalu ataupun kita berbeza sedikit daripada mentakrifkan PLO sebagai penganas? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, walaupun isu ini tidak berkaitan secara langsung dengan rang undang-undang, suka saya menyatakan bahawa soal mentakrif PLO tidaklah menjadi masalah, oleh kerana PLO telah pun dibantu oleh Malaysia sekian lama dan kedutaannya secara tidak rasmi telah dibantu secara sedemikian yang kita ketahui. Selain daripada itu, hubungan antara dua negara ini sangat baik tetapi, yang penting kita fahami ialah apabila muncul sesuatu perbuatan, perbuatan itu tidak kira datang dari keluarga kita atau dari jiran kita, sekiranya menepati apa-apa yang ditakrif dari (a) sampai (i) yang di dalam akta kita misalnya, harus dianggap sebagai "act of terrorism".

Jadi, sebelum itu muncul, harus kita faham bahawa preventive ways atau cara-cara *preventive* perlu dicari. Justeru, setakat ini masalah PLO tidak timbul dalam bentuk konflik ataupun perkelahian hubungan ataupun bentuk-bentuk yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi untuk menjelaskan sedikit tentang, adakah takrif dalam Seksyen 130B(2) dalam rang undang-undang ini mengambil kira dan menggambarkan kehendak dan pandangan Malaysia sendiri, atau adakah Malaysia tunduk kepada kehendak pihak-pihak tertentu seperti yang diduga oleh beberapa pihak. Diterangkan di sini iaitu pindaan yang dicadangkan kepada Kanun Keseksan ini adalah satu takrif dari segi undang-undang bagi ungkapan "*Terrorist Acts*". yang kita lihat ialah perbuatan itu. Kita tidak melihat terrorisme. Kita lihat perbuatannya. Sebagaimana juga kita melihat perbuatan membunuh, perbuatan *homicide* atau perbuatan *manslaughter* yang ditakrif oleh pihak-pihak di mahkamah dan juga dalam guaman, kita tidak melihat dalam kumpulan itu sendiri. Inilah yang dapat ditakrif oleh Jabatan Peguam Negara, setelah izinkan saya menggunakan istilahnya, *ransacked their legal minds*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya suatu takrif "*conceptual*" dengan sendirinya tidak dapat mewujudkan kesalahan di sisi undang-undang. Oleh itu, sebagai tambahan,

bukan amalan lazim untuk memasukkan perkara dasar dan *conceptual* dalam instrument undang-undang seperti ini. Apabila perundangan telah dibuat secara perbandingan mengenai kesalahan keganasan di negara-negara lain khususnya, makna yang diberikan kepada ungkapan itu, didapati bahawa perbuatan sebagaimana yang dibenarkan wajar digolongkan kepada perbuatan keganasan.

Jadi, sabitan daripada itu, walaupun senarai perbuatan itu mungkin berbeza elemen *mens rea* atau niat jahatnya berbanding dengan *actus reus* iaitu perbuatan yang menterjemahkan niat jahatnya, diperlukan untuk membuat perbezaan. Jadi di sini, kita barangkali dapat membuat perbandingan setelah saya bacakan satu penentuan yang telah dibuat dalam undang-undang, yakni *where the act of threat is intended or may reasonably be regarded as being intended to intimidate the public or a section of the public or influence or compel the government of any international organization to do or refrain from doing any act*. Ini luas, saya akui tetapi ianya akan juga menjadi satu bahan preventive apabila sampai masanya kita bertemu dengan musuh, yang tidak dapat tiada mesti kita tentang dalam bentuk menyelamatkan negara kita.

Dimaklumkan juga, Tuan Yang di-Pertua, takrif "*Terrorist Acts*".....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:..... yang dicadangkan itu, selaras dengan takrif yang dicadangkan dalam kebanyakan *convention* berkaitan dengan terrorism yang telah diterima oleh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:pihak-pihak antarabangsa, khususnya Bangsa-Bangsa Bersatu. Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya, kita boleh selesaikan akta ini, bagi peluang untuk menerangkan. Jadi, buat sementara ini, saya teruskan dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekejap lagi saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat.

Pandangan Yang Berhormat bagi Pokok Sena agak keterlaluan bila dikatakannya bahawa dikatakannya ciplak undang-undang ini daripada *Patriot Act*. Hai, kecil hati kita, bila dengar perkara ini... [Ketawa] Kalau Yang Berhormat boleh bangun dan tunjuk kepada Dewan ini, bab mana dan seksyen mana yang diciplak daripada *Patriot Act* atau *Save America Act 2000*, barulah boleh saya terima pandangan tersebut tetapi kalau ia merupakan serkap jarang sahaja, saya kira tidaklah patut.

Saya boleh menyatakan di sini para pegawai undang-undang kita sudah memakan masa enam bulan untuk meneliti, mengkaji undang undang-undang ini sebelum ia zahir dalam bentuk yang ada sekarang. Jadi, tiba-tiba kalau dikatakan ini ciplak daripada *Patriot Act*, ini akan menimbulkan sedikit kegusaran dan ini merupakan pandangan yang tidak tepat. Pagi tadi, saya baru menyatakan, elok kita berhemah dalam menyatakan sesuatu dan jika ianya tidak tepat, barangkali kita buat analisis terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat bagi Batang Lupar banyak menimbulkan masalah daripada kaca mata beliau, sebahagian daripada isu ini saya akan cuba memberi penjelasan semasa kita membuat ulasan untuk menerangkan hal-hal berkaitan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan. Seksyen 1300(), soalan timbul mengapa khusus kepada peguam dan akauntan dan bagaimana dengan orang lain yang boleh dilantik sebagai nominee atau ejen seperti jurutera, doktor, setiausaha syarikat dan sebagainya.

Kita harus rujuk kepada Seksyen 1300(2), "*financial services or facilities*", perkataan itu ditakrifkan sebagai *includes the services and facilities offered by lawyers and accountants as nominees or agents for their clients - includes*, termasuk bukan bermakna kita terus serkap mereka sebagai *activator subject of this act*.

Jadi, dalam hal menerangkan ini, kepakaran antarabangsa yang telah dizahirkan menerusi penelitian kegiatan *terrorisme*, sama ada peguam atau akauntan mahu tidak mahu terlibat dengan beberapa transaksi yang jelas, sudah pun terbukti sebagai penting dalam masalah-masalah berkaitan kewangan. Beberapa kes yang terlibat di Indonesia dan juga di negeri Thailand, menunjukkan bahawa akauntan memang faham tentang transaksi yang telah berlaku. Jadi, mereka dianggap oleh pihak-pihak tertentu penguat kuasa sebagai "*accessory to the crime*". Dalam undang-undang kita, ianya bukan

penekanan yang utama tetapi termasuklah jika mereka bergiat sedemikian, maka terpaksa mereka menghadapi muzik atau masalah yang dicetuskan oleh mereka sendiri.

Saya ingin memberi penjelasan khususnya kepada badan profesional peguam dan akauntan. Jika mereka tidak ada kaitan langsung dengan masalah *terrorism* atau *act of terrorism* seperti yang disenaraikan di bawah peruntukan yang saya sebut tadi, tidak perlu gusar dan Peguam Negara bukan orangnya yang terus-menerus akan membuat dakwaan di bawah seksyen-seksyen yang ditambah dalam Kanun Keseksaan kita pada petang ini, malah beliau akan mengkaji hal ini secara mendalam menerusi *comparative basis*, dengan izin, dan sebab itu, kita telah dahulukan di Dewan ini, kelulusan undang-undang kerjasama, berkenaan dengan jenayah dan juga mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan jenayah sempadan dan antarabangsa dan itu akan membantu usaha kita setelah ini diluluskan oleh Dewan dan selarastah kerja-kerja kita di perenggan antarabangsa sebagai negara yang kemas kini dalam undang-undangnya menghadapi kemungkinan-kemungkinan tersebut.

Isu berikut. Adakah hukuman mati boleh dikenakan terhadap akauntan dan peguam? Kedua-dua profesion itu dinyatakan secara khusus kerana ia merupakan dua daripada profesion yang jelas berkaitan dengan perkhidmatan sedemikian. Di samping daripada keadaannya yang memberi *facility* ataupun kemudahan dalam urusan-urusan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, ungkapan peguam dan akauntan perlu ditafsirkan mengikut makna biasa. Kedua-dua profesion itu dikawal selia oleh akta khusus iaitu Akta Profesion Undang-undang 1976 dan Akta Akauntan 1967 dan syarat-syarat tertentu harus dipuaskan sebelum seseorang itu boleh merepresentasi atau mewakili diri dan menjalankan bidang tugas masing-masing.

Soal mengenai *lethal device* yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan saya kira hal ini penting dijelaskan. Justeru, *pertinent* dan bertepatan dengan kehendaknya, apa sebab digunakan bukan ungkapan lazim seperti *offensive weapon*.

Tuan Yang di-Pertua, ungkapan *lethal device* telah digunakan sebagai sebahagian daripada ungkapan yang lebih iaitu *explosives or other lethal devices* dan

ungkapan ini adalah ditakrifkan dalam Seksyen 130B(1) sebagai *an explosive or incendiary weapon or device that is designed or has the capability to cause death, serious bodily injury or substantial material damage*. Ini sangat grafik dan jelas. Sebab itu penggunaan *lethal device* itu adalah bertepatan dan bukan seperti yang diujarkan oleh sesetengah pihak tadi, terima pakai daripada wayang gambar ataupun tayangan televisyen.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan perkara yang berkaitan dengan satu lagi takrif iaitu sama ada desiminasi atau *impact of toxic chemical, biological agents* atau *toxin* atau *similar substances or radiation or radioactive material* perlu dijelaskan dalam konteks soalan yang sebelum tadi. Penggunaan istilah ini adalah selaras dengan istilah yang digunakan, antara lain di dalam *International Convention for the Suppression of Terrorist Bombings* yakni Artikel 1.3 dan *Commonwealth Model Legislative Provisions* tahun 2002.

Selain itu, dipersoalkan juga penjelasan sama ada *civil defence* termasuk pasukan bomba. Suka dijelaskan, Tuan Yang di-Pertua, takrif bagi *civil defence* terdapat dalam Akta Civil Defence 1951 atau Civil Defence Act dan Seksyen 2 ada menerangkan secara jelas yakni *civil defence includes any measure not amounting to actual combat for affording defences against any form of hostile attack or for the depriving any form of hostile attack on the whole or part of its effect, whether the measures are taken before, at or after the time of the attack*.

Ini jelas menunjukkan bahawa kemusyikilan Yang Berhormat bagi Batang Lupar itu dapat dijelaskan dalam konteks perbandingan istilah dan juga definisi yang diperlukan. Namun dalam konteks Seksyen 130B ceraihan 2, diperhatikan bahawa *civil defence* hanya merupakan satu daripada contoh *essential emergency services* yang terhadapnya dianggap sebagai perbuatan keganasan.

Oleh yang demikian, pasukan bomba sudah tentu tergolong dalam ungkapan am yang disebut tadi, yakni *essential emergency services* dan tidak perlu dirangkumi dalam istilah *civil defence*.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh membangkitkan soal tuduhan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim ada kaitan dengan Al-Qaeda dan menunjukkan, kata beliau, ini ada perancangan atau konspirasi untuk membunuh karier Dato' Seri. Saya tidak

dapatlah membuat jangkauan sedalam itu. Berita ini bangkit dari Australia dan diakui di sini tidak semena-mena akhbar vernakular kita menerbitkan berita itu sedemikian rupa dipamerkan. Kalau saya ditanya, berita ini tidak payah keluar di sini seperti yang diujahkan oleh Canberra tetapi sudah keluar.

Ingin saya menyatakan, ini bukan kerja kerajaan kita. Kerajaan tidak ada membuat tohmahan ataupun tuduhan seperti itu. Perkara yang penting di sini ialah memang saya setuju dengan pandangan bahawa kemungkinan bahawa ada pihak di luar negara yang cuba memutarbelitkan keadaan.

Tentang hujah bahawa International Institute of Islamic Thought (IIIT) disalah guna atau tidak? Ini bukan soal yang seharusnya dapat saya jawab di Dewan ini tetapi pandangan kerajaan tidak ada menjurus kepada yang buruk dalam soal tersebut. Saya berharap bahawa Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tidak merasa sangsi yang kononnya ada apa-apa kaitan dengan secara rasmi, dengan pimpinan ataupun kerajaan kita.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya ada masalah ringkas sahaja. Inilah yang kita bimbangkan apabila Rita Kartz yang mempunyai agenda sendiri yang telah mempunyai satu pertubuhan di Amerika, kononnya beliau bertugas untuk mengkaji tabung-tabung kewangan gerakan yang ada hubungan dengan keganasan melaksanakan pemberitaan ini melalui SDS dan kemudian disiarkan di Australia dan disiarkan oleh *Bernama*, *The New Straits Times* dan *Berita Harian* membawanya sebagai berita muka hadapan, serta-merta Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, telah membuat pengumuman bahawa kerajaan ataupun polis akan bertindak dan menyiasat, sedangkan ini adalah agenda di Amerika. Yang bertindak balas dengan serta-merta ialah polis Malaysia. Kalau Yang Berhormat Datuk kata ini tidak ada kena-mengena dengan kerajaan, adalah tidak benar. *Bernama* adalah agensi kerajaan dan Ketua Polis Negara adalah kakitangan kerajaan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Telahan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian itu boleh saya gulungkan begini. Apabila PDRM menerima sesuatu berita yang menggoncangkan seperti itu, memang wajar baginya untuk menyiasat tetapi bukan menyiasat untuk tujuan yang bukan-bukan. Menyiasat sebaik mungkin di manakah justifikasi ataupun kebenaran punca berita itu. Sekiranya PDRM berdiam dan berpeluk

tubuh, dia tidak menjalankan tugas sebab ini berkaitan dengan seorang warga Malaysia yang kononnya dikaitkan secara antarabangsa dan tohmahan yang dikaitkan dengan perkara-perkara lain. Dengan lain perkataan, akan lahir nanti siasatan dan hasilnya yang menunjukkan bahawa kemungkinan ini berpunca daripada imbasan orang luar sahaja. Justeru, jika itu berlaku, siasatan itu akan membantu keluarga Dato' Seri Anwar dan juga pihak-pihak yang berasa bahawa hal ini telah dipermainkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan pendirian kerajaan dalam soal ini jelas iaitu kita tidak menerima berita itu sebagai rasmi dan tidak ada ura-ura untuk menyalahgunakan berita itu ataupun mengambil apa-apa *political mileage* daripadanya, jauh sekali.

Seterusnya beliau menyatakan yakni Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, beliau tidak setuju dengan rang undang-undang ini yang memberi kuasa mutlak kepada polis dan Menteri Dalam Negeri. Sebenarnya, pindaan yang dicadangkan kepada Kanun Keseksaan ini hanya mewujudkan kesalahan khusus mengenai keganasan dan siasatan-siasatan yang perlu dijalankan hendaklah dilaksanakan. Ia tidak ada memberi kuasa apa-apa kepada Menteri Dalam Negeri, berbanding dengan ISA ataupun Undang-undang RRE, Restricted Residence Enactment 1933 ataupun Undang-undang Public Order 1958 dan sebagainya.

Beliau juga menggunakan istilah "ciplak", undang-undang yang jelak, katanya dari Barat. Ini saya kira adalah *generic term* yang digunakan oleh beliau. Saya berharap beliau meneliti lagi punca undang-undang yang kita buat ini dan tidak seperti Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi, bersama-sama membuat satu golongan dalam satu bakul... [Ketawa] Walau bagaimanapun, saya memahami barangkali di atas perasaan dan juga kesan undang-undang yang lain, maka pandangan itu dikemukakan.

Dijelaskan juga iaitu keputusan untuk mendakwa seseorang atas mana-mana kesalahan di bawah undang-undang adalah berdasarkan bukti dan ini tidak terkecuali daripada proses tersebut dan kenyataan bahawa rang undang-undang ini memberi kuasa mutlak kepada pihak tertentu, juga tidak seragam dengan apa yang telah diistilahkan menurut terma-terma untuk enakmen undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini iaitu apakah sebab Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Pindaan) 2003, Rang

Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2003, Rang Undang-undang Mahkamah Rendah 2003 dan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2003 dibentangkan pada masa ini?

Suka saya menerangkan iaitu Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah tidak dibentangkan di sini dalam bacaan kali kedua oleh kerana saya sendiri telah membangkitkan beberapa persoalan yang harus kerajaan memikirkan dahulu. Jadi, pindaan CPC tidak dibawa sekali gus dalam sesi ini. Kita akan memaklumkan kemudian bagaimana dan kenapa pindaan itu terpaksa ditangguhkan sebentar, memandangkan bahawa ada beberapa peruntukan yang harus dihalusi, berbanding dengan penalti-penalti tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya cadangan pindaan yang dikemukakan bertujuan menjadikan keganasan suatu kesalahan khusus di bawah undang-undang Malaysia dan peruntukan khusus didapati wajar, walaupun pada hakikatnya elemen kesalahan boleh ditangani secara am mengikut peruntukan undang-undang sedia ada seperti kesalahan membunuh atau mencederakan atau merosakkan harta di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Bahan Letupan 1957.

Muslihat yang bangkit ialah katakanlah ada *terrorist* atau penjenayah yang istilahnya berkaitan dengan konvensyen antarabangsa yang datang ke rantau ini ataupun merosakkan kepentingan negara, negara tidak dapat kemudahan untuk bekerjasama dengan negara lain sekiranya undang-undang ini tidak kita bentangkan dalam format yang telah dipersetujui. Jadi konvensyen itu bukanlah konvensyen yang diadu-domba tetapi konvensyen yang sesungguhnya Malaysia mempunyai kepentingan dalam konteks kita bekerjasama membantu antara satu dengan lain menangani perbuatan jenayah yang hebat ini.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah kurang senang dengan bahasa yang digunakan dalam Seksyen 130(2i). Beliau menyatakan “ ... *involves prejudice to national security or public safety...*” kerana katanya *national security* sangat luas dan terlalu kabur atau *abstract*. Penjelasan yang dapat saya berikan setakat ini ialah seksyen tersebut merupakan suatu peruntukan yang lebih am daripada peruntukan lain yang terdahulu tetapi khusus untuk menangani perbuatan yang menjejaskan keselamatan negara yang tidak disenaraikan secara khusus. Barangkali pemikiran kita

adalah terjurus kepada Seksyen 8, ISA di mana di situ juga disebut "... *prejudicial to the security of the federation or any part thereof...*" Itu memang disebut dalam undang-undang tersebut tetapi importnya ke dalam seksyen ini oleh kerana *prejudice to national security* tidak boleh kita katakan sebagai terlalu luas atau merupakan sesuatu yang di luar bidang takrif.

Ada beberapa kes di mana takrif "prejudice to national security" Ini boleh diguna pakai dan case law ini masih berkuat kuasa dan ahli bolehlah membuat rujukan kepada beberapa kes itu termasuk sebuah kes bernama 'Asa Singh'... [Ketawa] yang diputuskan dalam tempoh tahun-tahun kemerdekaan dan menjelang memasuki Malaysia dahulu. Takrif di situ pun menunjukkan bahawa jika mahkamah puas hati bahawa prejudis yang disebutkan itu adalah perkara yang bertentangan dengan keadaan yang memerlukan keselamatan dijaga. Tuan Yang di-Pertua, ancaman yang berkenaan yang diduga oleh pihak berkuasa boleh datang dari dalam atau luar Malaysia.

Sekiranya, katalah Petronas diancam oleh pihak-pihak berkenaan tentang khazanah yang dimilikinya atau minyak yang dipegangnya sebagai harga negara, maka undang-undang ini boleh kita gunakan secara yang berkesan oleh kerana tindakan *terrorism* itu telah kita takrifkan dan ia prejudis kepada keselamatan negara kita. Saya maklum juga bahawa keadaan am yang disebutkan ini tidak memuaskan banyak pihak tetapi itu memang menjadi lumrah dalam beberapa peruntukan undang-undang sebab sebagai undang-undang buatan manusia, tentulah ada kemudiannya percanggahan atau sebutan yang tidak dapat kita penuhi semasa kita merangkul erti yang paling tepat.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga membuat pemerhatian bahawa hukuman lebih berat, katanya, diperkenalkan untuk mengatasi masalah peningkatan jenayah. Reaksi yang boleh kita beri ialah hukuman berat bertujuan sebagai deterrent factor atau faktor yang mencanggahi keadaan seperti yang diduga tetapi tidak selalunya berjaya. Jika keadaan itu telah diperolehi daripada situasi jenayah yang bersedia diambil, risikonya yang tinggi oleh pihak-pihak tertentu ini memerlukan elemen sekuriti. Ertinya jika tujuan menjalankan sesuatu itu untuk mementingkan ideologi tentu tinggi nilainya atau dari segi penghartaan, nilainya pun tinggi dari segi wang ringgit, itu pun boleh digunakan sebagai perbandingan kenapa, Tuan Yang di-Pertua, maka hukuman

yang dikenakan itu adalah selunas hendaknya dengan perbuatan yang diduga salah di bawah undang-undang.

Hukuman berat juga tidak bertujuan sebagai pengganti kepada tuduhan pencegahan seperti *public awareness* dan *public awareness* ini boleh diwujudkan menerusi bantuan media ataupun dengan proses pendidikan kita yang mirip kepada *rule of law* yakni keluhuran undang-undang atau keagungan undang-undang yang diberi salurannya menerusi penerapan nilai-nilai positif dalam pendidikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu pemulihan atau *rehabilitation* yang juga dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga termasuk, izinkan saya menyatakan bahawa dalam soal *terrorism*, soal untuk *rehabilitate* amatlah sukar. Mereka iaitu penjenayah atau *terrorist* ini mempunyai, satu *mind set* yang tidak lagi *permeate*, dengan izin, dengan pemikiran biasa. Beberapa kes di Indonesia yang dilaporkan itu dan juga kes-kes yang terdapat di Thailand menunjukkan bahawa soal rehabilitasi seseorang yang berkaitan dengan *terrorism* langsung tidak dapat diterima oleh golongan-golongan tersebut oleh kerana mereka telah terasuh dengan situasi, amalan dan juga pelaksanaan *ism* mereka. Sama ada ini boleh kita uji atau tidak dengan beberapa kes menerusi kes Al-Maunah dan sebagainya, saya tidak dapat menyatakan tetapi nampaknya mereka yang telah melalui jurusan tersebut sukar untuk dipulihkan.

Namun jika mereka menjalani pemenjaraan di kawasan domestik di Malaysia, kemungkinan kita boleh merehabilitasikan mereka tetapi soalnya siapakah yang akan jadi kaunselor dalam bidang tersebut? Soal ini soal berat dan tentulah Kementerian Dalam Negeri terpaksa nanti memikirkan bagaimana soal pemulihan ini dapat dijalankan secara ilmu jiwa yang paling tajam dan bernas dan pada masa yang sama menepati kehendak tuntutan undang-undang. Soal ini tidak sama dengan soal pemulihan dadah sebab soal dadah ada benda yang dimakan atau disuntik atau dilunaskan menerusi rongga manusia yang lain. Soal *terrorism* adalah soal minda dan soal ini berkaitan dengan perjuangan mereka. Ia bukan sesuatu yang mudah bagi kita untuk membuat tanggapan secara fleksibel atau *arbitrary*. Justeru, diharap Yang Berhormat bersabar. Sementara undang-undang ini kita laksanakan, saya akan kemukakan kepada kerajaan supaya memikirkan tentang kaunseling tadi. Jika mereka yang tidak kena hukuman gantung

atau hukuman mati, mereka harus diberi kaunseling dalam bentuk penentuan kita ke arah *preventive*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah jawapan selesai sebelum 5.30?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Jadi kalau tadi saya jalan 30 batu sejam Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi 60 km sejam.

Yang pertama, Yang Berhormat bagi Pokok Sena mengatakan bahawa prasyarat untuk meminda rang undang-undang ini memerlukan sesuatu perisytiharan atau *convention* yang hendaklah ditepati tetapi beliau pada nada yang sama telah menyatakan bahawa bidang cakup undang-undang ini adalah kepada undang-undang Amerika seperti *Save America Act* atau *Patriot Act* yang mana jawapannya telah saya sebutkan tadi. Ini bukan kerja tergesa-gesa, ia seperti yang saya sebutkan tadi telah dijalankan menerusi sistem good faith dan kita telah menzahirkan undang-undang ini dengan kelahiran semangat membina negara kita dari ancaman luaran.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga menanyakan adakah kerajaan memansuhkan ISA dengan adanya pindaan ini. Ini tidak timbul, Yang Berhormat, sebab saya tidak ada diberi mandat oleh Menteri Dalam Negeri untuk menjawab soalan itu. Namun saya kira ada beberapa peruntukan di sini yang boleh menjadi perbandingan nanti kepada ISA sekurang-kurangnya Seksyen 8 dan 73 di mana kuasa-kuasa tertentu itu mudah-mudahan dalam jangka zaman kita memikirkan yang baik dapat dilunakkan pemakaian dan juga implikasinya tetapi ini bak kata Inggeris, "*It's another kettle or fish*" dengan izin, kita akan jawab soalan itu apabila kita berhadapan dengan kajian yang dijalankan oleh kerajaan sekarang tentang ISA dan juga akta-akta *Public Order* serta tuntutan undang-undang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk pergi kepada soalan adakah benar bahawa kerajaan tidak mengambil tindakan berhubung dengan konvensyen hak asasi manusia. Soal ini adalah soal yang biasa dan telah pun dijawab sepanjang masa kita menjawab soalan-soalan berkaitan dengan hak asasi manusia. Suhakam telah kita wujudkan dan ini adalah manifestasi kerajaan untuk sama-sama kita menangani

masalah *human rights* di negara ini dan kita beri masa untuknya berkembang dan mencapai tahap kemajuan yang diminati oleh sebahagian besar daripada pejuang-pejuang kita.

Saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana....

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dengar, dengar dahulu. Sila duduk, Yang Berhormat! Saya tahu tugas saya di sini. Oleh kerana ada Yang Berhormat bagi kawasan Seputeh untuk mengemukakan usul Peraturan Mesyuarat 54(2), saya minta Yang Berhormat bagi Seputeh kemukakan usul itu.

5.27 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adalah jelas bahawa tujuan kerajaan memansuhkan B6(a) mengenai kesalahan berkaitan dengan terrorism dalam Kanun Keseksaan ini adalah untuk mengambil tindakan terhadap aktiviti pengganas tetapi malangnya selain daripada hukuman yang terlalu berat, definisi terhadap pengganas, kumpulan pengganas dan kelakuan pengganas yang terkandung dalam rang undang-undang ini adalah terlalu luas sehingga banyak fasal yang terkandung dalam Bab 6(a) dalam Kanun Keseksaan ini.. [*Tepuk*] boleh disalahgunakan dan diselewengkan oleh pihak berkuasa dengan senangnya. Mengikut definisi *Terrorist Act* yang termaktub dalam 130D(2) dalam rang undang-undang ini, ia dibahagikan kepada dua bahagian:

- (a) merupakan *actus reus* iaitu kesalahan yang dilakukan dan A(a) ke B(b) yang merangkumi *mens rea* ataupun jenayah yang diingini. Setiap kesalahan yang tersenarai daripada 'A' ke 'J' ini telah dianggap sebagai tindakan pengganas tetapi sebenarnya mereka ini adalah kelakuan keganasan yang boleh ditangani dengan seksyen lain dalam Kanun Keseksaan, *Abduction and Criminal Intimidation of Witnesses Act, Corrosive and Explosive*

Substances and Offensive Weapons Act, Explosives Act, Firearms Increased Provision Act, Internal Security Act, Poisons Act, Public Order Act; dan

- (b) bagi Seksyen 2E dan 2F mengenai penggunaan senjata api, bahan bahaya, bahan kimia toksik ataupun "*microbial*" dalam rang undang-undang ini, ia sebenarnya boleh ditangani dengan Seksyen 57 dan Seksyen 58 dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan ISA malah memberi definisi dan penerangan yang lebih terperinci berbanding dengan pindaan terhadap Kanun Keseksaan ini. Jadi Subseksyen 2E ke 2F sepatutnya dibuang...

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kesalahan di bawah Subseksyen 'A' ke 'I' dalam Seksyen 2 ini boleh dianggap sebagai tindakan pengganas, dengan itu seseorang yang hanya mencederakan atau memukul orang lain dan dianggap mengancam sekumpulan orang awam pun boleh dianggap sebagai pengganas dan didakwa di bawah Seksyen ini. Sebenarnya tindakan keganasan seperti perkelahian ini boleh ditangani dengan menggunakan Seksyen 351 dan 354 dalam Kanun Keseksaan. Ini bermaksud Subseksyen 'A' ke 'I' dalam rang undang-undang ini sebenarnya adalah satu pertindihan dalam Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak faham kenapakah Rang Undang-undang ini menyenaraikan subseksyen (a) ke (h) dalam subseksyen (2) ini kerana subseksyen (i) yang berbunyi: "*Involved prejudice to national security of public safety*" telah pun merangkumi kesemua tindakan keganasan pengganas. Jadi subseksyen (a) ke (h) ini merupakan fasal bertindih. Manakala kemasukan subseksyen baru iaitu (aa): "*Intimidate the public or the section of the public...*"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, panjangkah ucapan?

Beberapa Ahli: Panjang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hanya dapat diberitahu kepada Dewan, mengapa usul 54 itu diperlukan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, saya sepatutnya membuat ucapan ini tadi tetapi Speaker yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini, ini...

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...selepas itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...ucapan untuk membahaskan rang undang-undang ini tidak diperlukan sekarang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kerana saya dibenarkan dan saya diminta untuk berucap dalam

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hanya beritahu sebab-sebab mengapa

Puan Teresa Kok Suh Sim:pada waktu sekarang. Ini adalah keputusan yang dibuat oleh Speaker tadi.

Seorang Ahli: Dia kata boleh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dia kata boleh. Saya boleh buat ucapan ini dan saya juga sudah beritahu dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak boleh. Saya tidak akan membenarkan ucapan terhadap rang undang-undang. Sekarang terpaksa kita akan buat keputusan sama ada 54(2), usul itu diterima atau ditolak.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Itulah saya menyenaraikan satu persatu alasannya yang ia harus dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan kerana rang undang-undang ini tidak baik. Jadi ini sebabnya saya memberi satu penerangan yang terperinci.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau fasal itu saya terima, bukan perbahasan atas rang undang-undang [*Disampuk*]. Maka berapa lama lagi perlu disampaikan?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Setengah jam lagi [*Keadaan Dewan gamat*] [*Disampuk*]. Ya, boleh saya teruskan hari Isnin? Ya, hari Isnin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hari Isnin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...saya suka mengingatkan hanya sebab-sebab mengapa usul

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, memang sebab-sebab. Memang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...ini perlu diluluskan ini kepada Yang Berhormat. Untuk membahaskan undang-undang, saya fikir tidak akan dibenarkan kerana Menteri telah memberi penjelasan terhadap semua perkara yang dibangkitkan. Baik, kalau dengan ini saya....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Atau saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:terpaksa tangguhkan mesyuarat ini kerana masa sudah cukup.

Seorang Ahli: Bijak, bijak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, minggu depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.

12 Disember 2003

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P., S.S.A.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. D.C.S.M. (Selandar)
- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Menteri Kewangan Kedua, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- “ Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S., S.S.A.P. (Selayang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, [Dato’](#) Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading)

- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, D.M.S.M. (Mersing)
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- ” Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
- “ kosong (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P., D.M.S.M. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Dato’ Haji Amihamzah bin Ahmad, D.I.M.P. (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)

- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- " Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)

- “ Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- Yang Berhormat Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- ” Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- ” Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- ” Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato’ Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)

- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Dato’ Othman bin Abdul (Pendang)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- ” Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- ” Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- ” Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- ” Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ **Tan Sri Dato'** Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- " Dato' Tiong Thai King (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ **Datuk Haji** Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ **Tan Sri** Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N., S.I.M.P.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.

" Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N.,
J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof Mohamed
Shahrizan bin Sarif

JURUBAHASA SERENTAK

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd.
Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Hindun binti Wahari
Rozaimah binti Mohamad Ariffin
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani

Alias bin Mohd. Nor

Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

www.parlimen.gov.my

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Jilid V

Bil. 66

Khamis

6 November 2003

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 21)

USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) (Halaman 22)

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 (Halaman 55)